



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

2021



Trend
INDIKATOR
Pendidikan Malaysia

Trend **INDIKATOR** Pendidikan Malaysia **2021**

Diterbitkan oleh / *Published by* :

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1 – 4, Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603 – 8884 6296
Faks: +603 – 8889 5718
Laman web: www.moe.gov.my

*Educational Policy Planning and Research Division
Ministry of Education Malaysia
Levels 1 – 4, Block E8, Government Complex Parcel E
Federal Government Administrative Centre
62604 Putrajaya, Malaysia*

*Tel: +603 – 8884 6296
Fax: +603 – 8889 5718
Website: www.moe.gov.my*

Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan / *Cataloging-In-Publication*
Perpustakaan Negara Malaysia / *National Library Malaysia*

ISBN 978-983-9522-33-4

© Hak Cipta Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang diboleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

© *Copyright Ministry of Education, Malaysia*

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any forms or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, and/or otherwise without the prior written permission from Ministry of Education, Malaysia.

Disember 2021 / *December 2021*



Kata Alu- Aluan Pengarah BPPDP

PENGARAH
Bahagian Perancangan dan
Penyelidikan Dasar Pendidikan

DR. HAJAH ROZIAH BINTI ABDULLAH



Buku Trend Indikator Pendidikan Malaysia (BTIPM) 2021 merupakan kompilasi indikator utama pendidikan negara bagi tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Trend indikator yang terkandung dalam buku ini bertujuan untuk memaparkan perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai dalam aspek input, akses dan output sistem pendidikan Malaysia sepanjang tempoh sedekad yang lalu. Sebagai kesinambungan daripada dua edisi terdahulu, sebahagian besar daripada indikator berkaitan perbelanjaan pendidikan, murid, guru, peperiksaan serta sekolah dan infrastruktur masih dikekalkan dalam edisi kali ini dengan penambahbaikan seperti indikator yang melibatkan Murid Berkeperluan Khas (MBK).

Seterusnya, penerbitan BTIPM 2021 turut memuatkan isu khas mengenai pendidikan di Malaysia dalam suasana pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia semenjak awal tahun 2020. Krisis kesihatan global ini telah merubah sebahagian besar norma kehidupan masyarakat termasuklah dalam bidang pendidikan. Sehubungan dengan itu, isu khas BTIPM 2021 memberikan gambaran kepada pembaca mengenai impak pandemik ini serta *way forward* dalam pendidikan norma baharu.

Saya percaya penghasilan BTIPM 2021 dapat memberi manfaat kepada penggubal dasar, penyelidik dan warga KPM sebagai rujukan dan panduan. Selain itu, buku ini juga dapat membantu individu, agensi luar KPM dan pihak swasta untuk mendapatkan gambaran mengenai sistem pendidikan negara. Saya juga yakin bahawa analisis data dan indikator yang dipaparkan melalui buku ini dapat membantu dalam proses perancangan, pelaksanaan serta penilaian keberkesanan dasar atau program pendidikan di Malaysia.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan penerbitan BTIPM 2021. Semoga komitmen dan kerjasama semua pihak akan berterusan dalam menghasilkan penerbitan KPM yang berkualiti pada masa akan datang.

KANDUNGAN

Kata Alu-aluan Pengarah BPPDP	iii
Kandungan	iv
Senarai Jadual	xi
Jawatankuasa Penyediaan dan Penulisan Buku Trend Indikator Pendidikan Malaysia 2021	xvii
ISU KHAS BUKU TREND INDIKATOR PENDIDIKAN MALAYSIA 2021: PENDIDIKAN DI MALAYSIA DALAM SUASANA PANDEMIK COVID-19	1
<ul style="list-style-type: none"> • Pandemik Covid-19 dan Impaknya Terhadap Pendidikan di Malaysia • <i>Way forward</i> Hala Tuju Pendidikan di Malaysia dalam Norma Baharu 	

INDIKATOR PENDIDIKAN DAN PENDUDUK				
BAB 1	1.1	Pengenalan	12	
	1.2	Indikator Pendidikan dan Kegunaan	12	
	1.3	Jenis Indikator Pendidikan	13	
		1.3.1	Indikator Input	
		1.3.2	Indikator Akses	
		1.3.3	Indikator Output	
		1.3.4	Indikator Hasil	
	1.4	Skop Buku Trend Indikator Pendidikan Malaysia 2021	15	
	1.5	Penduduk Malaysia Mengikut Kumpulan Umur Berdasarkan Peringkat Pendidikan	17	
		1.5.1	Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Prasekolah	
		1.5.2	Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Rendah	
		1.5.3	Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Menengah	
		1.5.4	Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Lepas Menengah	
	1.6	Penutup	21	
		Jadual / Data	22	

PERBELANJAAN PENDIDIKAN			
BAB 2	2.1	Pengenalan	24
	2.2	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan	24
	2.21	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Pendapatan Negara Kasar (PNK)	
	2.3	Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelajaan Mengurus	26
	2.3.1	Perbelanjaan (Pembangunan dan Mengurus) Mengikut Peringkat Pendidikan	
	2.3.2	Perbelanjaan Mengurus Mengikut Komponen Perbelanjaan	
	2.4	Kos Purata Murid Mengikut Peringkat Pendidikan	29
	2.5	Penutup	30
		Jadual / Data	31

PENYERTAAN MURID PERINGKAT PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH			
BAB 3	3.1	Pengenalan	36
	3.2	Pendidikan Peringkat Prasekolah	36
	3.2.1	Enrolmen Prasekolah Awam dan Prasekolah Swasta	
	3.2.2	Kadar Penyertaan Peringkat Prasekolah	
	3.2.3	Purata Saiz Kelas Peringkat Prasekolah	
	3.3	Pendidikan Peringkat Rendah	39
	3.3.1	Enrolmen Peringkat Rendah Mengikut Sekolah	
	3.3.2	Kadar Ambilan Murid Tahun 1	
	3.3.3	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Rendah	
	3.3.4	Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Rendah	
	3.3.5	Purata Saiz Kelas Peringkat Rendah	
	3.3.6	Kadar Keciciran Murid Sekolah Rendah	
	3.4	Pendidikan Peringkat Menengah	44
	3.4.1	Enrolmen Peringkat Menengah Mengikut Sekolah	
	3.4.2	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah	
	a.	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Rendah	
	b.	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Atas	
	3.4.3	Kadar Transisi Murid	
a.	Kadar Transisi Murid Tahun Enam ke Tingkatan Satu		
b.	Kadar Transisi Murid Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat		

	3.4.4	Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Menengah	
	3.4.5	Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah	
	3.4.6	Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020	
	3.4.7	Kadar Keciciran Murid Sekolah Menengah	
	3.5	Enrolmen Bukan Warganegara di Sekolah Rendah dan Menengah Mengikut Negeri pada Tahun 2020	53
	3.6	Penutup	54
		Jadual / Data	55

PENYERTAAN MURID PERINGKAT LEPAS MENENGAH				
BAB 4	4.1	Pengenalan	66	
	4.2	Enrolmen Peringkat Lepas Menengah	66	
		4.2.1	Enrolmen Peringkat Lepas Menengah Mengikut Jantina	
		4.2.2	Enrolmen Peringkat Lepas Menengah Mengikut Jenis Program	
	4.3	Kadar Penyertaan Peringkat Lepas Menengah	69	
	4.4	Kadar Transisi Murid Tingkatan Lima ke Program Lepas Menengah KPM	69	
	4.5	Tingkatan Enam	70	
		4.5.1	Enrolmen Tingkatan Enam Mengikut Jantina	
	4.6	Diploma Vokasional Malaysia (DVM)	72	
		4.6.1	Enrolmen Program DVM Mengikut Jantina	
	4.7	Program Matrikulasi KPM	74	
		4.7.1	Enrolmen Program Matrikulasi KPM Mengikut Jantina	
	4.8	Prauniversiti	75	
		4.8.1	Enrolmen Program Prauniversiti Mengikut Jantina	
4.9	Program Pra-Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Institut Pendidikan Guru (IPG)	76		
	4.9.1	Enrolmen Program Pra-ISMP Mengikut Jantina		
4.10	Penutup	78		
		Jadual / Data	79	

GURU		
5.1	Pengenalan	86
5.2	Institut Pendidikan Guru (IPG)	86
5.3	Guru Prasekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah	88
5.4	Pertumbuhan Bilangan Guru	90
5.4.1	Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Prasekolah Berbanding Tahun 2010	
5.4.2	Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Sekolah Rendah Berbanding Tahun 2010	
5.4.3	Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Sekolah Menengah Berbanding Tahun 2010	
5.5	Guru Mengikut Kumpulan Umur pada Tahun 2020	94
5.5.1	Guru Sekolah Rendah Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur pada Tahun 2020	
5.5.2	Guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur pada Tahun 2020	
5.6	Guru Mengikut Jantina dan Tahap Latihan	97
5.6.1	Guru Prasekolah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan	
5.6.2	Guru Sekolah Rendah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan	
5.6.3	Guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan	
5.7	Nisbah Murid Guru	102
5.7.1	Nisbah Murid Guru Mengikut Peringkat Pendidikan	
5.7.2	Nisbah Murid Guru Mengikut Sekolah Peringkat Rendah	
5.7.3	Nisbah Murid Guru Mengikut Sekolah Peringkat Menengah	
5.7.4	Nisbah Murid Guru Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020	
a.	Nisbah Murid Guru Prasekolah Mengikut Negeri dan Lokasi	
b.	Nisbah Murid Guru Sekolah Rendah Mengikut Negeri dan Lokasi	
c.	Nisbah Murid Guru Sekolah Menengah Mengikut Negeri dan Lokasi	
5.8	Penutup	109
	Jadual / Data	110

PEPERIKSAAN AWAM		
6.1	Pengenalan	120
6.2	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	120
6.2.1	Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum dalam UPSR	
6.2.2	Pencapaian Semua A dalam UPSR	
6.2.3	Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK)	
6.2.4	Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	
6.2.5	Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK)	
6.2.6	Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	
6.2.7	Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Matematik dan Sains UPSR	
6.2.8	Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Cina UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	
6.2.9	Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Tamil UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	
6.2.10	Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK) dalam UPSR	
6.2.11	Pencapaian Semua A bagi CBK dalam UPSR	
6.3	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	141
6.3.1	Pensijilan SPM	
6.3.2	Pencapaian Semua A dalam SPM	
6.3.3	Pencapaian Semua G dalam SPM	
6.3.4	Pensijilan SPM bagi CBK	
6.3.5	Gred Purata Nasional (GPN) bagi SPM	
6.4	Sijil Vokasional Malaysia (SVM)	147
6.5	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	148
6.5.1	Pencapaian Calon dalam STAM	
6.5.2	Gred Purata Nasional (GPN) bagi STAM	
6.6	Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM)	150
6.6.1	Pencapaian Calon dalam STPM	
6.6.2	Gred Purata Nasional (GPN) bagi STPM	
6.7	Penutup	152
	Jadual / Data	153

SEKOLAH DAN KEMUDAHAN

7.1	Pengenalan	164
7.2	Prasekolah KPM	164
7.3	Sekolah Rendah KPM	165
	7.3.1 Kepelbagaian Sekolah Rendah KPM	
7.4	Sekolah Menengah KPM	167
	7.4.1 Kepelbagaian Sekolah Menengah KPM	
7.5	Kemudahan Bekalan Elektrik di Sekolah Mengikut Tempoh Masa Bekalan	169
	7.5.1 Kemudahan Bekalan Elektrik di Sekolah Rendah Mengikut Tempoh Masa Bekalan	
	7.5.2 Kemudahan Bekalan Elektrik di Sekolah Menengah Mengikut Tempoh Masa Bekalan	
	7.5.3 Kemudahan Bekalan Elektrik di Sekolah Mengikut Sumber Bekalan	
7.6	Kemudahan Bekalan Air di Sekolah	173
	7.6.1 Kemudahan Bekalan Air di Sekolah Rendah	
	7.6.2 Kemudahan Bekalan Air di Sekolah Menengah	
7.7	Kemudahan Komputer PdP di Sekolah	175
	7.7.1 Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Rendah	
	7.7.2 Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Menengah	
7.8	Kemudahan untuk MBK di Sekolah	178
7.9	Penutup	179
	Jadual / Data	180



BAB 8			INDIKATOR PENDIDIKAN DUNIA
8.1	Pengenalan		188
8.2	Akses dan Penyertaan		189
	8.2.1	Pendidikan Wajib dan Percuma	
	8.2.2	Kadar Penyertaan	
	8.2.3	Purata Tahun Persekolahan	
	8.2.4	Tempoh Jangkaan Pendidikan (<i>School Life Expectancy</i>)	
8.3	Kualiti		194
	8.3.1	Nisbah Murid kepada Guru Terlatih Mengikut Peringkat Pendidikan	
	8.3.2	Nisbah Murid kepada Guru Berkelayakan Mengikut Peringkat Pendidikan	
	8.3.3	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Bacaan	
	8.3.4	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Matematik	
8.4	Ekuiti		198
	8.4.1	Indeks Pariti Jantina (GPI)	
	8.4.2	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Bacaan dan Jurang Lokasi, Status Sosioekonomi (SES) dan Jantina	
	8.4.3	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Matematik dan Jurang Lokasi, Status Sosioekonomi (SES) dan Jantina	
8.5	Kecekapan dan Pelaburan dalam Pendidikan		201
	8.5.1	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding KDNK Mengikut Peringkat Pendidikan (2019)	
	8.5.2	Kos Pembiayaan Permulaan Kerajaan Bagi Setiap Murid Berbanding KDNK Per Kapita	
	8.5.3	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Jumlah Perbelanjaan Kerajaan	
8.6	Penutup		204
	Jadual / Data		205
	Penghargaan		209

SENARAI JADUAL

BAB 1		
Jadual 1.1	Penduduk Malaysia Mengikut Kumpulan Umur Berdasarkan Peringkat Pendidikan	22
BAB 2		
Jadual 2.1	Peratus Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan	31
Jadual 2.1.1	Peratus Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Pendapatan Negara Kasar (PNK)	31
Jadual 2.2	Peratus Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Mengurus	32
Jadual 2.2.1	Peratus Perbelanjaan Pendidikan (Pembangunan dan Mengurus) Mengikut Peringkat Pendidikan	32
Jadual 2.2.2	Peratus Perbelanjaan Mengurus Mengikut Komponen Perbelanjaan	33
Jadual 2.3	Kos Purata Murid Mengikut Peringkat Pendidikan	33
BAB 3		
Jadual 3.1	Bilangan dan Peratus Enrolmen Prasekolah Awam dan Prasekolah Swasta	55
Jadual 3.1.1	Kadar Penyertaan Peringkat Prasekolah	55
Jadual 3.1.2	Purata Saiz Kelas Peringkat Prasekolah	56
Jadual 3.2	Enrolmen Peringkat Rendah Mengikut Sekolah	56
Jadual 3.2.1	Kadar Ambilan Murid Tahun 1	57
Jadual 3.2.2	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Rendah	57
Jadual 3.2.3	Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Rendah	58
Jadual 3.2.4	Purata Saiz Kelas Peringkat Rendah	58
Jadual 3.2.5	Kadar Keciciran Murid Sekolah Rendah	59
Jadual 3.3	Enrolmen Peringkat Menengah Mengikut Sekolah	59
Jadual 3.3.1	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah	60
Jadual 3.3.1a	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Rendah	60
Jadual 3.3.1b	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Atas	61
Jadual 3.3.2a	Kadar Transisi Murid Tahun Enam ke Tingkatan Satu	61
Jadual 3.3.2b	Kadar Transisi Murid Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat	62
Jadual 3.3.3	Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Menengah	62
Jadual 3.3.4	Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah	63
Jadual 3.3.4a	Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020	63
Jadual 3.3.5	Kadar Keciciran Murid Sekolah Menengah	64
Jadual 3.3.6	Enrolmen Bukan Warganegara di Sekolah Rendah dan Menengah Mengikut Negeri pada Tahun 2020	64

BAB 4

Jadual 4.1	Bilangan dan Peratus Enrolmen Peringkat Lepas Menengah	79
Jadual 4.1.1	Bilangan dan Peratus Enrolmen Peringkat Lepas Menengah Mengikut Jenis Program	79
Jadual 4.2	Kadar Penyertaan Peringkat Lepas Menengah	80
Jadual 4.3	Kadar Transisi Murid Tingkatan Lima ke Program Lepas Menengah KPM	80
Jadual 4.4	Bilangan dan Peratus Enrolmen Tingkatan Enam	81
Jadual 4.5	Bilangan dan Peratus Enrolmen Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM)	81
Jadual 4.6	Bilangan dan Peratus Enrolmen Program Matrikulasi KPM	82
Jadual 4.7	Bilangan dan Peratus Enrolmen Prauniversiti	82
Jadual 4.8	Bilangan dan Peratus Enrolmen Program Pra-ISMP di Institut Pendidikan Guru (IPG)	83

BAB 5

Jadual 5.1	Bilangan dan Peratus Enrolmen Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) Mengikut Jantina	110
Jadual 5.2	Bilangan dan Peratus Guru Mengikut Jantina dan Peringkat Pendidikan	110
Jadual 5.3	Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Mengikut Peringkat Pendidikan Berbanding Tahun 2010	111
Jadual 5.4	Bilangan dan Peratus Guru Mengikut Peringkat Pendidikan dan Kumpulan Umur pada Tahun 2020	111
Jadual 5.5	Bilangan dan Peratus Guru Prasekolah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan	112
Jadual 5.6	Bilangan dan Peratus Guru Sekolah Rendah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan	112
Jadual 5.7	Bilangan dan Peratus Guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan	113
Jadual 5.8	Nisbah Murid Guru Mengikut Peringkat Pendidikan	113
Jadual 5.8.1	Nisbah Murid Guru Sekolah Rendah Mengikut Sekolah	114
Jadual 5.8.2	Nisbah Murid Guru Sekolah Menengah Mengikut Sekolah	115
Jadual 5.8.3	Nisbah Murid Guru Prasekolah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020	116
Jadual 5.8.4	Nisbah Murid Guru Sekolah Rendah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020	117
Jadual 5.8.5	Nisbah Murid Guru Sekolah Menengah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020	118

BAB 6		
Jadual 6.1	Bilangan dan Peratus Calon Mencapai Tahap Penguasaan Minimum dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	153
Jadual 6.1.1	Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	153
Jadual 6.1.2	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK)	154
Jadual 6.1.3	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	154
Jadual 6.1.4	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK)	155
Jadual 6.1.5	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	155
Jadual 6.1.6	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Matematik dan Sains UPSR	156
Jadual 6.1.7	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Cina UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	156
Jadual 6.1.8	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Tamil UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	157
Jadual 6.1.9	Bilangan dan Peratus Calon Berkeperluan Khas (CBK) Mencapai Tahap Penguasaan Minimum dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	157
Jadual 6.1.10	Bilangan dan Peratus Calon Berkeperluan Khas (CBK) Mendapat Semua A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	158
Jadual 6.2	Bilangan dan Peratus Calon Layak Dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	158
Jadual 6.2.1	Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	159
Jadual 6.2.2	Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua G dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	159
Jadual 6.2.3	Bilangan dan Peratus Calon Berkeperluan Khas (CBK) Layak Dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	160
Jadual 6.2.4	Gred Purata Nasional (GPN) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mengikut Lokasi	160

Jadual 6.3	Bilangan dan Peratus Calon Lulus Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Mengikut Sesi	161
Jadual 6.4	Bilangan dan Peratus Calon Lulus dan Gred Purata Nasional Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	161
Jadual 6.5	Bilangan dan Peratus Calon Lulus dan Gred Purata Nasional Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	162

BAB 7

Jadual 7.1	Bilangan Prasekolah KPM	180
Jadual 7.2	Bilangan dan Peratus Sekolah Rendah KPM	180
Jadual 7.3	Bilangan dan Peratus Sekolah Menengah KPM	181
Jadual 7.4	Bilangan dan Peratus Sekolah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Tempoh Masa Bekalan	182
Jadual 7.4.1	Bilangan dan Peratus Sekolah Rendah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Tempoh Masa Bekalan	182
Jadual 7.4.2	Bilangan dan Peratus Sekolah Menengah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Tempoh Masa Bekalan	183
Jadual 7.4.3	Bilangan dan Peratus Sekolah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Sumber Bekalan	183
Jadual 7.5	Bilangan dan Peratus Sekolah dengan Kemudahan Bekalan Air Awam	184
Jadual 7.5.1	Bilangan dan Peratus Sekolah Rendah dengan Kemudahan Bekalan Air Awam	184
Jadual 7.5.2	Bilangan dan Peratus Sekolah Menengah dengan Kemudahan Bekalan Air Awam	185
Jadual 7.6.1	Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Rendah	185
Jadual 7.6.2	Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Menengah	186
Jadual 7.7	Bilangan dan Peratus Sekolah dengan Kemudahan untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK)	186

BAB 8		
Jadual 8.1	Bilangan Tahun bagi Pendidikan Percuma dan Pendidikan Wajib	205
Jadual 8.2	Kadar Penyertaan Peringkat Prasekolah (2019)	205
Jadual 8.3	Kadar Penyertaan Peringkat Rendah hingga Tertiar (2019)	205
Jadual 8.4	Tempoh Jangkaan Pendidikan Peringkat Rendah ke Tertiar (2020)	205
Jadual 8.5	Purata Bilangan Tahun Persekolahan	206
Jadual 8.6	Nisbah Murid kepada Guru Terlatih Mengikut Peringkat Pendidikan (2019)	206
Jadual 8.7	Nisbah Murid kepada Guru Berkelayakan Mengikut Peringkat Pendidikan (2019)	206
Jadual 8.8	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Bacaan	206
Jadual 8.9	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Matematik	207
Jadual 8.10	Indeks Pariti Jantina bagi Penyertaan Peringkat Rendah hingga Tertiar	207
Jadual 8.11	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Bacaan dan Jurang Lokasi, SES dan Jantina	207
Jadual 8.12	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Matematik dan Jurang Lokasi, SES dan Jantina	207
Jadual 8.13	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Mengikut Peringkat Pendidikan	208
Jadual 8.14	Kos Pembiayaan Permulaan Bagi Setiap Murid Berbanding KDNK Per Kapita	208
Jadual 8.15	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Jumlah Perbelanjaan Kerajaan (2019)	208



JAWATANKUASA PENYEDIAAN DAN PENULISAN BUKU TREND INDIKATOR PENDIDIKAN MALAYSIA 2021

PENGERUSI

Dr. Hajah Roziah binti Abdullah
Pengarah BPPDP

NAIB PENERUSI

Puan Rohayati binti Abd Hamed
Timbalan Pengarah Kanan (Dasar dan Perancangan) BPPDP

Dr. Nor Saidatul Rajeah binti Zamzam Amin
Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Penilaian) BPPDP

PENYUNTING

Datin Haryati binti Mohamed Razali
Dr. Nik Fatimah binti Nik Abdullah
Cik Nurun Najah binti Ellias
Puan Azlin binti Abd Jalal
Puan Faridah binti Salehan

PANEL PENULIS

Datin Haryati binti Mohamed Razali
Dr. Nik Fatimah binti Nik Abdullah
Puan Faridah binti Salehan
Puan Azlin binti Abd Jalal
Cik Nurun Najah binti Ellias
Cik Nur Athirah binti Abd Halim
Puan Norliza binti Shoib
Encik Ednel Ashraff bin Misran
Puan Siti Zaleha binti Mohmed Salleh
Cik Umrah binti Abd Muin
Dr. Mohd Faizal bin Md Karim
Puan Nor Ashila binti Ab Latiff
Encik Kamarulzaman bin Ismail
Encik Mohd Khairy Bazli bin Abu Bakar
Cik Azlin Hairani binti Subuki@Subki
Encik Mohd Zabil Ikhsan bin Mohamed Nasaruddin
Encik Azhar bin Mohd Khairy

PEMBACA PRUF

Puan Norliza binti Shoib
Cik Mastura binti Abdul Razak





ISU KHAS

ISU KHAS BTIPM 2021: Pendidikan di Malaysia dalam Suasana Pandemik Covid-19

Pengenalan

Isu Khas Buku Trend Indikator Pendidikan (BTIPM) 2021 memberi fokus terhadap senario pendidikan di Malaysia yang terkesan akibat pandemik Covid-19, perancangan serta *way forward* dalam meneruskan kelangsungan pendidikan era norma baharu. Isu khas ini membentangkan rumusan mengenai aspek berikut:



Pandemik Covid-19 dan Impaknya terhadap Pendidikan di Malaysia



Senario pandemik Covid-19 di Malaysia



Impak pandemik Covid-19 terhadap pendidikan



Way Forward Hala Tuju Pendidikan di Malaysia dalam Norma Baharu



Pengenalan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah



Pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan Covid-19



Agihan peranti elektronik kepada murid



Pemberian vaksin Covid-19 kepada guru dan kakitangan sekolah



Pemberian vaksin Covid-19 kepada murid menerusi PICK Remaja



Pemeriksaan pelaksanaan kurikulum melalui KPMPerkasaKU



Pemeriksaan repositori SumberKU

Covid-19 telah merentas batas geografi serta meninggalkan kesan terhadap individu tanpa mengenal jantina, kewarganegaraan, tahap pendidikan dan status sosioekonomi. Hakikatnya, golongan paling terkesan akibat musibah ini ialah golongan kurang bernasib baik.

OECD, 2020

Senario Pandemik Covid-19 di Malaysia



Kes Covid-19 pertama dilaporkan di Malaysia
(Berita Harian 2020)




Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 diumumkan



Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengumumkan Covid-19 sebagai **darurat kesihatan dunia**

Penularan virus Covid-19 yang bermula dari bandar Wuhan, China telah mencetuskan pandemik global dan mengubah segenap aspek kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Krisis kesihatan ini telah mengundang pelbagai kesan negatif dalam aspek pembangunan ekonomi dan sosial dengan angka kematian yang dicatatkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melebihi 4.5 juta penduduk dunia sehingga pertengahan September 2021. Negara Malaysia tidak terkecuali daripada terkesan dengan impak Covid-19 termasuklah dalam bidang pendidikan.



"Situasi penularan Covid-19 yang dihadapi negara masih kekal pada situasi sangat serius"

-Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,
Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah-
(Astro Awani, Jun 2021)



Kesihatan

- Sektor kesihatan negara berhadapan cabaran besar dalam pengendalian kes Covid-19.
- KKM menggerakkan *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) untuk menganalisis dan melaporkan data Covid negara serta bekerjasama dengan MOSTI untuk Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).



Pendidikan

- Sektor pendidikan terkesan akibat penutupan institusi pendidikan.
- KPM memperkenalkan pendekatan PdP di Rumah (PdPR) bagi menyokong pembelajaran secara bersemuka yang tidak dapat dijalankan sepenuhnya.




Ekonomi

- Sektor ekonomi terjejas teruk terutama bagi kelompok perusahaan kecil dan sederhana.
- Kerajaan mengumumkan peruntukan tambahan melalui pelbagai pakej rangsangan ekonomi bagi mengurangkan beban rakyat yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Kronologi Penutupan dan Pembukaan Semula Sekolah Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19 di Malaysia

UNESCO *Institute for Statistics* (UIS) memantau dengan terperinci penutupan dan pembukaan semula sekolah di seluruh dunia bagi menyokong dan memastikan kelangsungan pembelajaran dalam suasana pandemik Covid-19 yang telah memasuki tahun kedua. Menerusi *dashboard Global Monitoring of School Closures Caused by Covid-19*, Malaysia telah mencatatkan tempoh penutupan sekolah lebih dari 40 minggu bermula dari bulan Mac 2020 sehingga 31 Oktober 2021.



Pandemik Covid-19: Impak Terhadap Institusi Pendidikan

PENUTUPAN DAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH SEPANJANG TEMPOH PANDEMIK COVID-19 DI RANTAU ASIA TENGGARA

Status sistem persekolahan semasa tempoh pandemik Covid-19 seperti yang dipantau melalui *dashboard Global Monitoring of School Closures Caused by Covid-19* oleh UIS diklasifikasikan seperti berikut:

TUTUP KERANA COVID-19



Penutupan sekolah seperti ketetapan kerajaan yang menjejaskan hampir keseluruhan atau semua populasi murid. Walau bagaimanapun, pelbagai strategi pembelajaran jarak jauh dipraktikkan sepanjang tempoh tersebut untuk memastikan kelangsungan pendidikan.

SEBAHAGIAN SEKOLAH DIBUKA



Sekolah:

- dibuka bagi kawasan/ negeri tertentu; dan/ atau
- dibuka bagi peringkat/ darjah/ tingkatan/ kumpulan umur tertentu; dan/ atau
- dibuka bagi tempoh masa yang lebih pendek dan digabungkan dengan PdP jarak jauh (pendekatan hibrid)

SEKOLAH DIBUKA SEPENUHNYA




Sekolah dibuka dan sesi PdP berlangsung secara bersemuka untuk hampir keseluruhan atau semua populasi murid.

Rajah I menunjukkan perbandingan status pembukaan sepenuhnya, pembukaan sebahagian dan penutupan sekolah akibat pandemik Covid-19 bagi Malaysia dan beberapa buah negara di rantau Asia Tenggara dari 16 Februari 2020 hingga 31 Oktober 2021.

Rajah I

Perbandingan Status Sekolah dalam Tempoh Pandemi Covid-19 bagi Malaysia dan Beberapa Buah Negara Asia Tenggara



Sumber: UNESCO map on school closures, 2021

Berdasarkan Rajah I, Malaysia dan Filipina merekodkan sejumlah 79 minggu penutupan dan pembukaan sebahagian sekolah. Tempoh ini adalah lebih panjang berbanding negara Singapura, Brunei, Vietnam, dan Thailand. Walau bagaimanapun, dengan jumlah kes Covid-19 yang tinggi, penutupan dan pembukaan sebahagian sekolah di negara Indonesia berlaku dalam tempoh yang lebih panjang berbanding Malaysia.

Bagi menangani isu PdP secara bersemuka yang tidak dapat dilaksanakan akibat penutupan sekolah, pelbagai sumber atau mod pendidikan jarak jauh diperkenalkan oleh setiap negara seperti saluran televisyen (TV) pendidikan, platform pembelajaran dalam talian dan radio pendidikan.



KPM berusaha melaksanakan pelbagai penyesuaian berkaitan aspek perubahan kalendar persekolahan, mod pembelajaran serta pentaksiran dalam suasana pandemik global bagi membolehkan impak Covid-19 terhadap sistem pendidikan dapat diminimumkan.

Pandemik Covid-19: Impak Terhadap Institusi Pendidikan



Penutupan institusi pendidikan

Langkah penutupan ini pada peringkat awal memberi impak terhadap murid, terutama mereka yang tinggal jauh dari sekolah dan tidak memiliki peranti untuk mengikuti PdPR dengan berkesan.



Learning loss dan kehilangan masa instruksi

Penutupan sekolah dalam tempoh berlanjutan menyumbang kepada kehilangan masa pembelajaran seperti yang diperuntukkan dalam sesi persekolahan konvensional.



Cabaran guru mengendalikan pembelajaran secara digital

Guru dalam perkhidmatan kurang kemahiran, pendedahan dan persediaan bagi mengendalikan PdP secara dalam talian sepenuhnya semasa tempoh pandemik. Guru perlu meningkatkan kompetensi digital serta lebih kreatif dalam mengoptimalkan penggunaan sumber pembelajaran sedia ada.




Isu peranti elektronik dan capaian internet untuk mengikuti PdPR

Isu ketiadaan peranti dan capaian internet menjadi kekangan utama bagi ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka dapat mengikuti PdPR dengan berkesan. Sekiranya isu ini berlarutan, ia akan menyumbang kepada masalah keciciran PdPR dan melebarkan jurang digital antara golongan sosioekonomi berbeza.

Pemantauan Dashboard Covid-19 KPM

Taburan Kes Positif Covid-19 Melibatkan Warga KPM di Seluruh Malaysia



Jumlah kes kumulatif:

43,991 kes*

Sekolah KPM

43,049
kes

JPN/ PPD

191
kes

Kolej Matrikulasi

506
kes

Tadika/ Sekolah Swasta

245
kes

*sehingga November 2021

Pandemik Covid-19: Impak Terhadap Institusi Pendidikan


Perubahan takwim persekolahan

Takwim persekolahan tahun 2020 diubah suai apabila PdP tidak dapat dilaksanakan secara bersemula sepenuhnya. Persekolahan secara dalam talian atau PdPR dilaksanakan semasa PKP, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Cuti penggal akhir persekolahan 2020 turut dianjak ke pertengahan bulan Disember sehingga pertengahan Januari 2021, manakala sesi persekolahan tahun 2021 pula akan tamat pada bulan Mac 2022.




Penjadualan semula peperiksaan di bawah kendalian KPM

Peperiksaan awam bawah kendalian KPM iaitu SPM, SVM, STAM dan STPM bagi tahun 2020 telah dijadualkan semula setelah mengambil kira tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan jangkitan Covid-19.



Dapatan Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara Dalam Talian (28 Mac-2 April 2020):



Way Forward: Hala Tuju Pendidikan di Malaysia dalam Norma Baharu



Laporan *The Impact of Covid-19 on Education* yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Ekonomi (OECD) menyifatkan walaupun kesan jangka panjang pandemik Covid-19 terhadap pendidikan masih belum dapat dipastikan, namun pandemik ini telah mengubah landskap pendidikan di seluruh dunia. Bagi memastikan impak krisis tersebut terhadap sistem pendidikan negara dapat diminimumkan, pelbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan oleh KPM dengan kerjasama agensi-agensi lain.

Pengenalan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah

Persekolahan dalam era norma baharu

KPM memantau dan membuat penelitian rapi sebelum mengumumkan pembukaan semula sekolah. Keputusan tersebut didasari oleh data yang dipantau daripada *dashboard* Covid KPM dan mengambil kira penilaian yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara. Pembukaan sekolah secara berperingkat dilakukan bagi membolehkan pihak sekolah membuat persiapan sewajarnya seterusnya membolehkan warga sekolah menyesuaikan diri dengan suasana persekolahan dalam norma baharu. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah diperkenalkan bertujuan untuk:

- ✓ Memastikan pengurusan sekolah dan asrama berjalan lancar dan teratur.
- ✓ Mengutamakan kesihatan dan keselamatan murid, guru dan warga sekolah semasa berada di sekolah atau asrama.
- ✓ Memastikan PdP berlaku dalam keadaan yang selamat.



Pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Berkaitan Covid-19 di Sekolah

Pematuhan SOP bagi mencegah jangkitan Covid-19



Agihan Peranti Elektronik kepada Murid

Inisiatif pengupayaan murid B40 bagi mengikuti PdPR secara berkesan

Kerjasama KPM dengan **Yayasan HASANAH** di bawah **Inisiatif CERDIK**. Inisiatif tersebut merupakan tanggungjawab sosial korporat syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang menyumbang kepada tabung CERDIK. Projek Rintis Peranti mensasarkan 150,000 murid daripada keluarga B40.

Murid-murid yang telah dikenal pasti menerima komputer riba atau *tablet* berserta dengan data internet bagi membolehkan mereka mengikuti PdPR tanpa ketinggalan.



Way Forward: Hala Tuju Pendidikan di Malaysia dalam Norma Baharu



Pemberian Vaksin Covid-19 kepada Guru, Kakitangan dan Pekerja Perkhidmatan Sokongan Sekolah


Perlindungan dan mengurangkan risiko jangkitan di sekolah

- KPM memantau dengan rapi status vaksinasi dalam kalangan guru, anggota kumpulan pelaksana (AKP) dan pekerja perkhidmatan sokongan (PPS) di sekolah melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK). Langkah ini adalah sebagai persediaan ke arah pembukaan semula sekolah dengan selamat.
- Sehingga 8 Oktober 2021, statistik menunjukkan seramai 393,096 orang guru, 62,248 orang AKP dan 95,396 orang PPS telah lengkap divaksin.



Pemberian Vaksin Covid-19 kepada Murid Sekolah Menerusi PICK Remaja

Perlindungan dan mengurangkan risiko jangkitan di sekolah



- PICK Remaja merupakan inisiatif bagi memberi perlindungan kepada murid menjelang pembukaan semula sekolah. Program *kick-off* PICK Remaja dilancarkan di SMK Putrajaya Presint 8 (1) pada 20 September 2021.
- Program tersebut menyasarkan kumpulan remaja berumur 12 hingga 17 tahun. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapat kerjasama pelbagai pihak termasuk KPM bagi memastikan PICK Remaja berjalan dengan lancar.
- Sehingga 7 Oktober 2021, seramai 3,886,576 orang murid telah menerima 1 dos. Daripada jumlah tersebut, 443,384 orang murid telah lengkap divaksin.

Pemeriksaan Pelaksanaan Kurikulum KPM PerkasaKU

Kelestarian pendidikan dalam situasi berbeza


- Program KPM PerkasaKU merupakan program pemeriksaan kurikulum yang mula dilaksanakan pada 1 September 2021 hingga 28 Februari 2022.
- Program ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan murid bagi kandungan kurikulum tahun semasa secara optimum, merapatkan jurang pembelajaran yang wujud akibat pandemik Covid-19, menyediakan sokongan kurikulum kepada guru untuk melaksanakan PdP melalui pelbagai platform bersesuaian dan memastikan murid bersedia mengikuti kurikulum pada tahun persekolahan 2022.

4 Fokus Utama Guru Melalui KPM PerkasaKU



Pemeriksaan Repositori SumberKU

Menyediakan akses kepada pusat sehati yang mengumpulkan bahan PdP secara digital



- Melalui Program KPM PerkasaKU, repositori SumberKU dibangunkan bagi membolehkan guru, murid dan ibu bapa mendapatkan bahan-bahan untuk aktiviti pembugaran, pengukuhan dan pengayaan semasa PdPR secara percuma.
- Repositori ini mula beroperasi pada 1 September 2021 dan boleh diakses melalui pelantar DELiMa atau pautan <http://sumberku.moe-dl.edu.my>.
- Bahan-bahan sokongan pembelajaran disediakan untuk peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah.

Saluran Pembelajaran Alternatif



KPM dengan kerjasama pelbagai agensi telah menyediakan pelbagai saluran dan pelantar pembelajaran alternatif untuk membolehkan guru, murid dan ibu bapa mengakses bahan pembelajaran berkualiti dan terkini terutama dalam tempoh pandemik Covid-19. Inisiatif penyediaan saluran dan pelantar pembelajaran ini bertujuan agar semua murid dapat meneruskan pembelajaran dalam suasana pendidikan norma baharu sama ada secara bersemuka ataupun jarak jauh.

Saluran DidikTV



Saluran DidikTV diwujudkan hasil kerjasama antara KPM dan Syarikat Media Prima Berhad bagi meluaskan akses kepada pembelajaran berkualiti untuk murid. Saluran ini dijenamakan semula daripada NTV7 dan telah mula bersiaran di seluruh negara pada 17 Februari 2021. DidikTV yang dikendalikan oleh Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) KPM menyediakan program pendidikan untuk pelbagai mata pelajaran di sekolah.

TV Okey- TV Pendidikan RTM

KPM menyediakan rancangan untuk siaran di saluran TV Pendidikan RTM iaitu TV Okey bagi membolehkan murid yang tiada kemudahan capaian internet meneruskan pembelajaran menerusi saluran televisyen. Saluran ini mula bersiaran pada 6 April 2020.



Saluran Astro Tutor TV



Syarikat penyiaran swasta iaitu ASTRO mengambil inisiatif mewujudkan saluran pendidikan khusus iaitu Astro Tutor TV. Saluran ini menyiarkan bahan pembelajaran yang merangkumi semua mata pelajaran yang diajar di sekolah. Kandungan yang disiarkan juga membolehkan murid yang bakal menduduki peperiksaan seperti PT3 dan SPM membuat ulang kaji sendiri.

Pelantar DELIMa

Pelantar pembelajaran digital KPM iaitu DELIMa dibangunkan dengan kerjasama syarikat Microsoft, Google dan Apple. Pelantar ini menawarkan pelbagai sumber dan aplikasi pembelajaran digital seperti *Google Classroom*, *Microsoft 365* dan *Apple Teacher Learning Centre*. Selain itu, pelantar DELIMa menyediakan pautan kepada aplikasi seperti *Kahoot*, *Quizziz*, *Edpuzzle*, *Canva* dan lain-lain bagi memberi akses kepada guru dan murid menjalankan PdP dengan lebih kreatif dan menyeronokkan.




Laman EduwebTV



EduwebTV merupakan laman televisyen web KPM yang telah diwujudkan sebelum pandemik Covid-19 tercetus lagi. Laman ini memuatkan pelbagai video kurikulum, dokumentasi KPM serta rancangan siaran langsung menerusi penstriman web dan webinar. Selain itu, koleksi amalan pengajaran terbaik untuk rujukan para guru turut dikongsikan menerusi pautan video eGuru.

BAB 1

**INDIKATOR
PENDIDIKAN
DAN
PENDUDUK**



1.1 PENGENALAN

Buku Trend Indikator Pendidikan Malaysia (BTIPM) 2021 merupakan edisi ketiga seumpamanya selepas penerbitan pertama pada tahun 2003, disusuli dengan penerbitan kedua pada tahun 2014. Buku ini memuatkan data dan indikator utama pendidikan Malaysia bagi tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Trend data bagi indikator tersebut menunjukkan perkembangan dan pencapaian dalam bidang pendidikan negara bagi memenuhi aspirasi yang telah dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu meliputi aspek akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Bab ini dimulakan dengan penerangan mengenai kepentingan dan kegunaan indikator pendidikan, jenis indikator pendidikan serta skop BTIPM 2021. Seterusnya, trend pertumbuhan penduduk berdasarkan kumpulan umur yang terdiri daripada pelbagai peringkat pendidikan dan jantina turut dianalisis memandangkan data tersebut digunakan dalam pengiraan indikator pendidikan tertentu seperti kadar penyertaan murid pada peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah.

1.2 INDIKATOR PENDIDIKAN DAN KEGUNAAN

Secara umumnya, indikator pendidikan merupakan kayu ukur pencapaian matlamat sistem pendidikan. Proses perancangan, penggubalan, pelaksanaan, pemantauan serta penilaian dasar dan program pendidikan dapat dinilai melalui penggunaan indikator yang bersesuaian. Indikator pendidikan juga dapat menggambarkan prestasi dan kedudukan negara pada peringkat serantau dan antarabangsa. Penandaarasan ini penting bagi memastikan usaha penambahbaikan dan pemantapan sistem pendidikan negara berada di landasan yang betul serta dapat bersaing secara kompetitif pada peringkat global.


Analisis indikator pendidikan juga dapat mengenal pasti keperluan dan keutamaan dalam proses perancangan dan penggubalan dasar pendidikan negara. Indikator pendidikan yang ditampilkan dalam bentuk kadar, nisbah atau peratusan membantu pihak perancang dan penggubal dasar memahami sesuatu aspek dalam pendidikan secara lebih objektif sekali gus dapat menghasilkan keputusan yang rasional dan tepat. Misalnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan angka garis asas aspirasi sistem bagi PPPM 2013-2025 dan sasaran bagi setiap indikator yang perlu dicapai melalui pelan tersebut menjelang tahun 2025 berdasarkan analisis trend indikator pendidikan yang terdahulu. Sasaran pencapaian ini biasanya ditetapkan dengan merujuk analisis indikator sedia ada dan norma pencapaian pada peringkat antarabangsa.

Selain itu, indikator pendidikan turut berperanan sebagai alat untuk memantau dan menilai kecekapan serta keberkesanan sistem pendidikan. Pemantauan dapat dilakukan melalui penilaian input dan output atau kos dan faedah yang diperoleh ke atas semua pemegang taruh dalam sistem pendidikan. Proses pemantauan dan penilaian ini penting dalam merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan modal insan yang holistik dan berkualiti.

1.3 JENIS INDIKATOR PENDIDIKAN

Indikator lazimnya diklasifikasikan dengan melihat sama ada indikator tersebut dapat memberikan gambaran tentang kaedah, proses atau hasil akhir dalam mencapai objektif sesuatu dasar, program atau projek yang dilaksanakan. Indikator pendidikan yang baik haruslah bersifat relevan, tepat dan boleh dipercayai serta dapat menjadi panduan dalam proses perancangan, pemantauan dan penilaian setiap dasar serta boleh diterapkan dalam sistem pendidikan secara berkesan. Secara umumnya, terdapat empat jenis indikator yang saling berkait antara satu sama lain, namun ditakrifkan secara berbeza mengikut fungsi masing-masing iaitu; (i) indikator input; (ii) indikator akses; (iii) indikator output; dan (iv) indikator hasil (*outcome*). Rajah 1.1 menunjukkan ringkasan jenis indikator pendidikan.

Rajah 1.1
Jenis Indikator Pendidikan



1.3.1 Indikator Input

Indikator input merupakan pengukuran yang digunakan atau diperlukan bagi memenuhi sesuatu keperluan dalam mencapai objektif pembangunan. Dalam konteks pendidikan, contoh indikator input adalah seperti bilangan guru, bangunan sekolah, bekalan bahan pengajaran dan kos perbelanjaan. Walau bagaimanapun, indikator ini sering diubah suai kepada bentuk nisbah bekalan terhadap permintaan seperti nisbah guru kepada murid dan kos purata perbelanjaan pendidikan bagi setiap murid untuk memberikan maklumat yang lebih jelas kepada penggubal dasar.

1.3.2 Indikator Akses

Indikator akses bertujuan untuk mengenal pasti faktor penting yang membolehkan pengguna mempunyai capaian terhadap sesuatu perkhidmatan yang telah dibekalkan. Contoh indikator akses dalam pendidikan adalah seperti peratus murid dengan jarak dari rumah ke sekolah melebihi 20 kilometer, latar belakang keluarga dan sosiobudaya murid, pendapatan isi rumah dan per kapita serta kos langsung yang melibatkan yuran, alat tulis, pakaian seragam dan lain-lain.

1.3.3 Indikator Output

Secara umumnya, indikator output dan hasil (*outcome*) mengukur kesan sesuatu dasar atau projek ke atas taraf hidup penduduk. Peningkatan dalam trend indikator ini menunjukkan kejayaan atau keberhasilan sesuatu dasar dan projek dalam membangunkan negara. Kedua-dua indikator output dan hasil adalah berkaitan dengan objektif, namun aspek yang membezakan antara kedua-duanya adalah penggunaannya untuk mengukur pencapaian objektif dalam tempoh masa berbeza. Indikator output mengukur objektif yang boleh dicapai segera atau dalam tempoh jangka masa yang pendek. Dalam bidang pendidikan, objektif jangka masa pendek seperti kadar enrolmen, kadar tamat pendidikan dan pencapaian murid dalam peperiksaan awam adalah contoh indikator output yang sering menjadi perhatian dan rujukan bagi penambahbaikan dasar dan program pendidikan yang telah dirancang dan dilaksanakan.

1.3.4 Indikator Hasil


Sistem pendidikan yang baik berupaya untuk memenuhi matlamat pembangunan negara yang lebih menyeluruh. Justeru, indikator hasil digunakan sebagai kayu ukur pencapaian matlamat atau objektif jangka masa panjang pendidikan yang sangat dipengaruhi oleh faktor luaran seperti faktor ekonomi. Antara objektif jangka panjang bidang pendidikan yang boleh diukur menggunakan indikator hasil adalah seperti kadar produktiviti dan guna tenaga buruh, indeks inovasi negara, serta tahap literasi masyarakat. Indikator ini menjadi tanda aras penting untuk membandingkan tahap pembangunan dan kemajuan negara pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Indikator pendidikan yang dipaparkan dalam buku ini dapat memberikan maklumat mengenai perkembangan pendidikan di Malaysia kepada semua pemegang taruh merangkumi pengurusan KPM, penggubal dasar dan lain-lain.

1.4 SKOP BUKU TREND INDIKATOR PENDIDIKAN MALAYSIA 2021

Kandungan BTIPM 2021 dimulakan dengan analisis pertumbuhan penduduk Malaysia mengikut jantina dan kumpulan umur berdasarkan peringkat pendidikan merangkumi peringkat prasekolah, rendah, menengah dan juga lepas menengah. Selain itu, edisi kali ini turut memuatkan isu khas mengenai pendidikan dalam era pandemik Covid-19 bagi memahami impak pandemik terhadap bidang pendidikan khususnya, serta intervensi dan langkah penyesuaian yang dirancang dan dilaksanakan oleh KPM demi memastikan kelangsungan pendidikan negara. Seterusnya, inti pati utama BTIPM 2021 ialah pembentangan analisis indikator pendidikan dari perspektif input, akses, output dan hasil dalam bentuk trend bagi melihat perkembangan dan kejayaan yang telah dicapai melalui sistem pendidikan negara dalam tempoh 10 tahun, iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Trend indikator pendidikan yang disusun dalam BTIPM 2021 terdiri daripada indikator berkaitan penduduk, perbelanjaan pendidikan, penyertaan murid pada peringkat prasekolah hingga lepas menengah, guru, peperiksaan awam, sekolah dan kemudahan serta indikator pendidikan dunia. Rajah 1.2 merumuskan skop BTIPM 2021.

Rajah 1.2
Skop Buku Trend Indikator Pendidikan Malaysia 2021



1.5 PENDUDUK MALAYSIA MENGIKUT KUMPULAN UMUR BERDASARKAN PERINGKAT PENDIDIKAN


Bagi menghasilkan indikator pendidikan tertentu seperti kadar penyertaan murid mengikut peringkat pendidikan, data populasi penduduk Malaysia mengikut kumpulan umur peringkat pendidikan yang berbeza adalah diperlukan. Peringkat pendidikan yang dimaksudkan ialah prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah. Bilangan penduduk mengikut kumpulan umur dianalisis untuk melihat trend dari tahun 2011 hingga tahun 2020 menggunakan data kelahiran hidup yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

1.5.1 Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Prasekolah

Pendidikan prasekolah adalah asas pendidikan awal yang penting dalam perkembangan hidup seorang kanak-kanak. Bagi bab ini, populasi prasekolah adalah penduduk yang berumur 4+ dan 5+ tahun. Ketika peringkat umur ini, pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak dari segi mental, emosi dan sosial adalah amat kritikal. Pendidikan awal kanak-kanak dapat menyediakan mereka dengan daya ketahanan untuk menghadapi cabaran dari aspek fizikal dan mental, menumpukan perhatian dan membina daya intelektual. Rajah 1.3 menunjukkan trend jumlah penduduk dalam kumpulan umur peringkat prasekolah dan perbandingan mengikut jantina dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 1.3

Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Prasekolah




Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan bilangan penduduk dalam kumpulan umur peringkat prasekolah sebanyak 10.78 peratus atau 151,587 orang sepanjang tempoh 10 tahun. Dari sudut jantina, bilangan penduduk lelaki bagi kumpulan umur ini meningkat daripada 726,559 orang pada tahun 2011 kepada 805,149 orang pada tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak 10.82 peratus. Bilangan penduduk perempuan pula meningkat sebanyak 10.74 peratus, iaitu daripada 679,805 orang pada tahun 2011 kepada 752,802 selepas 10 tahun. Dalam tempoh ini juga, bilangan kelahiran hidup bagi penduduk lelaki sentiasa melebihi penduduk perempuan.

1.5.2 Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Rendah

Peringkat pendidikan rendah melibatkan penduduk dalam lingkungan umur 6+ hingga 11+ tahun. Rajah 1.4 menunjukkan trend jumlah penduduk dalam kumpulan umur peringkat tersebut dan perbandingan mengikut jantina dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 1.4
Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Rendah




Secara keseluruhannya, terdapat sedikit penurunan jumlah penduduk dalam kumpulan umur peringkat rendah, iaitu daripada 3,029,413 orang pada tahun 2011 kepada 3,016,418 pada tahun 2020, iaitu pengurangan 0.43 peratus. Trend penurunan ini dapat diperhatikan pada bilangan penduduk bagi kedua-dua jantina. Bilangan penduduk lelaki dalam kumpulan umur ini berkurang sebanyak 2,969 orang kepada 1,559,175 orang pada tahun 2020, manakala bilangan penduduk perempuan mencatatkan pengurangan 10,026 orang kepada 1,457,243 orang selepas 10 tahun. Seperti kumpulan umur peringkat prasekolah, bilangan kelahiran hidup penduduk lelaki juga sentiasa melebihi penduduk perempuan bagi kumpulan umur peringkat pendidikan rendah.

1.5.3 Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Menengah

Peringkat pendidikan menengah meliputi murid berumur 12+ tahun hingga 16+ tahun. Rajah 1.5 menunjukkan trend jumlah penduduk bagi kumpulan umur peringkat tersebut dan perbandingan mengikut jantina dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 1.5
Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Menengah



Berdasarkan Rajah 1.5, terdapat trend penurunan jumlah penduduk kumpulan umur peringkat menengah daripada 2,686,744 orang pada tahun 2011 kepada 2,364,215 orang pada tahun 2020 atau penyusutan sebanyak 12 peratus. Bagi tempoh 10 tahun, bilangan penduduk lelaki mencatatkan penurunan yang lebih besar berbanding penduduk perempuan, iaitu sebanyak 173,606 orang kepada 1,216,154 orang pada tahun 2020, manakala bilangan penduduk perempuan berkurang sebanyak 148,923 orang kepada 1,148,061 orang. Walau bagaimanapun, bilangan penduduk lelaki masih mengatasi penduduk perempuan sepanjang tempoh tersebut.



1.5.4 Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Peringkat Lepas Menengah

Penduduk dalam kumpulan umur peringkat lepas menengah terdiri daripada murid yang berumur 17+ dan 18+ tahun. Rajah 1.6 menunjukkan jumlah penduduk bagi kumpulan umur peringkat tersebut dan perbandingan mengikut jantina dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 1.6
Jumlah Penduduk Mengikut Umur Peringkat Lepas Menengah



Berdasarkan Rajah 1.6, jumlah penduduk kumpulan umur peringkat lepas menengah adalah tidak konsisten bagi tempoh 10 tahun. Sepanjang tempoh ini, bilangan penduduk dalam kumpulan umur tersebut telah berkurangan daripada 1,070,362 orang pada tahun 2011 kepada 1,000,022 orang pada tahun 2020, iaitu penyusutan sebanyak 6.57 peratus. Jumlah penduduk lelaki dan perempuan bagi kumpulan umur lepas menengah adalah paling rendah pada tahun 2020, iaitu pengurangan sebanyak 36,880 orang bagi penduduk lelaki dan 33,460 orang bagi penduduk perempuan berbanding 10 tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, bilangan penduduk lelaki sentiasa melebihi penduduk perempuan sepanjang tempoh satu dekad.

1.6 PENUTUP

Indikator pendidikan yang dibincangkan di dalam buku ini merupakan indikator yang sering diguna pakai bagi tujuan pengukuran kemajuan dan penandaarasan sistem pendidikan negara. Oleh itu, bagi tujuan perancangan dan penambahbaikan dasar dan program pendidikan negara, terutama dalam era norma baharu pada masa kini, pihak yang berkepentingan seperti perancang dasar dan pembuat keputusan perlulah merujuk kepada trend indikator pendidikan agar mendapat gambaran mengenai perkembangan sistem pendidikan di Malaysia dan seterusnya memantapkan perancangan pembangunan pendidikan berpandukan data dan maklumat yang tepat.



JADUAL / DATA

Jadual 1.1

Penduduk Malaysia Mengikut Kumpulan Umur Berdasarkan Peringkat Pendidikan

Tahun	Peringkat											
	Prasekolah			Rendah			Menengah			Lepas Menengah		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	J
2011	726,559	679,805	1,406,364	1,562,144	1,467,269	3,029,413	1,389,760	1,296,984	2,686,744	553,745	516,617	1,070,362
2012	736,467	688,039	1,424,506	1,531,979	1,444,641	2,976,620	1,384,189	1,286,898	2,671,087	558,398	521,143	1,079,541
2013	751,598	704,109	1,455,707	1,489,533	1,402,656	2,892,189	1,388,749	1,292,586	2,681,335	556,695	520,254	1,076,949
2014	761,830	713,068	1,474,898	1,466,498	1,381,754	2,848,252	1,373,894	1,279,124	2,653,018	560,191	523,406	1,083,597
2015	774,205	724,941	1,499,146	1,468,206	1,383,355	2,851,561	1,344,554	1,251,986	2,596,540	561,060	523,757	1,084,817
2016	790,338	738,507	1,528,845	1,481,397	1,386,394	2,867,791	1,315,418	1,236,227	2,551,645	551,689	513,804	1,065,493
2017	797,345	744,175	1,541,520	1,488,389	1,392,873	2,881,262	1,289,835	1,217,581	2,507,416	544,314	502,661	1,046,975
2018	806,057	752,481	1,558,538	1,510,672	1,412,980	2,923,652	1,248,604	1,178,473	2,427,077	555,684	515,856	1,071,540
2019	803,119	750,543	1,553,662	1,541,936	1,442,616	2,984,552	1,223,012	1,153,192	2,376,204	549,896	515,632	1,065,528
2020	805,149	752,802	1,557,951	1,559,175	1,457,243	3,016,418	1,216,154	1,148,061	2,364,215	516,865	483,157	1,000,022

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

BAB 2

**PERBELANJAAN
PENDIDIKAN**



2.1 PENGENALAN


Pendidikan merupakan salah satu kunci utama bagi pembangunan sesebuah negara dan sangat penting dalam mencapai pembangunan lestari. Pendidikan yang berkualiti menyediakan kanak-kanak dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan supaya mereka dapat menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian dan seterusnya meningkatkan produktiviti negara. Pendidikan khususnya pendidikan asas yang meliputi pendidikan rendah dan menengah berupaya meningkatkan kadar literasi penduduk, mengurangkan kadar kemiskinan serta menjana ekonomi negara.

2.2 PERBELANJAAN PENDIDIKAN BERBANDING PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Sejak beberapa dekad yang lalu, Malaysia sentiasa mengutamakan peruntukan bagi sektor pendidikan dalam bajet tahunan negara. Pada pembentangan bajet tahun 2021 yang lalu, sektor pendidikan telah mendapat peruntukan terbesar berjumlah RM50.4 bilion. Hal ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan dalam menyediakan modal insan yang berpendidikan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang. Peruntukan tersebut akan dibelanjakan bagi inisiatif yang berpotensi untuk memberikan impak positif kepada murid, guru dan sekolah. Rajah 2.1 menunjukkan trend peratus perbelanjaan pendidikan berbanding perbelanjaan kerajaan persekutuan bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 2.1

Peratus Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan




Berdasarkan Rajah 2.1, secara keseluruhan, perbelanjaan pendidikan adalah melebihi 15 peratus daripada jumlah perbelanjaan kerajaan persekutuan sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2020. Terdapat trend peningkatan bagi peratus perbelanjaan pendidikan berbanding perbelanjaan kerajaan persekutuan pada tahun 2020, iaitu 17.93 peratus berbanding 17.08 peratus pada tahun 2011. Peratus perbelanjaan pendidikan berbanding jumlah perbelanjaan persekutuan pada tahun 2019 adalah yang tertinggi sepanjang tempoh 10 tahun tersebut, iaitu sebanyak 18.97 peratus. Hal ini adalah disebabkan perbelanjaan pendidikan pada tahun tersebut turut meliputi perbelanjaan bagi sektor pendidikan tinggi berikutan penggabungan KPM dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Perbelanjaan pendidikan yang besar juga adalah wajar memandangkan KPM merupakan salah satu daripada kementerian dengan struktur terbesar, yang meliputi lebih 10,000 buah sekolah dan 409,977 orang guru.

2.2.1 Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Pendapatan Negara Kasar (PNK)

Selain daripada indikator peratus perbelanjaan pendidikan berbanding perbelanjaan kerajaan persekutuan, peratus perbelanjaan pendidikan berbanding PNK bagi tempoh 10 tahun juga dapat memberi gambaran mengenai sumbangan perbelanjaan pendidikan kepada pendapatan negara. Indikator ini ditunjukkan dalam Rajah 2.2.

Rajah 2.2

Peratus Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Pendapatan Negara Kasar (PNK)



Secara keseluruhannya, perbelanjaan pendidikan telah menyumbang sekurang-kurangnya tiga peratus daripada jumlah pendapatan negara sepanjang tempoh 10 tahun. Terdapat peningkatan kecil bagi perbelanjaan pendidikan berbanding PNK pada tahun 2020, iaitu 3.79 peratus berbanding 3.61 peratus pada tahun 2011. Peratus perbelanjaan pendidikan berbanding PNK pada tahun 2019 adalah yang tertinggi sepanjang tempoh 10 tahun, iaitu sebanyak 4.11 peratus. Seperti yang telah dijelaskan, perbelanjaan pendidikan yang tinggi pada tahun tersebut adalah disebabkan oleh penggabungan KPM dengan KPT. Walau bagaimanapun, terdapat trend penurunan yang konsisten dalam sumbangan perbelanjaan pendidikan terhadap pendapatan negara dari tahun 2012 hingga tahun 2018.


2.3 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS

Perbelanjaan pendidikan terbahagi kepada dua komponen perbelanjaan, iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus merupakan belanja yang melibatkan operasi harian atau aktiviti yang berulang dan berterusan. Perbelanjaan mengurus akan habis digunakan dalam tempoh satu tahun perakaunan. Contoh belanja mengurus ialah emolumen, sewaan, belanja pejabat, belanja utiliti dan belanja susut nilai.

Perbelanjaan pembangunan pula merupakan belanja yang tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti harian dan kebiasaannya tidak berulang. Belanja pembangunan bertujuan untuk mendapatkan aset dan akan digunakan bagi tempoh jangka panjang. Contoh belanja pembangunan ialah pembelian kenderaan dan pembinaan bangunan. Rajah 2.3 menunjukkan trend peratus perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 2.3

Peratus Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Mengurus




Secara keseluruhan, perbelanjaan mengurus adalah jauh lebih besar berbanding perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus menunjukkan peningkatan sebanyak 14.59 peratus, iaitu daripada 82.10 peratus pada tahun 2011 kepada 96.69 peratus pada tahun 2020, manakala trend sebaliknya ditunjukkan oleh perbelanjaan pembangunan. Peratus belanja pembangunan menurun daripada 17.90 peratus pada tahun 2011 kepada 3.31 peratus pada tahun 2020.

2.3.1 Perbelanjaan (Pembangunan dan Mengurus) Mengikut Peringkat Pendidikan

KPM sentiasa memastikan jumlah peruntukan yang diterima dibelanjakan untuk semua peringkat pendidikan yang merangkumi peringkat pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah. Rajah 2.4 menunjukkan trend peratus perbelanjaan (pembangunan dan mengurus) mengikut peringkat pendidikan dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 2.4

Peratus Perbelanjaan (Pembangunan dan Mengurus) Mengikut Peringkat Pendidikan




Secara keseluruhan, perbelanjaan pendidikan peringkat rendah dan menengah menunjukkan peratus yang lebih besar berbanding peringkat prasekolah dan lepas menengah. Hal ini adalah disebabkan enrolmen murid, bilangan guru dan kelas pada peringkat tersebut adalah yang lebih banyak daripada prasekolah dan lepas menengah. Peratus perbelanjaan bagi peringkat prasekolah adalah dalam julat 1.80 peratus hingga 2.43 peratus. Peratus perbelanjaan bagi peringkat rendah menunjukkan penurunan daripada 49.33 peratus pada tahun 2011 kepada 42.78 peratus pada tahun 2020. Peringkat menengah juga menunjukkan penurunan dengan perbezaan yang lebih kecil, iaitu 42.45 peratus kepada 40.10 peratus bagi tempoh yang sama. Peratus perbelanjaan bagi peringkat lepas menengah pula telah meningkat daripada 6.03 peratus pada tahun 2011 kepada 14.91 peratus pada tahun 2020.

2.3.2 Perbelanjaan Mengurus Mengikut Komponen Perbelanjaan

Perbelanjaan mengurus dapat diperincikan dengan jelas mengikut komponen seperti emolumen, pembelian perkhidmatan dan bekalan, aset serta pemberian dan bayaran tetap. Rajah 2.5 menunjukkan trend peratus perbelanjaan mengurus mengikut komponen perbelanjaan dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 2.5

Peratus Perbelanjaan Mengurus Mengikut Komponen Perbelanjaan




Komponen perbelanjaan mengurus yang terbesar adalah emolumen. Secara purata, emolumen meliputi 76 peratus daripada jumlah belanja mengurus bagi tempoh 10 tahun. Hal ini bermaksud hanya 24 peratus daripada jumlah belanja mengurus yang dapat digunakan untuk pembelian perkhidmatan dan pembayaran kos pelaksanaan inisiatif bagi meningkatkan sistem penyampaian pendidikan serta kemenjadian murid. Sehubungan dengan itu, KPM akan mengutamakan pelaksanaan program atau inisiatif yang berimpak tinggi bagi memastikan Kementerian dapat memaksimumkan keberhasilan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

2.4 KOS PURATA MURID MENGIKUT PERINGKAT PENDIDIKAN

Indikator kos purata per murid merupakan indikator yang penting dalam menganalisis perbelanjaan pendidikan sesebuah negara. Kos ini merupakan jumlah perbelanjaan mengurus berbanding jumlah murid. Indikator ini dapat membantu dalam perancangan peluasan akses pendidikan serta pembangunan pendidikan. Rajah 2.6 menunjukkan trend kos purata per murid mengikut peringkat pendidikan dari tahun 2011 hingga tahun 2019.

Rajah 2.6
Kos Purata Per Murid Mengikut Peringkat Pendidikan



Semenjak tahun 2011 hingga tahun 2019, kos purata per murid bagi peringkat menengah adalah yang tertinggi, diikuti peringkat rendah dan peringkat prasekolah. Selain itu, trend peningkatan kos purata dapat dilihat pada semua peringkat pendidikan pada tahun 2019 berbanding tahun 2011. Pada peringkat prasekolah, peningkatan kos purata per murid adalah sebanyak RM582 pada tahun 2019 berbanding tahun 2011. Pada peringkat rendah pula, kos purata per murid telah meningkat sebanyak 1.3 kali ganda pada tahun 2019 berbanding tahun 2011, manakala bagi peringkat menengah, kos purata per murid telah meningkat 1.5 kali ganda pada tahun 2019 berbanding tahun 2011. Peningkatan kos purata per murid adalah selaras dengan peningkatan perbelanjaan mengurus pendidikan.

2.5 PENUTUP

Pelaburan dalam pendidikan perlu diteruskan supaya KPM dapat meningkatkan keberhasilan dalam penyediaan bakat untuk masa hadapan. Pada masa yang sama, KPM akan terus berusaha bagi memastikan perbelanjaan pendidikan dapat dioptimumkan untuk mengelakkan pembaziran sumber kewangan. Secara keseluruhan, peningkatan perbelanjaan pendidikan dalam tempoh 10 tahun, iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020 adalah selaras dengan kemajuan sistem pendidikan dalam aspek akses, kualiti dan ekuiti dalam pendidikan.



JADUAL / DATA

Jadual 2.1

Peratus Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Tahun	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan (%)
2011	17.08
2012	17.65
2013	15.28
2014	15.59
2015	15.73
2016	16.26
2017	16.75
2018	16.10
2019	18.97
2020	17.93

Sumber : Bahagian Kewangan

Nota : Perbelanjaan pendidikan meliputi pendidikan tinggi. KPM digabungkan dengan KPT.

Jadual 2.1.1

Peratus Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Pendapatan Negara Kasar (PNK)

Tahun	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Pendapatan Negara Kasar (%)
2011	3.61
2012	4.01
2013	3.97
2014	3.79
2015	3.60
2016	3.43
2017	3.34
2018	3.32
2019	4.11
2020	3.79

Sumber : Bahagian Kewangan

Nota : Perbelanjaan pendidikan meliputi pendidikan tinggi. KPM digabungkan dengan KPT.

Jadual 2.2*Peratus Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Mengurus*

Tahun	Perbelanjaan Pembangunan (%)	Perbelanjaan Mengurus (%)
2011	17.90	82.10
2012	12.29	87.71
2013	5.47	94.53
2014	3.75	96.25
2015	3.00	97.00
2016	4.94	95.06
2017	2.44	97.56
2018	4.20	95.80
2019	7.75	92.25
2020	3.31	96.69

Sumber : Bahagian Kewangan

Jadual 2.2.1*Peratus Perbelanjaan Pendidikan (Pembangunan dan Mengurus) Mengikut Peringkat Pendidikan*

Tahun	Peringkat Pendidikan			
	Prasekolah (%)	Rendah (%)	Menengah (%)	Lepas Menengah (%)
2011	2.20	49.33	42.45	6.03
2012	2.27	47.68	44.79	5.26
2013	2.23	46.36	49.29	2.11
2014	2.24	47.15	47.92	2.69
2015	1.80	48.27	47.29	2.64
2016	2.10	48.40	45.94	3.57
2017	2.16	48.26	47.33	2.24
2018	2.43	48.50	45.90	3.16
2019	2.18	37.95	37.03	22.84
2020	2.22	42.78	40.10	14.91

Sumber : Bahagian Kewangan

Nota : Peringkat Lepas Menengah merujuk kepada Program Matrikulasi dan IPG.

Jadual 2.2.2*Peratus Perbelanjaan Mengurus Mengikut Komponen Perbelanjaan*

Tahun	Komponen Perbelanjaan				
	Emolumen (%)	Perkhidmatan dan Bekalan (%)	Aset (%)	Pemberian dan Bayaran Tetap (%)	Perbelanjaan Lain (%)
2011	72.80	12.17	1.22	13.82	0.00
2012	76.39	10.94	0.67	12.00	0.00
2013	77.41	11.56	0.56	10.47	0.00
2014	76.76	12.55	0.43	10.26	0.00
2015	75.67	12.76	1.21	10.37	0.00
2016	80.12	11.29	0.32	8.26	0.00
2017	83.71	8.38	0.32	7.59	0.00
2018	80.54	10.71	0.17	8.58	0.00
2019	70.80	6.74	0.19	22.27	0.00
2020	66.32	10.40	0.21	23.07	0.01

Sumber : Bahagian Kewangan

Jadual 2.3*Kos Purata Murid Mengikut Peringkat Pendidikan*

Tahun	Peringkat Pendidikan		
	Prasekolah (RM)	Rendah (RM)	Menengah (RM)
2011	3,844.89	5,376.97	5,953.91
2012	4,652.29	6,534.77	7,799.10
2013	4,656.42	6,775.88	8,944.72
2014	4,450.45	6,788.55	8,653.21
2015	3,573.33	7,074.13	8,977.41
2016	3,484.70	6,532.60	7,545.30
2017	3,698.70	6,848.00	8,535.00
2018	4,219.00	7,083.00	8,952.80
2019	4,426.90	7,010.50	9,401.00

Sumber : Bahagian Kewangan dan Pengiraan BPPDP

BAB 3

**PENYERTAAN
MURID PERINGKAT
PRASEKOLAH
HINGGA
MENENGAH**



3.1 PENGENALAN

Aspek kemenjadian murid sentiasa menjadi fokus utama KPM dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu dasar atau program pendidikan. Aspirasi sistem yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 dirangka bagi memastikan semua murid menerima pendidikan yang berkualiti. Lima aspirasi tersebut ialah akses kepada pendidikan secara menyeluruh, kualiti dalam pentaksiran antarabangsa, peningkatan ekuiti dengan mengurangkan jurang pencapaian, memupuk perpaduan dan menghargai kepelbagaian serta memaksimumkan keberhasilan murid.


Bab ini membincangkan indikator berkaitan murid pada peringkat pendidikan prasekolah, rendah dan menengah. Bilangan dan peratus enrolmen, kadar penyertaan serta purata saiz kelas merupakan antara indikator yang dianalisis bagi ketiga-tiga peringkat pendidikan tersebut. Selain itu, indikator seperti kadar ambilan, kadar tamat pendidikan, kadar transisi, kadar keciciran dan enrolmen bukan warganegara turut dibincangkan bagi peringkat rendah dan menengah.

3.2 PENDIDIKAN PERINGKAT PRASEKOLAH

Pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia bermula daripada usia 4 (3+) hingga 6 (5+) tahun pada peringkat pendidikan prasekolah. Peringkat ini menyediakan program ke arah pemupukan pengalaman pembelajaran kanak-kanak dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki Tahun 1. Selain itu, pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan memasuki alam persekolahan peringkat rendah.

3.2.1 Enrolmen Prasekolah Awam dan Prasekolah Swasta

Sejajar dengan pertambahan populasi kanak-kanak berusia 4 (3+) hingga 6 (5+) tahun, maka bilangan prasekolah juga kian bertambah. Hal ini kerana terdapat beberapa kementerian, agensi dan pihak swasta yang turut menyediakan prasekolah bagi membolehkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke prasekolah yang dikendalikan oleh institusi berkenaan. Antara kementerian dan agensi yang menyediakan prasekolah di Malaysia adalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jabatan Agama Islam Negeri dan juga pengendali prasekolah swasta. Rajah 3.1 menunjukkan trend peratus enrolmen prasekolah awam dan prasekolah swasta bagi tempoh 10 tahun.


Rajah 3.1*Peratus Enrolmen Prasekolah Awam dan Prasekolah Swasta*

Sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2020, enrolmen prasekolah awam adalah lebih tinggi berbanding prasekolah swasta. Walau bagaimanapun, prasekolah swasta menunjukkan peningkatan peratus enrolmen yang ketara pada tahun 2020, iaitu 49.28 peratus berbanding 34.37 peratus pada tahun 2011. Bagi prasekolah awam, peratus enrolmen tertinggi dicatatkan pada tahun 2011, iaitu 65.63 peratus, manakala terendah pada tahun 2019, iaitu 50.07 peratus. Perbezaan peratus enrolmen prasekolah awam dan swasta yang semakin mengecil menunjukkan bahawa prasekolah swasta semakin mendapat sambutan dalam kalangan ibu bapa untuk pendidikan awal anak-anak mereka selain daripada prasekolah awam.

3.2.2 Kadar Penyertaan Peringkat Prasekolah

Prasekolah mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri sebagai asas pendidikan dalam perkembangan pendidikan di Malaysia. Kesedaran dalam kalangan ibu bapa tentang kepentingan pendidikan asas terhadap anak-anak telah menyebabkan kadar penyertaan murid prasekolah meningkat dalam tempoh 10 tahun belakangan ini. Rajah 3.2 menunjukkan trend kadar penyertaan murid peringkat prasekolah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.2
Kadar Penyertaan Murid Peringkat Prasekolah




Berdasarkan Rajah 3.2, trend kadar penyertaan murid pada peringkat prasekolah menunjukkan peningkatan sepanjang tempoh 10 tahun kecuali pada tahun 2016 dan 2020. Bagi tempoh tersebut juga, kadar penyertaan telah meningkat sebanyak 20.14 peratus. Perkembangan positif ini menunjukkan kesungguhan KPM dalam menyediakan akses pendidikan kepada semua kanak-kanak di Malaysia bermula daripada peringkat prasekolah. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan tahun 2020 didapati berkurangan sebanyak 2.2 peratus berbanding tahun 2019 akibat daripada pandemik Covid-19.

3.2.3 Purata Saiz Kelas Peringkat Prasekolah

Pertambahan bilangan kelas membantu pelaksanaan PdP yang lebih kondusif. Saiz kelas yang kecil membolehkan pengajaran disampaikan secara berkesan dan pembelajaran yang optimum berlaku dalam kalangan murid. Rajah 3.3 menunjukkan trend purata saiz kelas peringkat prasekolah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.3
Purata Saiz Kelas Peringkat Prasekolah



Berdasarkan Rajah 3.3, purata saiz kelas peringkat prasekolah semakin mengecil daripada tahun 2011 hingga tahun 2020, iaitu 21.76 pada tahun 2020 berbanding 23.38 pada tahun 2011. Purata saiz kelas yang kecil ini membolehkan interaksi antara guru dan murid berlaku dengan lebih baik serta dapat membantu PdP yang lebih berkesan dalam bilik darjah.


3.3 PENDIDIKAN PERINGKAT RENDAH

Pendidikan peringkat rendah merupakan pendidikan wajib yang memerlukan setiap ibu bapa warganegara Malaysia yang menetap di negara ini mendaftarkan anak mereka di sekolah rendah apabila telah mencapai umur 7 (6+) tahun pada bulan Januari tahun semasa. Tempoh pendidikan wajib adalah selama enam tahun seperti yang termaktub dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003 bertarikh 27 November 2002.

3.3.1 Enrolmen Peringkat Rendah Mengikut Sekolah

Enrolmen peringkat rendah dibincangkan mengikut sekolah KPM, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Pendidikan Khas (SPK). Enrolmen murid di semua sekolah ini dipengaruhi oleh kadar kelahiran bagi kohort umur persekolahan peringkat rendah. Rajah 3.4 menunjukkan trend enrolmen peringkat rendah mengikut sekolah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.4
Enrolmen Peringkat Rendah Mengikut Sekolah




Secara keseluruhan, enrolmen peringkat rendah bagi semua sekolah menurun daripada tahun 2011 berbanding tahun 2020 kecuali di SABK. Enrolmen paling tinggi adalah di SK, diikuti oleh SJKC, SJKT, SABK dan SPK. Enrolmen SK mencatatkan penurunan tertinggi sebanyak 186,301 orang kepada 2,130,676 orang pada tahun 2020 berbanding tahun 2011. SABK pula mencatatkan peningkatan enrolmen sebanyak 11,865 orang, menjadikan jumlah 17,761 orang murid pada 2020 berbanding tahun 2011. Peningkatan enrolmen SABK adalah disebabkan oleh bilangan sekolah agama yang mendaftar di bawah KPM semakin bertambah. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan jumlah enrolmen di SK, SJKC, SJKT dan SPK ialah kadar kelahiran kanak-kanak kohort pendidikan rendah yang menurun dan kewujudan pelbagai institusi pendidikan swasta yang menawarkan pendidikan peringkat rendah.

3.3.2 Kadar Ambilan Murid Tahun 1

Kadar ambilan ditakrifkan sebagai bilangan murid yang mendaftar Tahun 1 berbanding bilangan kelahiran hidup bagi kohort umur murid tersebut. Pertambahan kadar kelahiran akan membawa kepada peningkatan kadar penyertaan sekiranya terdapat ramai murid berusia 6+ tahun mendaftar pada Tahun 1. Rajah 3.5 menunjukkan trend kadar ambilan murid Tahun 1 dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.5
Kadar Ambilan Murid Tahun 1




Bagi tempoh 10 tahun, kadar ambilan murid Tahun 1 telah meningkat daripada 96.09 peratus pada tahun 2011 kepada 97.04 peratus pada tahun 2020. KPM sentiasa berusaha untuk memastikan enrolmen secepat bagi peringkat rendah dicapai selaras dengan aspirasi PPPM 2013-2025.

3.3.3 Kadar Penyertaan Murid Peringkat Rendah

Kadar penyertaan murid peringkat rendah ialah jumlah enrolmen peringkat rendah berbanding populasi penduduk bagi kohort umur peringkat tersebut. Rajah 3.6 menunjukkan trend kadar penyertaan murid peringkat rendah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.



Rajah 3.6
Kadar Penyertaan Murid Peringkat Rendah




Berdasarkan Rajah 3.6, kadar penyertaan murid peringkat rendah meningkat sebanyak 2.35 peratus, iaitu kepada 98.23 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2011. Peningkatan kadar penyertaan ini adalah seiring dengan matlamat Anjakan 1 PPPM 2013-2025 ke arah menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti yang saksama menuju enrolmen sejagat. Bagi tahun 2015 dan 2016 yang mencatatkan penurunan kadar penyertaan, antara faktor penyebabnya ialah jumlah enrolmen berbanding kadar kelahiran yang rendah.

3.3.4 Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Rendah

Kadar tamat pendidikan peringkat rendah merujuk kepada peratus murid yang tamat Tahun 6 berbanding bilangan murid yang mendaftar Tahun 1 bagi kohort umur yang sama. Rajah 3.7 menunjukkan trend kadar tamat pendidikan peringkat rendah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.7
Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Rendah




Berdasarkan Rajah 3.7, kadar tamat pendidikan peringkat rendah telah melebihi 98 peratus dalam tempoh 10 tahun kecuali pada tahun 2018 dan tahun 2019. Tahun 2014 mencatatkan kadar tamat pendidikan tertinggi bagi peringkat tersebut, iaitu 99.18 peratus, manakala kadar terendah adalah pada tahun 2018, iaitu 97.67 peratus.

3.3.5 Purata Saiz Kelas Peringkat Rendah

Purata saiz kelas peringkat rendah ialah kadar enrolmen peringkat tersebut berbanding bilangan kelas. Purata saiz kelas yang kecil adalah lebih baik kerana guru dapat memberikan lebih perhatian dan bimbingan kepada setiap murid. Rajah 3.8 menunjukkan trend purata saiz kelas peringkat rendah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.8
Purata Saiz Kelas Peringkat Rendah




Berdasarkan Rajah 3.8, purata saiz kelas peringkat rendah dalam tempoh 10 tahun didapati semakin mengecil, iaitu daripada 27.65 pada tahun 2011 kepada 25.77 pada tahun 2020. Hal ini disebabkan oleh bilangan kelas yang bertambah dalam tempoh tersebut. Purata yang kecil ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif serta membolehkan interaksi guru dan murid berlaku dengan lebih berkesan.

3.3.6 Kadar Keciciran Murid Sekolah Rendah

KPM merujuk definisi kecaciran sebagai kecaciran daripada sistem pendidikan, iaitu murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem, sebelum tamat atau menghabiskan tempoh pendidikan. KPM telah menjalankan pelbagai usaha bagi membendung isu kecaciran murid termasuklah kecaciran pada peringkat rendah. Inisiatif Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan enrolmen murid pada pelbagai peringkat persekolahan serta menangani masalah kecaciran di sekolah. Rajah 3.9 menunjukkan trend kadar kecaciran murid sekolah rendah dari tahun 2016 hingga tahun 2020.

Rajah 3.9
Kadar Keciciran Murid Sekolah Rendah



Berdasarkan Rajah 3.9, kadar kecaciran murid sekolah rendah telah berkurangan daripada 0.36 peratus pada tahun 2016 kepada 0.10 peratus pada tahun 2020. Trend penurunan kadar ini menunjukkan kesungguhan KPM dalam membendung isu kecaciran, antaranya dengan menyediakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC). GPMBC telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018 di semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pemantauan serta intervensi pihak sekolah dapat dijalankan kepada murid berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah. Bagi murid cicir pula, Program Sifar Murid Cicir (PSMC) telah dirintis pada tahun 2018. Objektif program ini adalah untuk mengadakan intervensi berfokus bagi membantu murid cicir untuk kembali bersekolah.


3.4 PENDIDIKAN PERINGKAT MENENGAH

Pendidikan peringkat menengah melibatkan murid berumur 12+ hingga 16+ tahun. Pendidikan menengah dibahagikan kepada peringkat menengah rendah dan menengah atas. Peringkat menengah rendah terdiri daripada kelas peralihan dan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Kelas peralihan bagi tempoh 1 tahun ditawarkan di beberapa buah sekolah menengah untuk membolehkan murid dari SJKC dan SJKT menguasai Bahasa Melayu sebagai persediaan mengikuti pembelajaran pada peringkat menengah. Peringkat menengah atas pula melibatkan murid Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

3.4.1 Enrolmen Peringkat Menengah Mengikut Sekolah

Enrolmen peringkat menengah dibahagikan mengikut sekolah di bawah seliaan KPM, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK) dan Kolej Tingkatan 6. Enrolmen murid peringkat menengah dipengaruhi oleh kadar kelahiran bagi kohort umur persekolahan tersebut. Rajah 3.10 menunjukkan trend enrolmen peringkat menengah mengikut sekolah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.10
Enrolmen Peringkat Menengah Mengikut Sekolah




Berdasarkan Rajah 3.10, trend enrolmen 10 tahun menunjukkan purata enrolmen peringkat menengah paling tinggi adalah di SMK, diikuti oleh SABK, KV, SBP, SMKA, SMT, SMPK dan Kolej Tingkatan 6. Purata enrolmen bagi SMK ialah 1,976,035 orang, manakala purata enrolmen bagi SMPK ialah 899 orang. Mulai tahun 2018, beberapa buah sekolah telah bertukar status kepada Kolej Tingkatan 6. Pada masa kini, masih terdapat beberapa Kelas Khas Bermasalah Pembelajaran (KKBP) yang menempatkan MBK di kolej tersebut.

Peningkatan enrolmen pada tahun 2020 berbanding 2011 dapat dilihat di KV, iaitu sebanyak 16,158 orang, SABK sebanyak 14,220 orang, SBP sebanyak 2,801 orang dan SMPK sebanyak 445 orang. Penurunan enrolmen berlaku di SMK, iaitu sebanyak 360,617 orang, SMT sebanyak 15,546 orang dan SMKA sebanyak 1,362 orang bagi tempoh yang sama. Penurunan ini dipengaruhi oleh kadar kelahiran kanak-kanak bagi kohort umur persekolahan peringkat menengah dan juga kewujudan institusi pendidikan swasta sebagai alternatif kepada ibu bapa untuk pendidikan anak-anak mereka. Selain itu, penurunan enrolmen di SMT pula disebabkan oleh naik taraf sekolah tersebut kepada KV selaras dengan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional.

3.4.2 Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah

Kadar penyertaan murid peringkat menengah adalah jumlah enrolmen peringkat menengah berbanding populasi penduduk bagi kohort umur peringkat tersebut. Rajah 3.11 menunjukkan trend kadar penyertaan murid peringkat menengah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.


Rajah 3.11
Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah



Berdasarkan Rajah 3.11, kadar penyertaan murid peringkat menengah meningkat sebanyak 2.56 peratus, iaitu kepada 92.37 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2011. Peningkatan kadar penyertaan ini selaras dengan aspirasi sistem PPPM 2013-2025 ke arah menyediakan akses bagi semua peringkat pendidikan. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan murid pada tahun 2020 didapati lebih rendah berbanding tahun 2019, antaranya disebabkan oleh faktor pandemik Covid-19.

a. Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Rendah


Kadar penyertaan murid peringkat menengah rendah melibatkan murid daripada kelas peralihan dan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Rajah 3.12 menunjukkan trend kadar penyertaan murid peringkat menengah rendah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.12*Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Rendah*

Secara keseluruhannya, Rajah 3.12 menunjukkan kadar penyertaan murid peringkat menengah rendah telah melepasi 90 peratus. Kadar tersebut meningkat sebanyak 1.88 peratus, iaitu kepada 95.30 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2011. Selain itu, kadar ini semakin menghampiri kadar penyertaan sejangat mulai tahun 2017.

b. Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Atas

Kadar penyertaan murid peringkat menengah atas melibatkan murid Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Rajah 3.13 menunjukkan trend kadar penyertaan bagi peringkat tersebut dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.13*Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Atas*

Secara keseluruhannya, Rajah 3.13 menunjukkan kadar penyertaan murid peringkat menengah atas berada dalam julat antara 82.17 peratus hingga 88.02 peratus. Kadar tersebut meningkat sebanyak 3.89 peratus, iaitu kepada 88.02 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2011. Inisiatif yang dijalankan oleh KPM seperti PSMC telah berjaya meningkatkan kadar penyertaan murid menengah atas.

3.4.3 Kadar Transisi Murid


Dalam sistem pendidikan Malaysia, kadar transisi murid terbahagi kepada transisi murid Tahun 6 ke Tingkatan 1 dan transisi murid Tingkatan 3 ke Tingkatan 4. Kadar ini mengambil kira jumlah murid yang telah mendaftar di semua sekolah.

a. Kadar Transisi Murid Tahun Enam ke Tingkatan Satu

Kadar transisi murid Tahun 6 ke Tingkatan 1 adalah kadar bagi enrolmen murid Tingkatan 1 tahun semasa berbanding enrolmen Tahun 6 pada tahun sebelumnya dan enrolmen kelas peralihan. Kadar transisi ini juga mengambil kira jumlah murid yang telah mendaftar di semua sekolah. Rajah 3.14 menunjukkan trend kadar transisi murid Tahun 6 ke Tingkatan 1 dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.14

Kadar Transisi Murid Tahun Enam ke Tingkatan Satu




Bagi tempoh 10 tahun, julat kadar transisi murid Tahun 6 ke Tingkatan 1 adalah antara 95.06 peratus hingga 98.42 peratus. Kadar transisi tertinggi dicatatkan pada tahun 2019, manakala terendah pada tahun 2016. Terdapat trend peningkatan kadar transisi daripada tahun 2011 hingga 2014, namun trend tersebut tidak konsisten selepas tahun 2014.

b. Kadar Transisi Murid Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat

Kadar transisi murid Tingkatan 3 ke Tingkatan 4 adalah kadar enrolmen murid Tingkatan 4 pada tahun semasa berbanding enrolmen Tingkatan 3 bagi tahun sebelumnya. Rajah 3.15 menunjukkan trend kadar transisi murid Tingkatan 3 ke Tingkatan 4 dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.15

Kadar Transisi Murid Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat




Sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2020, julat kadar transisi murid Tingkatan 3 ke Tingkatan 4 adalah antara 93.27 peratus hingga 98.58 peratus. Kadar transisi tertinggi dicatatkan pada tahun 2020, manakala terendah pada tahun 2015. Trend kadar transisi adalah tidak konsisten dalam tempoh 10 tahun. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2018, trend tersebut menunjukkan peningkatan sehingga mencapai kadar tertinggi pada tahun 2020.

3.4.4 Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Menengah

Kadar tamat pendidikan peringkat menengah merujuk kepada bilangan murid yang tamat Tingkatan 5 berbanding murid yang mendaftar Tingkatan 1 bagi kohort umur yang sama. Rajah 3.16 menunjukkan trend kadar tamat pendidikan peringkat menengah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.16
Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Menengah




Berdasarkan Rajah 3.16, trend kadar tamat pendidikan peringkat menengah adalah tidak konsisten sepanjang tempoh 10 tahun. Julat bagi kadar tersebut adalah antara 87.86 peratus hingga 91.36 peratus. Tahun 2011 mencatatkan kadar tamat pendidikan menengah yang paling tinggi, manakala kadar terendah adalah pada tahun 2015.

3.4.5 Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah

Purata saiz kelas peringkat menengah adalah kadar enrolmen berbanding bilangan kelas bagi sekolah menengah. Rajah 3.17 menunjukkan trend purata saiz kelas peringkat menengah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 3.17
Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah




Berdasarkan Rajah 3.17, purata saiz kelas peringkat menengah dalam tempoh 10 tahun didapati semakin mengecil, iaitu daripada 29.75 pada tahun 2011 kepada 25.04 pada tahun 2020. Purata yang semakin mengecil ini disebabkan oleh pertambahan bilangan kelas dalam tempoh tersebut. Seperti yang dijelaskan dalam perkara 3.3.5, purata saiz kelas yang kecil adalah lebih baik untuk mewujudkan suasana PdP yang lebih kondusif.

3.4.6 Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020

Bagi menggambarkan purata saiz kelas dengan lebih terperinci, Rajah 3.18 menunjukkan purata saiz kelas peringkat menengah mengikut negeri dan juga lokasi, iaitu bandar dan luar bandar pada tahun 2020.




Rajah 3.18*Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020*

Pada tahun 2020, julat purata saiz kelas bagi kawasan bandar adalah antara 20.13 peratus hingga 30.95 peratus, manakala bagi kawasan luar bandar, julatnya adalah antara 19.03 peratus hingga 27.17 peratus. Sekolah luar bandar menunjukkan purata saiz kelas yang lebih kecil berbanding dengan sekolah di kawasan bandar. Negeri Sabah mencatatkan purata saiz kelas tertinggi bagi kawasan bandar dan luar bandar. Selain itu, negeri Selangor, Sarawak dan Johor turut mencatatkan purata saiz kelas yang tinggi disebabkan populasi penduduk yang ramai berbanding negeri lain. Bagi kawasan luar bandar pula, negeri Perlis mencatatkan purata saiz kelas terendah bagi kawasan bandar, manakala negeri Perak bagi kawasan luar bandar. Pulau Pinang dan Melaka turut mempunyai purata saiz kelas bagi sekolah luar bandar yang rendah disebabkan populasi penduduk adalah tinggi di kawasan bandar.

3.4.7 Kadar Keciciran Murid Sekolah Menengah

Isu kecaciran murid turut diberi perhatian pada peringkat menengah. Intervensi oleh pihak sekolah dijalankan kepada murid berisiko cecir agar mereka kekal bersekolah hingga tamat Tingkatan 5. Rajah 3.19 menunjukkan trend kadar kecaciran murid sekolah menengah dari tahun 2016 hingga tahun 2020.

Rajah 3.19
Kadar Keciciran Murid Sekolah Menengah



Berdasarkan Rajah 3.19, kadar keciciran murid sekolah menengah telah berkurangan daripada 1.50 peratus pada tahun 2016 kepada 1.13 peratus pada tahun 2020. Trend keciciran mencatatkan yang mencatatkan penurunan, antaranya disumbangkan oleh PSMC yang dijalankan telah menunjukkan impak positif dan bilangan murid cicir yang kembali bersekolah telah meningkat. Melalui program ini, seramai 287 orang murid cicir telah kembali ke sekolah pada tahun 2018 dan bilangan ini telah meningkat kepada 3,440 murid pada tahun 2020.


Selain itu, pelbagai langkah telah diambil bagi membendung isu keciciran termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyak program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, memperluas program bantuan seperti Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Selain itu, KPM juga mewujudkan Sekolah Model Khas dan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) yang mempunyai kemudahan asrama agar murid dari kawasan pedalaman dan luar bandar dapat kekal bersekolah.

3.5 ENROLMEN BUKAN WARGANEGARA DI SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH MENGIKUT NEGERI PADA TAHUN 2020

Peluang kepada akses pendidikan di Malaysia disediakan untuk kanak-kanak warganegara dan bukan warganegara. Permohonan untuk belajar di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan boleh dibuat oleh ibu bapa warganegara asing yang mempunyai pas pekerjaan atau pengajian bagi membolehkan anak mereka mendapat pendidikan di sekolah KPM. Hal ini adalah selaras dengan peraturan pendidikan, iaitu Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah 1998 yang telah dikuatkuasakan semenjak 23 Julai 1998. Selain itu, pendidikan bagi murid bukan warganegara turut tertakluk kepada Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 4/2000 Peraturan Kutipan Fee Sekolah Yang Dikenakan Kepada Murid Asing yang telah menetapkan kadar bayaran yuran tahunan. Rajah 3.20 menunjukkan trend enrolmen bukan warganegara di sekolah rendah dan menengah mengikut negeri pada tahun 2020.

Rajah 3.20

Enrolmen Bukan Warganegara di Sekolah Rendah dan Menengah Mengikut Negeri pada Tahun 2020



Berdasarkan Rajah 3.20, seramai 20,798 orang murid bukan warganegara bersekolah di sekolah rendah dan menengah seluruh negara pada tahun 2020. Negeri Sabah mencatatkan enrolmen bukan warganegara tertinggi bagi kedua-dua sekolah, iaitu 3,555 orang murid di sekolah rendah dan 1,312 orang murid di sekolah menengah. Selain Sabah, negeri Selangor dan Johor turut mencatatkan enrolmen bukan warganegara yang tinggi, iaitu masing-masing seramai 4,447 orang murid dan 3,105 orang murid bagi kedua-dua sekolah. Wilayah Persekutuan Putrajaya pula mencatatkan enrolmen bukan warganegara terendah bagi kedua-dua sekolah, iaitu 23 orang murid di sekolah rendah dan 8 orang murid di sekolah menengah.

3.6 PENUTUP

Kemajuan dan keberkesanan sistem pendidikan negara sering diukur melalui indikator berkaitan murid seperti yang telah dipaparkan menerusi bab ini. Akses kepada murid secara menyeluruh terhadap pendidikan yang berkualiti merupakan komitmen KPM demi memastikan modal insan yang menjadi aset negara pada masa hadapan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta nilai kemanusiaan yang tinggi.

JADUAL / DATA

Jadual 3.1

Bilangan dan Peratus Enrolmen Prasekolah Awam dan Prasekolah Swasta

Tahun	Prasekolah				Jumlah
	Awam		Swasta		
	Bil	%	Bil	%	
2011	463,397	65.63	242,649	34.37	706,046
2012	453,109	60.75	292,711	39.25	745,820
2013	477,946	59.81	321,099	40.19	799,045
2014	483,721	54.25	407,980	45.75	891,701
2015	486,954	52.12	447,264	47.88	934,218
2016	491,326	52.27	448,710	47.73	940,036
2017	496,793	50.26	491,609	49.74	988,402
2018	496,363	50.42	488,071	49.58	984,434
2019	496,372	50.07	495,045	49.93	991,417
2020	499,412	50.72	485,278	49.28	984,690

Nota : Data enrolmen prasekolah awam: KPM, KEMAS, JPNIN, JAKIM.

Data enrolmen prasekolah swasta: ABIM.

Data murid prasekolah berumur 3+ hingga 5+tahun.

Jadual 3.1.1

Kadar Penyertaan Peringkat Prasekolah

Tahun	Enrolmen Prasekolah	Penduduk Berumur 4+ hingga 5+ Tahun	Kadar Penyertaan Peringkat Prasekolah (%)
2011	706,046	948,908	74.41
2012	745,820	954,748	78.12
2013	799,045	959,394	83.29
2014	891,701	983,659	90.65
2015	934,218	987,552	94.60
2016	940,036	1,002,833	93.74
2017	988,402	1,037,606	95.26
2018	984,434	1,029,926	95.58
2019	991,417	1,024,743	96.75
2020	984,690	1,041,495	94.55

Nota : Data prasekolah KPM, JAKIM, ABIM, JPNIN, KEMAS, BP Swasta, PASTI.

Jadual 3.1.2
Purata Saiz Kelas Peringkat Prasekolah

Tahun	Enrolmen	Kelas	Purata Saiz Kelas
2011	178,622	7,639	23.38
2012	188,168	8,622	21.82
2013	192,172	8,834	21.75
2014	196,264	8,936	21.96
2015	198,574	9,087	21.85
2016	200,745	9,722	20.65
2017	204,105	9,300	21.95
2018	205,738	9,378	21.94
2019	207,234	9,478	21.86
2020	208,459	9,581	21.76

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 3.2
Enrolmen Peringkat Rendah Mengikut Sekolah

Tahun	Sekolah Rendah				
	SK	SJKC	SJKT	SABK	SPK
2011	2,316,977	607,853	106,466	5,896	1,770
2012	2,111,754	589,413	97,696	10,849	1,552
2013	2,069,109	564,510	92,934	14,936	1,500
2014	2,044,624	559,157	88,880	15,258	1,421
2015	2,033,478	548,079	85,371	15,780	1,284
2016	2,043,284	540,290	83,291	15,665	1,223
2017	2,053,455	525,603	81,701	16,648	1,222
2018	2,077,707	517,097	81,583	17,150	1,242
2019	2,107,950	521,083	81,420	17,546	1,260
2020	2,130,676	511,448	80,743	17,761	1,367

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 3.2.1*Kadar Ambilan Murid Tahun 1*

Tahun	Enrolmen Murid Tahun 1	Penduduk Berumur 6+ Tahun	Kadar Ambilan Murid Tahun 1
2011	459,099	477,768	96.09
2012	452,316	466,208	97.02
2013	456,285	465,112	98.10
2014	457,558	472,048	96.93
2015	465,867	487,346	95.59
2016	470,338	496,313	94.77
2017	462,973	491,239	94.25
2018	481,522	508,264	94.74
2019	493,563	521,796	94.59
2020	485,025	499,835	97.04

Nota : Data murid Tahun 1 KPM, JAKIM dan Swasta.

Jadual 3.2.2*Kadar Penyertaan Murid Peringkat Rendah*

Tahun	Enrolmen Peringkat Rendah	Penduduk Berumur 6+ sehingga 11+ Tahun	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Rendah
2011	2,904,478	3,029,413	95.88
2012	2,867,212	2,973,624	96.42
2013	2,814,205	2,892,189	97.30
2014	2,789,639	2,848,252	97.94
2015	2,770,340	2,851,561	97.15
2016	2,788,565	2,867,791	97.24
2017	2,795,519	2,855,585	97.90
2018	2,835,088	2,898,584	97.81
2019	2,912,744	2,968,001	98.14
2020	2,953,324	3,006,682	98.23

Jadual 3.2.3*Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Rendah*

Tahun	Enrolmen Tahun 1 (Kohort Tamat Tahun 6)	Enrolmen Tahun 6	Kadar Tamat Murid Tahun 6
2011	493,368	486,942	98.70
2012	511,440	506,629	99.06
2013	472,999	469,079	99.17
2014	466,768	462,921	99.18
2015	451,242	444,085	98.41
2016	449,610	442,295	98.37
2017	441,583	433,053	98.07
2018	439,421	429,172	97.67
2019	442,504	433,468	97.96
2020	449,790	442,768	98.44

Nota : Data enrolmen sekolah rendah KPM sahaja.

Jadual 3.2.4*Purata Saiz Kelas Peringkat Rendah*

Tahun	Enrolmen Peringkat Rendah	Kelas	Purata Saiz Kelas
2011	2,860,340	103,447	27.65
2012	2,811,264	103,142	27.26
2013	2,742,989	102,897	26.66
2014	2,709,340	103,859	26.09
2015	2,683,992	104,675	25.64
2016	2,683,753	104,522	25.68
2017	2,683,753	99,469	26.98
2018	2,694,779	105,271	25.60
2019	2,729,259	106,070	25.73
2020	2,741,995	106,398	25.77

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Nota : Data sekolah rendah KPM sahaja.

Jadual 3.2.5*Kadar Keciciran Murid Sekolah Rendah*

Tahun	Bilangan Murid Cicir Sekolah Rendah	Kadar Keciciran Murid Sekolah Rendah
2016	8,151	0.36
2017	6,702	0.29
2018	3,361	0.15
2019	2,810	0.12
2020	2,437	0.10

Jadual 3.3*Enrolmen Peringkat Menengah Mengikut Sekolah*

Tahun	Enrolmen							
	SMK	SBP	SMKA	SMT	SABK	SMPK	KV	KOLEJ TINGKATAN 6
2011	2,045,961	37,988	36,716	19,900	50,612	676	31,009	0
2012	2,029,537	40,513	37,513	10,858	53,387	671	40,514	0
2013	2,021,588	42,202	37,629	10,757	59,894	754	36,283	0
2014	1,972,975	42,969	38,095	5,222	62,837	803	37,005	0
2015	1,886,945	41,428	37,316	5,060	66,637	754	34,022	0
2016	1,865,575	39,558	37,048	4,909	67,230	874	33,836	0
2017	1,826,036	38,259	36,431	4,823	66,348	1,065	32,914	0
2018	1,768,719	40,324	36,380	4,828	65,882	1,150	30,284	39
2019	1,748,782	40,584	36,362	4,962	64,421	1,093	24,192	739
2020	1,747,165	40,730	36,577	5,082	64,021	1,124	25,719	67*

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Nota : *Tiada kemasukan murid Tingkatan 6 Rendah pada 30 Jun 2021 kerana pandemik Covid-19.

Jadual 3.3.1
Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah

Tahun	Enrolmen Peringkat Menengah	Penduduk Berumur 12+ hingga 16+ Tahun	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah
2011	2,413,044	2,686,744	89.81
2012	2,408,688	2,671,087	90.18
2013	2,423,729	2,681,335	90.39
2014	2,387,733	2,653,018	90.00
2015	2,292,864	2,596,540	88.30
2016	2,296,676	2,551,645	90.01
2017	2,264,961	2,486,380	91.09
2018	2,208,270	2,412,545	91.53
2019	2,200,738	2,378,625	92.52
2020	2,183,920	2,364,388	92.37

Jadual 3.3.1a
Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Rendah

Tahun	Enrolmen Peringkat Menengah Rendah	Penduduk Berumur 12+ hingga 14+ tahun	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Rendah
2011	1,503,866	1,609,795	93.42
2012	1,495,130	1,587,490	94.18
2013	1,493,270	1,596,518	93.53
2014	1,468,893	1,587,525	92.53
2015	1,432,528	1,549,565	92.45
2016	1,392,659	1,480,105	94.09
2017	1,379,597	1,442,739	95.62
2018	1,354,598	1,423,420	95.16
2019	1,354,615	1,414,210	95.79
2020	1,345,887	1,412,259	95.30

Jadual 3.3.1b*Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Atas*

Tahun	Enrolmen Peringkat Menengah Atas	Penduduk Berumur 15+ hingga 16+ Tahun	Kadar Penyertaan Murid Peringkat Menengah Atas
2011	906,031	1,076,949	84.13
2012	915,268	1,083,597	84.47
2013	919,345	1,084,817	84.75
2014	899,698	1,065,493	84.44
2015	860,264	1,046,975	82.17
2016	903,341	1,071,540	84.30
2017	885,364	1,043,641	84.83
2018	853,672	989,125	86.31
2019	847,170	964,415	87.84
2020	838,033	952,129	88.02

Jadual 3.3.2a*Kadar Transisi Murid Tahun Enam ke Tingkatan Satu*

Tahun	Enrolmen Tingkatan 1	Enrolmen Tahun 6 (Tahun Sebelum)	Kadar Transisi Murid
2011	440,733	457,595	96.32
2012	441,833	457,931	96.48
2013	489,628	504,024	97.14
2014	462,800	475,698	97.29
2015	453,221	474,610	95.49
2016	451,116	474,573	95.06
2017	451,378	462,843	97.52
2018	436,885	451,293	96.81
2019	442,955	450,057	98.42
2020	439,558	448,873	97.92

Jadual 3.3.2b*Kadar Transisi Murid Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat*

Tahun	Enrolmen Tingkatan 4	Enrolmen Tingkatan 3 (Tahun Sebelum)	Kadar Transisi Murid Tingkatan 3 ke Tingkatan 4
2011	426,918	444,620	96.02
2012	436,059	446,203	97.73
2013	431,774	445,882	96.84
2014	410,936	425,150	96.66
2015	434,715	466,074	93.27
2016	455,834	472,665	96.44
2017	438,386	451,389	97.12
2018	428,665	443,015	96.76
2019	421,191	431,981	97.50
2020	427,138	433,282	98.58

Jadual 3.3.3*Kadar Tamat Pendidikan Peringkat Menengah*

Tahun	Enrolmen Tingkatan 5	Enrolmen (Kohort Tingkatan 5) Semasa Tingkatan 1	Kadar Tamat Sekolah Tingkatan 5
2011	410,370	449,191	91.36
2012	414,138	462,191	89.60
2013	416,452	463,480	89.85
2014	414,314	463,087	89.47
2015	387,223	440,732	87.86
2016	390,091	441,833	88.29
2017	399,461	451,689	88.44
2018	375,128	423,579	88.56
2019	367,407	404,733	90.78
2020	416,548	462,722	90.02

Jadual 3.3.4
Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah

Tahun	Enrolmen Peringkat Menengah	Bilangan Kelas	Purata Saiz Kelas
2011	2,327,427	78,241	29.75
2012	2,326,498	78,416	29.67
2013	2,320,287	79,259	29.27
2014	2,257,712	80,173	28.16
2015	2,238,109	81,524	27.45
2016	2,175,967	82,270	26.45
2017	2,133,323	78,549	27.16
2018	2,075,618	82,426	25.18
2019	2,045,777	82,140	24.91
2020	1,988,781	79,432	25.04

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Nota : Data pada 30 Jun 2020.

Jadual 3.3.4a
Purata Saiz Kelas Peringkat Menengah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020

Negeri	Lokasi	
	Bandar	Luar Bandar
Johor	26.08	22.95
Kedah	24.51	23.38
Kelantan	21.62	21.31
Melaka	23.68	19.15
Negeri Sembilan	25.51	22.02
Pahang	22.45	19.24
Perak	22.10	19.03
Perlis	20.13	19.75
Pulau Pinang	24.72	19.14
Sabah	30.95	27.17
Sarawak	27.94	27.07
Selangor	29.50	22.10
Terengganu	22.32	19.90
WP Kuala Lumpur	23.22	-
WP Labuan	24.05	-
WP Putrajaya	25.74	-

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2020

Nota : Data pada 30 Jun 2020.

Jadual 3.3.5*Kadar Keciciran Murid Sekolah Menengah*

Tahun	Bilangan Murid Cicir Sekolah Menengah	Kadar Keciciran Murid Sekolah Menengah
2016	27,199	1.50
2017	24,402	1.36
2018	21,408	1.21
2019	19,655	1.14
2020	19,311	1.13

Jadual 3.3.6*Enrolmen Bukan Warganegara di Sekolah Rendah dan Menengah Mengikut Negeri pada Tahun 2020*

Negeri	Enrolmen Bukan Warganegara		
	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Jumlah
Johor	2,141	964	3,105
Kedah	491	223	714
Kelantan	457	147	604
Melaka	391	160	551
Negeri Sembilan	524	196	720
Pahang	486	187	673
Perak	782	338	1,120
Perlis	85	49	134
Pulau Pinang	651	216	867
Sabah	3,555	1,312	4,867
Sarawak	603	246	849
Selangor	3,161	1,286	4,447
Terengganu	149	56	205
WP Kuala Lumpur	1,180	448	1,628
WP Labuan	154	129	283
WP Putrajaya	23	8	31

Nota : Data pada 30 Jun 2020.

BAB 4

**PENYERTAAN
MURID PERINGKAT
LEPAS MENENGAH**



4.1 PENGENALAN


Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), pendidikan lepas menengah merujuk kepada pendidikan yang disediakan untuk seseorang yang sudah tamat mengikut pendidikan menengah tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi. Pendidikan pada peringkat ini menjadi prasyarat penting bagi melayakkan seseorang murid menyambung pengajian mereka pada peringkat tertiar, sama ada dalam program diploma atau ijazah sarjana muda yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Bab ini membincangkan mengenai indikator jumlah enrolmen lepas menengah, peratus enrolmen mengikut program dan jantina serta kadar penyertaan dan kadar transisi murid dari Tingkatan 5 ke program lepas menengah KPM.

4.2 ENROLMEN PERINGKAT LEPAS MENENGAH

Enrolmen peringkat lepas menengah terlibat dalam pengiraan indikator pendidikan kebangsaan dan indikator yang dikeluarkan oleh badan antarabangsa seperti UIS. Pemetaan *International Standard Classification of Education* (ISCED) oleh UIS bersama-sama dengan negara anggota mengkategorikan pendidikan lepas menengah dalam ISCED 3, bersama-sama dengan tahap pendidikan menengah yang lain. Peringkat lepas menengah memberi ruang persediaan kepada murid sebelum memasuki pasaran kerja dan pendidikan tertiar. Menyedari kepentingan kelangsungan pembelajaran untuk masa hadapan murid, maka KPM telah menyediakan pelbagai laluan dan program bagi menggalakkan mereka menyambung pengajian ke peringkat lepas menengah. Rajah 4.1 menunjukkan trend enrolmen peringkat lepas menengah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 4.1
Enrolmen Peringkat Lepas Menengah




Berdasarkan Rajah 4.1, trend enrolmen peringkat lepas menengah bagi tempoh 10 tahun didapati tidak konsisten. Jumlah enrolmen tertinggi dicatatkan pada tahun 2019, iaitu seramai 156,029 orang, manakala enrolmen terendah dicatatkan pada tahun 2014, iaitu seramai 126,310 orang. Walau bagaimanapun, pertambahan enrolmen sebanyak 18,522 orang pada tahun 2020 berbanding tahun 2011 menunjukkan bahawa program lepas menengah KPM semakin mendapat sambutan dan menjadi pilihan murid.

4.2.1 Enrolmen Peringkat Lepas Menengah Mengikut Jantina

Murid lelaki dan perempuan yang telah tamat persekolahan peringkat menengah atas dan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) layak ditawarkan untuk mengikuti pengajian pada peringkat lepas menengah. Rajah 4.2 menunjukkan trend peratus enrolmen pada peringkat tersebut mengikut jantina bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 4.2

Peratus Enrolmen Lepas Menengah Mengikut Jantina




Berdasarkan Rajah 4.2, didapati penglibatan murid perempuan pada peringkat lepas menengah adalah lebih ramai berbanding murid lelaki. Purata enrolmen sepanjang tempoh 10 tahun ialah 64.10 peratus bagi murid perempuan, manakala 35.90 peratus bagi murid lelaki. Walau bagaimanapun, trend menunjukkan berlaku peningkatan enrolmen bagi murid lelaki sebanyak 1.14 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2011, manakala enrolmen murid perempuan menurun sebanyak 3.86 peratus dalam tempoh yang sama.

4.2.2 Enrolmen Peringkat Lepas Menengah Mengikut Jenis Program

Laluan atau program yang disediakan oleh KPM agar murid dapat meneruskan pengajian pada peringkat lepas menengah adalah seperti Tingkatan Enam, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Prauniversiti, Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Matrikulasi KPM dan Pra-Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh Malaysia. Laluan akademik dan kemahiran tersebut membolehkan murid melanjutkan pengajian mereka ke peringkat tertuari dengan pengkhususan yang bersesuaian. Rajah 4.3 menunjukkan trend peratus enrolmen peringkat lepas menengah mengikut jenis program dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 4.3

Peratus Enrolmen Peringkat Lepas Menengah Mengikut Jenis Program




Dalam tempoh 10 tahun, purata enrolmen tertinggi bagi program lepas menengah adalah Tingkatan 6, iaitu 70.56 peratus, diikuti oleh program Matrikulasi KPM (16.71), program DVM (14.56), program Pra-ISMP (2.41) dan prauniversiti (0.13). Walau bagaimanapun, Tingkatan 6 dan Pra-ISMP mencatatkan penurunan peratus enrolmen pada tahun 2020 berbanding tahun 2011, iaitu masing-masing sebanyak 14.4 peratus dan 1.05 peratus. Program lepas menengah yang mencatatkan peningkatan peratus enrolmen pula ialah DVM, iaitu 14.20 peratus pada tahun 2020 berbanding 2.2 peratus pada tahun 2014, Matrikulasi KPM, iaitu 17.63 peratus pada tahun 2020 berbanding 16.47 peratus pada tahun 2011 dan prauniversiti, iaitu 0.15 peratus pada tahun 2020 berbanding 0.07 peratus pada tahun 2011. Program DVM mendapat sambutan yang baik dari awal pengenalannya pada tahun 2014 hingga tahun 2017. Selepas tahun 2017, peratus enrolmen tersebut mengalami pengurangan disebabkan pengambilan murid bagi kursus tertentu dihentikan bagi memberi laluan kepada proses akreditasi MQA.

4.3 KADAR PENYERTAAN PERINGKAT LEPAS MENENGAH

Kadar penyertaan murid peringkat lepas menengah merujuk kepada jumlah enrolmen peringkat tersebut berbanding populasi penduduk bagi kohort umur peringkat yang sama. Rajah 4.4 menunjukkan trend kadar penyertaan peringkat lepas menengah dari tahun 2011 hingga tahun 2020.


Rajah 4.4
Kadar Penyertaan Peringkat Lepas Menengah



Berdasarkan Rajah 4.4, terdapat peningkatan sebanyak 2.73 peratus dalam kadar penyertaan murid pada peringkat lepas menengah dalam tempoh 10 tahun. Walaupun dalam suasana pandemik Covid-19, tahun 2020 mencatatkan kadar penyertaan lepas menengah tertinggi, iaitu 15.11 peratus, manakala paling rendah pada tahun 2014, iaitu 11.66 peratus. Trend peningkatan peratus murid yang menyambung pengajian pada peringkat lepas menengah di sekolah KPM menunjukkan bahawa pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan 6 dan pelbagai program lepas menengah yang lain berjaya menarik penyertaan lebih ramai murid pada peringkat pendidikan ini.

4.4 KADAR TRANSISI MURID TINGKATAN LIMA KE PROGRAM LEPAS MENENGAH KPM


Kadar transisi murid Tingkatan 5 ke program lepas menengah KPM merujuk kepada bilangan murid yang menyambung pengajian di institut pendidikan KPM selepas tamat SPM berbanding enrolmen Tingkatan 5 tahun sebelumnya. Rajah 4.5 menunjukkan trend kadar transisi murid Tingkatan 5 ke program lepas menengah KPM bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 4.5*Kadar Transisi Murid Tingkatan Lima ke Program Lepas Menengah KPM*

Bagi tempoh 10 tahun, trend kadar transisi dari peringkat menengah ke peringkat lepas menengah berada dalam julat antara 30.33 peratus hingga 41.59 peratus. Tahun 2014 mencatatkan kadar transisi paling rendah, manakala tahun 2019 mencatatkan kadar transisi paling tinggi. Terdapat peningkatan sebanyak 8.66 peratus dalam kadar transisi murid ke peringkat lepas menengah pada tahun 2020 berbanding tahun 2011.

4.5 TINGKATAN ENAM

Tingkatan 6 merupakan salah satu daripada laluan yang disediakan oleh KPM bagi murid melanjutkan pendidikan ke peringkat lepas menengah. Murid Tingkatan 6 mengikuti pembelajaran secara modular dalam tiga semester bagi tempoh pengajian selama satu setengah tahun. Seperti yang dijelaskan pada perkara 4.2.2, Tingkatan 6 merekodkan jumlah enrolmen tertinggi bagi program lepas menengah KPM. Rajah 4.6 menunjukkan trend enrolmen Tingkatan 6 Rendah dan Tingkatan 6 Atas dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 4.6*Enrolmen Tingkatan 6 Rendah dan 6 Atas*


Secara umumnya, purata enrolmen Tingkatan 6 Rendah bagi tempoh 10 tahun ialah 54 ribu orang murid setahun dengan enrolmen terendah dicatatkan pada tahun 2015, iaitu 50,008 orang murid, manakala enrolmen terbesar dicatatkan pada tahun 2012, iaitu 63,828 orang murid. Walau bagaimanapun, jumlah murid Tingkatan 6 Rendah yang meneruskan pengajian mereka ke Tingkatan 6 Atas pada tahun berikutnya, iaitu murid yang kekal dalam program Tingkatan 6 menyusut pada kadar purata 15.78 peratus. Situasi ini antaranya, didorong oleh faktor murid mendapat tawaran ke program lepas menengah yang lain atau melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Bagi Tingkatan 6 Atas pula, purata enrolmen bagi tempoh 10 tahun adalah sekitar 46 ribu orang murid setahun, dengan enrolmen terendah dicatatkan pada tahun 2018, iaitu 41,357 orang murid, manakala enrolmen tertinggi dicatatkan pada tahun 2013, iaitu seramai 57,520 orang murid. Secara keseluruhannya, jumlah enrolmen Tingkatan 6 Rendah dan 6 Atas tertinggi dicatatkan pada tahun 2015, iaitu seramai 113,403 orang murid, manakala jumlah enrolmen terendah dicatatkan pada tahun 2012, iaitu 92,572 orang murid.

4.5.1 Enrolmen Tingkatan Enam Mengikut Jantina

Analisis peratus jumlah enrolmen Tingkatan 6 mengikut jantina bagi tahun 2011 hingga tahun 2020 dapat dilihat dengan lebih jelas melalui Rajah 4.7.

Rajah 4.7
Peratus Enrolmen Tingkatan Enam Mengikut Jantina




Bagi tempoh 10 tahun, program Tingkatan 6 didominasi oleh murid perempuan pada kadar purata enrolmen, iaitu 66.66 peratus atau dua pertiga daripada jumlah keseluruhan enrolmen Tingkatan 6 setiap tahun. Peratus enrolmen Tingkatan 6 tertinggi bagi murid perempuan dicatatkan pada tahun 2016, iaitu 68.24 peratus, manakala 35.70 bagi murid lelaki, iaitu pada tahun 2012. Selain itu, jurang enrolmen berdasarkan jantina didapati meningkat, iaitu daripada 28.84 peratus pada tahun 2011 kepada 35.46 peratus pada tahun 2020.

4.6 DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM)

Selain program pensijilan SVM, kolej vokasional turut menawarkan program diploma yang diakreditasi, iaitu DVM. Hal ini sejajar dengan pengumuman Menteri Pengajian Tinggi pada tahun 2020 berkaitan pertambahan akreditasi penuh daripada MQA dan *Malaysian Board of Technologists* (MBOT) bagi 293 kursus dalam program DVM. Program yang dijalankan dalam tempoh dua tahun ini merupakan salah satu daripada laluan lepas menengah yang disediakan oleh KPM untuk murid lepasan SPM melanjutkan pengajian mereka dalam bidang kemahiran. Kurikulum pengajiannya menggabungkan 70 peratus latihan kemahiran praktikal dan 30 peratus pendidikan akademik umum selain melibatkan komponen latihan industri selama enam bulan. Kohort pertama bagi ambilan program DVM adalah pada tahun 2014. Rajah 4.8 menunjukkan trend enrolmen program DVM dari tahun 2014 hingga tahun 2020.

Rajah 4.8
Enrolmen Program DVM Tahun 1 dan Tahun 2




Berdasarkan Rajah 4.8, terdapat peningkatan enrolmen program DVM Tahun 1 pada tahun 2020, iaitu 10,684 orang berbanding 2,809 orang menerusi ambilan pertama pada tahun 2014. Tahun 2016 mencatatkan enrolmen DVM Tahun 1 paling tinggi, iaitu sebanyak 15,217 orang dan paling rendah pada tahun 2014.

Bagi program DVM Tahun 2 pula, terdapat peningkatan enrolmen sebanyak 8,143 orang kepada 10,764 orang pada tahun 2020 berbanding tahun 2015. Tahun 2017 mencatatkan enrolmen DVM Tahun 2 yang tertinggi, iaitu, 14,358 orang dan terendah pada tahun 2015, iaitu 2,621 orang. Secara keseluruhannya, dalam tempoh 5 tahun belakangan, jumlah enrolmen program DVM Tahun 1 dan Tahun 2 didapati mengalami pengurangan daripada 29,351 orang pada tahun 2016 kepada 21,448 orang pada tahun 2020.

4.6.1 Enrolmen Program DVM Mengikut Jantina

Analisis peratus jumlah enrolmen program DVM mengikut jantina dapat dilihat dengan lebih jelas melalui Rajah 4.9 yang menunjukkan trend program tersebut dari tahun 2014 hingga tahun 2020.

Rajah 4.9
Peratus Enrolmen Program DVM Mengikut Jantina




Secara umumnya, trend menunjukkan bahawa murid lelaki mendominasi program DVM dengan purata hampir dua pertiga jumlah enrolmen setiap tahun. Walau bagaimanapun, program ini semakin mendapat sambutan dalam kalangan murid perempuan apabila mencatatkan peningkatan peratus enrolmen daripada 24.71 peratus pada tahun 2014 kepada 38.12 peratus pada tahun 2020. Penawaran kursus seperti Bakeri dan Pastri, Kesetiausahaan Pentadbiran, Kosmetologi, Pengajian Awal Kanak-kanak dan Pengurusan Perniagaan berjaya menarik penyertaan lebih ramai murid perempuan. Hal ini sekali gus dapat merapatkan lagi jurang enrolmen antara murid perempuan dan murid lelaki yang mendominasi program ini semenjak tahun 2014.



4.7 PROGRAM MATRIKULASI KPM

Program Matrikulasi KPM merupakan salah satu laluan pada peringkat lepas menengah bagi murid melanjutkan pendidikan ke peringkat pengajian tinggi. Rajah 4.10 menunjukkan trend enrolmen program Matrikulasi KPM dari tahun 2011 sehingga tahun 2020.


Rajah 4.10
Enrolmen Program Matrikulasi KPM



Berdasarkan Rajah 4.10, jumlah enrolmen program Matrikulasi KPM menunjukkan peningkatan dalam tempoh 10 tahun, iaitu daripada 21,825 orang pada tahun 2011 kepada 26,630 pada tahun 2020. Jumlah enrolmen tertinggi dicatatkan pada tahun 2013, iaitu seramai 27,488 orang, manakala paling rendah pada tahun 2015, iaitu 21,002 orang. Walau trend enrolmen program Matrikulasi KPM adalah tidak konsisten daripada tahun 2011 hingga tahun 2014, namun trend tersebut kembali menunjukkan peningkatan mulai tahun 2015 hingga tahun 2020.

4.7.1 Enrolmen Program Matrikulasi KPM Mengikut Jantina


Analisis peratus enrolmen murid lelaki dan perempuan bagi program Matrikulasi KPM dijelaskan menerusi Rajah 4.11 yang menunjukkan trend enrolmen bagi program tersebut mengikut jantina dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 4.11*Peratus Enrolmen Program Matrikulasi KPM Mengikut Jantina*

Secara umumnya, didapati bahawa trend peratus enrolmen bagi murid perempuan adalah melebihi dua pertiga daripada jumlah enrolmen program Matrikulasi KPM setiap tahun. Bagi murid perempuan, peratus enrolmen tertinggi dicatatkan pada tahun 2015, iaitu 72.58 peratus, manakala 32.20 peratus bagi murid lelaki pada tahun 2011. Bagi tempoh 10 tahun, didapati enrolmen murid perempuan meningkat 1.35 peratus kepada 69.15 peratus pada tahun 2020, sebaliknya murid lelaki mencatatkan penyusutan peratus enrolmen bagi tempoh tersebut.

4.8 PRAUNIVERSITI

Program prauniversiti merupakan program yang menawarkan pendidikan lepas menengah bagi murid melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar di dalam atau luar negara seperti program *International Baccalaureate* (IB) dan program prauniversiti di Sekolah Sukan Malaysia (SSM). Rajah 4.12 menunjukkan trend enrolmen program tersebut dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 4.12*Enrolmen Program Prauniversiti*


Berdasarkan Rajah 4.12, program prauniversiti menunjukkan trend enrolmen yang tidak konsisten bagi tempoh 10 tahun, iaitu dalam julat antara 89 hingga 250 orang murid. Walau bagaimanapun, berbanding tahun 2011, terdapat peningkatan enrolmen sebanyak 143 orang, menjadikan jumlah enrolmen pada tahun 2020 adalah seramai 232 orang murid. Jumlah enrolmen tertinggi bagi program prauniversiti dicatatkan pada tahun 2019, manakala paling rendah pada tahun 2011.

4.8.1 Enrolmen Program Prauniversiti Mengikut Jantina

Analisis peratus enrolmen murid lelaki dan perempuan bagi program prauniversiti dijelaskan menerusi Rajah 4.13 yang menunjukkan trend enrolmen bagi program tersebut mengikut jantina dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 4.13

Peratus Enrolmen Program Prauniversiti Mengikut Jantina




Berdasarkan Rajah 4.13, didapati pada tahun 2011 dan tahun 2012, perbezaan peratus enrolmen program prauniversiti adalah tidak begitu ketara antara murid lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2013, peratus enrolmen murid lelaki meningkat dengan ketara berbanding murid perempuan. Peratus enrolmen tertinggi bagi murid lelaki dicatatkan pada tahun 2013, iaitu 77.19 peratus, manakala 47.19 peratus bagi murid perempuan pada tahun 2011. Sepanjang tempoh 10 tahun, enrolmen murid lelaki meningkat 11.41 peratus kepada 64.22 peratus pada tahun 2020, sebaliknya murid perempuan mencatatkan penyusutan peratus enrolmen bagi tempoh tersebut.

4.9 PROGRAM PRA-IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (ISMP) IPG

Program Pra-ISMP di IPG melatih calon guru yang bakal berkhidmat sebagai guru prasekolah dan sekolah rendah di sekolah KPM. Rajah 4.14 menunjukkan trend enrolmen program Pra-ISMP IPG dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 4.14
Enrolmen Program Pra-ISMP IPG




Berdasarkan Rajah 4.14, program Pra-ISMP menunjukkan trend enrolmen yang tidak konsisten bagi tempoh 10 tahun, iaitu dalam julat antara 1,181 orang hingga 6,146 orang murid. Jumlah enrolmen tertinggi bagi program ini dicatatkan pada tahun 2011, manakala terendah pada tahun 2013. Selain itu, berlaku penurunan enrolmen sebanyak 723 orang, menjadikan jumlah enrolmen 5,423 orang murid pada tahun 2020 berbanding tahun 2011.

4.9.1 Enrolmen Program Pra-ISMP IPG Mengikut Jantina

Analisis peratus enrolmen murid lelaki dan perempuan bagi program Pra-ISMP dijelaskan menerusi Rajah 4.15 yang menunjukkan trend enrolmen bagi program tersebut mengikut jantina dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 4.15
Peratus Enrolmen Program Pra-ISMP IPG Mengikut Jantina



Berdasarkan Rajah 4.15, enrolmen murid perempuan adalah lebih tinggi daripada murid lelaki sebanyak hampir dua pertiga atau lebih daripada jumlah enrolmen program Pra-ISMP sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2020. Peratus enrolmen tertinggi bagi murid perempuan dicatatkan pada tahun 2015, iaitu 79.20 peratus, manakala 35.00 peratus bagi murid lelaki pada tahun 2011. Bagi tempoh 10 tahun, enrolmen murid perempuan meningkat 6.49 peratus kepada 71.49 peratus pada tahun 2020, sebaliknya murid lelaki mencatatkan penyusutan peratus enrolmen bagi tempoh tersebut.

4.10 PENUTUP

Kesimpulannya, enrolmen program lepas menengah KPM menunjukkan kecenderungan penyertaan yang berbeza dalam kalangan murid lelaki dan perempuan. Enrolmen murid lelaki lebih tinggi daripada murid perempuan bagi program DVM dan prauniversiti, manakala murid perempuan lebih ramai menyertai Tingkatan 6, Matrikulasi KPM dan program Pra-ISMP. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar penyertaan murid dari peringkat menengah ke program lepas menengah pada setiap tahun menunjukkan komitmen KPM untuk memastikan semua murid di Malaysia mendapat akses kepada pendidikan hingga ke peringkat tertinggi. Program lepas menengah KPM juga sentiasa ditambah baik agar kekal relevan, berkualiti serta sesuai dengan peredaran masa dan keperluan pasaran kerja masa hadapan.



JADUAL / DATA

Jadual 4.1
Bilangan dan Peratus Enrolmen Peringkat Lepas Menengah

Tahun	Enrolmen Lepas Menengah				Jumlah
	L		P		
	Bil	%	Bil	%	
2011	46,393	35.00	86,143	65.00	132,536
2012	48,655	34.80	91,144	65.20	139,799
2013	46,748	33.43	93,101	66.57	139,849
2014	42,913	33.97	83,397	66.03	126,310
2015	47,138	35.31	86,354	64.69	133,492
2016	56,515	37.80	93,012	62.20	149,527
2017	57,759	37.71	95,410	62.29	153,169
2018	57,712	37.97	94,293	62.03	152,005
2019	57,509	36.86	98,520	63.14	156,029
2020	54,593	36.14	96,465	63.86	151,058

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 4.1.1
Bilangan dan Peratus Enrolmen Peringkat Lepas Menengah Mengikut Jenis Program

Tahun	Enrolmen Lepas Menengah														Jumlah
	Tingkatan 6				Prauniversiti		DVM				Matrikulasi KPM		Pra-ISMP		
	6 Rendah	6 Atas	Jumlah	%	Bil	%	DVM Tahun 1	DVM Tahun 2	Jumlah	%	Bil	%	Bil	%	
2011	56,190	48,286	104,476	78.83	89	0.07	-	-	-	-	21,825	16.47	6,146	4.64	132,536
2012	63,828	49,575	113,403	81.12	102	0.07	-	-	-	-	21,290	15.23	5,004	3.58	139,799
2013	53,432	57,520	110,952	79.34	228	0.16	-	-	-	-	27,488	19.66	1,181	0.84	139,849
2014	50,236	44,548	94,784	75.04	213	0.17	2,809	-	2,809	2.22	26,262	20.79	2,242	1.77	126,310
2015	50,008	42,564	92,572	69.35	185	0.14	14,300	2,621	16,921	12.68	21,002	15.73	2,812	2.11	133,492
2016	52,461	45,021	97,482	65.19	104	0.07	15,217	14,134	29,351	19.63	21,017	14.06	1,573	1.05	149,527
2017	53,919	44,154	98,073	64.03	209	0.14	14,807	14,358	29,165	19.04	23,396	15.27	2,326	1.52	153,169
2018	56,785	41,357	98,142	64.56	233	0.15	13,581	13,989	27,570	18.14	23,866	15.70	2,194	1.44	152,005
2019	54,551	44,861	99,412	63.71	250	0.16	12,355	12,625	24,980	16.01	25,919	16.61	5,468	3.50	156,029
2020	52,803	44,522	97,325	64.43	232	0.15	10,684	10,764	21,448	14.20	26,630	17.63	5,423	3.59	151,058

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 4.2
Kadar Penyertaan Peringkat Lepas Menengah

Tahun	Enrolmen Peringkat Lepas Menengah	Penduduk Berumur 17+ dan 18+ Tahun	Kadar Penyertaan Peringkat Lepas Menengah (%)
2011	132,536	1,070,362	12.38
2012	139,799	1,079,541	12.95
2013	139,849	1,076,949	12.99
2014	126,310	1,083,597	11.66
2015	133,492	1,084,817	12.31
2016	149,527	1,065,493	14.03
2017	153,169	1,046,975	14.63
2018	152,005	1,071,540	14.19
2019	156,029	1,065,528	14.64
2020	151,058	1,000,022	15.11

Jadual 4.3
Kadar Transisi Murid Tingkatan Lima ke Program Lepas Menengah KPM

Tahun	Enrolmen Lepas Menengah	Enrolmen Tingkatan 5 (Tahun Sebelum)	Kadar Transisi Murid (%)
2011	132,536	408,394	32.45
2012	139,799	410,370	34.07
2013	139,849	414,138	33.77
2014	126,310	416,452	30.33
2015	133,492	414,314	32.22
2016	149,527	387,223	38.62
2017	153,169	390,091	39.26
2018	152,005	399,461	38.05
2019	156,029	375,128	41.59
2020	151,058	367,407	41.11

Jadual 4.4
Bilangan dan Peratus Enrolmen Tingkatan Enam

Tahun	Enrolmen Tingkatan Enam													
	Tingkatan 6 Rendah					Tingkatan 6 Atas					Jumlah			
	L		P		J	L		P		J	L		P	
	Bil	%	Bil	%		Bil	%	Bil	%		Bil	%	Bil	%
2011	20,006	35.60	36,184	64.40	56,190	17,162	35.54	31,124	64.46	48,286	37,168	35.58	67,308	64.42
2012	22,943	35.95	40,885	64.05	63,828	17,537	35.37	32,038	64.63	49,575	40,480	35.70	72,923	64.30
2013	18,583	34.78	34,849	65.22	53,432	19,553	33.99	37,967	66.01	57,520	38,136	34.37	72,816	65.63
2014	17,199	34.24	33,037	65.76	50,236	15,235	34.20	29,313	65.80	44,548	32,434	34.22	62,350	65.78
2015	16,032	32.06	33,976	67.94	50,008	13,553	31.84	29,011	68.16	42,564	29,585	31.96	62,987	68.04
2016	16,873	32.16	35,588	67.84	52,461	14,085	31.29	30,936	68.71	45,021	30,958	31.76	66,524	68.24
2017	17,907	33.21	36,012	66.79	53,919	13,738	31.11	30,416	68.89	44,154	31,645	32.27	66,428	67.73
2018	18,609	32.77	38,176	67.23	56,785	13,746	33.24	27,611	66.76	41,357	32,355	32.97	65,787	67.03
2019	18,173	33.31	36,378	66.69	54,551	13,864	30.90	30,997	69.10	44,861	32,037	32.23	67,375	67.77
2020	17,224	32.62	35,579	67.38	52,803	14,186	31.86	30,336	68.14	44,522	31,410	32.27	65,915	67.73

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 4.5
Bilangan dan Peratus Enrolmen Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM)

Tahun	Enrolmen Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM)													
	DVM Tahun 1					DVM Tahun 2					Jumlah			
	L		P		J	L		P		J	L		P	
	Bil	%	Bil	%		Bil	%	Bil	%		Bil	%	Bil	%
2014	2,115	75.29	694	24.71	2,809	-	-	-	-	-	2,115	75.29	694	24.71
2015	9,158	64.04	5,142	35.96	14,300	1,938	73.94	683	26.06	2,621	11,096	65.58	5,825	34.42
2016	9,754	64.10	5,463	35.90	15,217	8,988	63.59	5,146	36.41	14,134	18,742	63.85	10,609	36.15
2017	9,015	60.88	5,792	39.12	14,807	9,114	63.48	5,244	36.52	14,358	18,129	62.16	11,036	37.84
2018	8,626	63.52	4,955	36.48	13,581	8,412	60.13	5,577	39.87	13,989	17,038	61.80	10,532	38.20
2019	7,965	64.47	4,390	35.53	12,355	7,937	62.87	4,688	37.13	12,625	15,902	63.66	9,078	36.34
2020	6,617	61.93	4,067	38.07	10,684	6,655	61.83	4,109	38.17	10,764	13,272	61.88	8,176	38.12

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Nota : DVM mula diperkenalkan pada tahun 2014.

Jadual 4.6
Bilangan dan Peratus Enrolmen Program Matrikulasi KPM

Tahun	Enrolmen Program Matrikulasi KPM				
	L		P		Jumlah
	Bil	%	Bil	%	
2011	7,027	32.20	14,798	67.80	21,825
2012	6,793	31.91	14,497	68.09	21,290
2013	8,025	29.19	19,463	70.81	27,488
2014	7,560	28.79	18,702	71.21	26,262
2015	5,759	27.42	15,243	72.58	21,002
2016	6,238	29.68	14,779	70.32	21,017
2017	7,310	31.24	16,086	68.76	23,396
2018	7,480	31.34	16,386	68.66	23,866
2019	7,883	30.41	18,036	69.59	25,919
2020	8,216	30.85	18,414	69.15	26,630

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 4.7
Bilangan dan Peratus Enrolmen Prauniversiti

Tahun	Enrolmen Prauniversiti				
	L		P		Jumlah
	Bil	%	Bil	%	
2011	47	52.81	42	47.19	89
2012	56	54.90	46	45.10	102
2013	176	77.19	52	22.81	228
2014	150	70.42	63	29.58	213
2015	113	61.08	72	38.92	185
2016	72	69.23	32	30.77	104
2017	133	63.64	76	36.36	209
2018	156	66.95	77	33.05	233
2019	150	60.00	100	40.00	250
2020	149	64.22	83	35.78	232

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 4.8*Bilangan dan Peratus Enrolmen Program Pra-ISMP di Institut Pendidikan Guru (IPG)*

Tahun	Enrolmen Program Pra-ISMP IPG				
	L		P		Jumlah
	Bil	%	Bil	%	
2011	2,151	35.00	3,995	65.00	6,146
2012	1,326	26.50	3,678	73.50	5,004
2013	411	34.80	770	65.20	1,181
2014	654	29.17	1,588	70.83	2,242
2015	585	20.80	2,227	79.20	2,812
2016	505	32.10	1,068	67.90	1,573
2017	542	23.30	1,784	76.70	2,326
2018	683	31.13	1,511	68.87	2,194
2019	1,537	28.11	3,931	71.89	5,468
2020	1,546	28.51	3,877	71.49	5,423

Sumber : Institut Pendidikan Guru Malaysia

Nota : Data pada 31 Disember 2020.

BAB 5

GURU



5.1 PENGENALAN

KPM amat komited dalam usaha meningkatkan kualiti guru bagi memastikan sistem pendidikan negara setanding dengan negara maju. Anjakan ke-4 PPPM 2013-2025 diperkenalkan bertujuan untuk mentransformasikan profesion keguruan agar menjadi profesion pilihan melalui pelaksanaan pelbagai strategi dan pendekatan bagi meningkatkan kompetensi, serta nilai profesionalisme dalam kalangan guru. Usaha untuk melahirkan golongan pendidik yang dapat mendokong aspirasi KPM bermula dari proses pemilihan calon guru berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan, diikuti dengan latihan keguruan yang berkesan sehingga guru-guru ini memasuki perkhidmatan awam dan berkhidmat pada pelbagai peringkat institusi pendidikan di bawah KPM.


Bab ini dimulakan dengan indikator mengenai guru praperkhidmatan yang menjalani latihan di IPG seperti enrolmen dan peratus mengikut jantina. Seterusnya fokus utama bab ini adalah analisis berkaitan indikator mengenai guru dalam perkhidmatan di sekolah KPM dari peringkat prasekolah hingga menengah yang meliputi pertumbuhan bilangan guru, taburan guru mengikut kumpulan umur, jantina dan tahap latihan serta nisbah murid kepada guru.

5.2 INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)

Salah satu usaha bagi mengangkat martabat profesion keguruan adalah dengan menetapkan kelayakan calon guru untuk memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda. Bagi memenuhi hasrat tersebut, IPG sebagai institusi pendidikan yang menyediakan latihan untuk guru praperkhidmatan menawarkan Program ISMP bagi lepasan SPM mulai tahun 2007. Kohort pertama program ini telah menamatkan pengajian mereka pada tahun 2011. Calon guru mengikuti Program ISMP selama lima tahun setengah termasuk program asasi selama satu tahun setengah. Rajah 5.1 menunjukkan trend enrolmen Program ISMP daripada tahun 2011 hingga tahun 2020.




Rajah 5.1
Enrolmen Program ISMP IPG



Berdasarkan Rajah 5.1, pengambilan calon guru pelatih dalam Program ISMP menunjukkan bilangan kemasukan pelajar yang tinggi pada tahun 2011, iaitu sebanyak 29,649 orang. Jumlah enrolmen yang tinggi di IPG ini konsisten sehingga tahun 2015. Walau bagaimanapun, selepas tahun 2015, didapati enrolmen Program ISMP menurun dengan ketara. Penurunan ini terus berlaku bagi tempoh 4 tahun berikutnya, namun pada tahun 2020, terdapat sedikit peningkatan pengambilan pelajar, iaitu 15,287 orang bagi program tersebut. Perbezaan enrolmen tahun 2020 berbanding tahun 2011 adalah sebanyak 14,362. Situasi ini berlaku disebabkan pada tahun 2016, IPGM telah memperkenalkan Pelan Hala Tuju Transformasi IPG 2016-2025 yang bermatlamat untuk meningkatkan standard pendidikan di Malaysia melalui pembangunan pendidikan guru. Antara inisiatif yang terkandung dalam pelan tersebut ialah pelaksanaan proses pengorganisasian semula kampus IPG dan pementapan proses tapisan kemasukan pelajar. Rajah 5.2 menunjukkan trend peratus enrolmen Program ISMP mengikut jantina bagi tempoh 10 tahun.



Rajah 5.2
Peratus Enrolmen Program ISMP IPG Mengikut Jantina




Berdasarkan Rajah 5.2, didapati bahawa sepanjang tempoh 10 tahun, peratus enrolmen pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki bagi Program ISMP. Situasi ini didorong oleh faktor permohonan daripada calon perempuan yang sentiasa melebihi calon lelaki.

5.3 GURU PRASEKOLAH, SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH


Guru yang berkualiti mempunyai sikap penyayang dan sabar terhadap murid, sahsiah terpuji sebagai suri teladan, memiliki pengetahuan isi kandungan mata pelajaran yang mendalam dan kreatif dalam pelaksanaan pengajaran yang menarik dan berkesan. Sehubungan dengan itu, KPM sentiasa memastikan bilangan guru bagi setiap peringkat pendidikan daripada prasekolah sehingga menengah adalah mencukupi. Kekurangan guru dalam sistem pendidikan negara akan menjejaskan kualiti dan akses murid kepada PdP yang berkesan di dalam bilik darjah. Rajah 5.3 menunjukkan trend bilangan guru prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah KPM bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 5.3
Bilangan Guru Prasekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah



Berdasarkan Rajah 5.3, bilangan guru prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah adalah konsisten sepanjang tempoh 10 tahun. Sekolah rendah mempunyai bilangan guru paling ramai, diikuti dengan guru sekolah menengah dan guru prasekolah. Hal ini adalah selari dengan trend bilangan sekolah rendah dan menengah. Bilangan guru yang mencukupi amat penting bagi memastikan sistem pendidikan negara berjalan lancar dan semua murid mendapat akses kepada PdP yang berkualiti di sekolah. Seterusnya, Rajah 5.4 menunjukkan trend peratus guru prasekolah, sekolah rendah dan menengah mengikut jantina bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 5.4
Peratus Guru Prasekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Mengikut Jantina



Berdasarkan Rajah 5.4, dalam tempoh antara tahun 2011 hingga 2020, peratus guru perempuan adalah lebih tinggi daripada guru lelaki bagi semua peringkat pendidikan. Bagi peringkat prasekolah, peratusan guru perempuan telah meningkat sebanyak 0.28 peratus dalam tempoh 10 tahun. Guru perempuan sekolah rendah pula menunjukkan peningkatan sebanyak 0.77 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2011. Bagi sekolah menengah, peratus guru perempuan turut menunjukkan peningkatan iaitu 2.41 peratus dalam tempoh tersebut. Secara keseluruhannya, profesion keguruan didominasi dan cenderung menjadi pilihan golongan wanita.


5.4 PERTUMBUHAN BILANGAN GURU

Pertumbuhan bilangan guru bagi tahun 2011 hingga 2020 merujuk kepada pertambahan guru setiap tahun berbanding tahun asas, iaitu 2010. Bilangan guru yang mencukupi amat penting sebagai indikator ke arah pencapaian matlamat pendidikan negara, iaitu melahirkan generasi serta rakyat yang berilmu pengetahuan.

5.4.1 Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Prasekolah Berbanding Tahun 2010

Pendidikan prasekolah merupakan permulaan dalam proses pendidikan formal bagi seseorang murid. Rajah 5.5 menunjukkan trend pertumbuhan bilangan guru dan enrolmen peringkat prasekolah dalam tempoh 10 tahun.

Rajah 5.5
Peratus Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Prasekolah Berbanding Tahun 2010




Secara umumnya, Rajah 5.5 menunjukkan pertumbuhan bilangan guru yang lebih tinggi berbanding enrolmen prasekolah bermula dari tahun 2013 dan seterusnya. Walaupun pertumbuhan guru menunjukkan trend yang tidak konsisten dalam tempoh 10 tahun, namun pertumbuhan positif masih dapat diperhatikan melalui lonjakan sebanyak 24.09 peratus dari tahun 2011 kepada tahun 2020. Bagi pertumbuhan enrolmen murid pula, trend peningkatan yang konsisten dapat diperhatikan dalam tempoh sedekad. Pertumbuhan tersebut meningkat pada kadar 1.0 hingga 2.0 peratus setahun kecuali peningkatan ketara yang ditunjukkan dari tahun 2011 kepada 2012 iaitu sebanyak 5.83 peratus. Hal ini sejajar dengan inisiatif peluasan pendidikan prasekolah yang menyaksikan pertambahan pembukaan kelas prasekolah di sekolah rendah KPM di seluruh negara sekali gus meningkatkan pertumbuhan enrolmen bagi peringkat umur tersebut setiap tahun. Kesimpulannya, trend pertumbuhan guru dan enrolmen yang selari pada peringkat prasekolah membolehkan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti.

5.4.2 Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Sekolah Rendah Berbanding Tahun 2010

Aspirasi sistem pendidikan adalah untuk memastikan semua kanak-kanak di Malaysia mendapat akses dan peluang kepada pendidikan. Demi memastikan kualiti pendidikan di Malaysia sentiasa pada tahap terbaik, KPM memberikan tumpuan terhadap usaha memastikan proses PdP di sekolah sentiasa lancar dan berkesan. Pendidikan peringkat rendah merupakan fasa yang wajib dilalui oleh semua murid dalam sistem pendidikan formal negara. Justeru, pertumbuhan bilangan guru pada peringkat ini perlu dipantau dengan lebih teliti. Rajah 5.6 menunjukkan trend pertumbuhan bilangan guru dan enrolmen peringkat pendidikan rendah bagi tempoh 10 tahun.



Rajah 5.6*Peratus Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Sekolah Rendah Berbanding Tahun 2010*

Berdasarkan Rajah 5.6, walaupun peratus enrolmen murid sekolah rendah menunjukkan pengurangan kecil dari tahun 2012 sehingga 2017, namun peratus pertumbuhan bilangan guru tetap konsisten sepanjang tempoh tersebut. Peratus pertumbuhan bilangan guru juga menunjukkan pertumbuhan tertinggi pada tahun 2015, iaitu sebanyak 104.4 peratus berbanding peratus pertumbuhan enrolmen murid pada tahun tersebut, iaitu hanya pada kadar 92.58 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa KPM sentiasa komited dalam memastikan bekalan guru yang mencukupi agar dapat berperanan sebagai fasilitator dalam PdP yang berpusatkan murid. Selain itu, bimbingan dan perhatian terhadap pembelajaran murid dapat dijalankan secara lebih berfokus.


Pertumbuhan bilangan guru sekolah rendah yang tinggi juga adalah bagi memenuhi Dasar Pendidikan Wajib yang mewajibkan kanak-kanak mendaftar sebagai murid Tahun 1 dan seterusnya kekal dalam sistem persekolahan sehingga tamat Tahun 6. Dalam konteks pertumbuhan enrolmen murid pula, pengurangan yang berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya kadar kelahiran penduduk bagi kohort umur murid tersebut yang rendah dan kewujudan pelbagai institusi pendidikan di luar KPM yang turut menyediakan peluang pendidikan pada peringkat rendah. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan kecekapan sistem pendidikan pada masa akan datang khususnya dalam aspek perbelanjaan pendidikan, pertumbuhan bilangan guru KPM haruslah diselarikan dengan pertumbuhan enrolmen murid.

5.4.3 Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Sekolah Menengah Berbanding Tahun 2010

KPM berusaha untuk memastikan bekalan guru di sekolah sentiasa mencukupi bagi menjamin pendidikan yang berkualiti dan memastikan semua murid mendapat akses kepada PdP yang berkesan. Rajah 5.7 menunjukkan trend pertumbuhan bilangan guru dan enrolmen peringkat pendidikan menengah bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 5.7

Peratus Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Sekolah Menengah Berbanding Tahun 2010




Berdasarkan Rajah 5.7, didapati senario pertumbuhan bilangan guru dan enrolmen di sekolah rendah turut berlaku di sekolah menengah, iaitu peratus pertumbuhan enrolmen murid sekolah menengah menunjukkan penurunan dari tahun 2011 sehingga 2020, manakala peratus pertumbuhan bilangan guru konsisten sepanjang tempoh tersebut. KPM sentiasa konsisten dalam usaha untuk memastikan bekalan guru sekolah menengah adalah mencukupi pada setiap tahun bagi memenuhi keperluan murid pelbagai aliran terutama pada peringkat menengah atas. Dalam konteks murid pula, seperti yang telah dijelaskan pada perkara 5.4.2, pengurangan pertumbuhan enrolmen adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya kadar kelahiran penduduk bagi kohort umur murid tersebut yang rendah dan kewujudan pelbagai institusi pendidikan di luar KPM yang turut menyediakan pendidikan pada peringkat menengah.

5.5 GURU MENGIKUT KUMPULAN UMUR PADA TAHUN 2020

Secara umumnya, julat umur guru yang berkhidmat di institusi pendidikan KPM adalah bermula dari seawal usia 20-an hingga 60-an. Rajah 5.8 menunjukkan peratus guru mengikut kumpulan umur pada tahun 2020.

Rajah 5.8
Peratus Guru Mengikut Kumpulan Umur pada Tahun 2020




Berdasarkan Rajah 5.8, kumpulan umur guru dengan peratus tertinggi adalah antara 35 hingga 39 tahun, iaitu sebanyak 20.40 peratus, manakala kumpulan umur dengan peratus terendah adalah di bawah umur 25 tahun, iaitu 0.45 peratus. Analisis menunjukkan 40.08 peratus daripada jumlah guru merupakan kumpulan guru muda yang berumur kurang 40 tahun. Peratusan yang tinggi bagi kumpulan ini sangat penting sebagai penggerak dan pemacu keberhasilan PPPM 2013-2025 dalam usaha menyumbang idea, kreativiti, inovasi dan bakat selari dengan arus pemodenan negara. Bagi guru yang berusia 40 tahun dan ke atas, KPM sentiasa memastikan guru tersebut mengikuti kursus Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) agar mereka sentiasa dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran pedagogi serta kepimpinan yang terkini agar dapat meningkatkan kualiti profesion keguruan.

5.5.1 Guru Sekolah Rendah Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur pada Tahun 2020

Bagi menganalisis julat umur guru sekolah rendah dengan lebih terperinci, Rajah 5.9 memaparkan peratus guru sekolah rendah mengikut jantina dan kumpulan umur pada tahun 2020.

Rajah 5.9

Peratus Guru Sekolah Rendah Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur pada Tahun 2020




Secara keseluruhan, Rajah 5.9 menunjukkan peratus guru perempuan di sekolah rendah lebih tinggi daripada guru lelaki, iaitu sebanyak 70.52 peratus berbanding 29.48 peratus. Walau bagaimanapun, pola taburan guru lelaki dan perempuan mengikut kumpulan umur adalah hampir sama pada tahun 2020, iaitu kumpulan umur 40 hingga 44 tahun adalah yang paling tinggi, manakala kumpulan umur 60 tahun ke atas adalah yang paling rendah bagi kedua-dua jantina. Bagi guru perempuan, selain kumpulan umur 40 hingga 44 tahun, bilangan guru ini juga tinggi dalam kumpulan umur 35 hingga 39 tahun dan 45 hingga 49 tahun. Guru lelaki pula paling sedikit dalam kumpulan umur 60 tahun ke atas, diikuti oleh kumpulan umur kurang 25 tahun dan 25 hingga 29 tahun. Terdapat guru berumur lebih 60 tahun masih berkhidmat di SABK dan SPK.

5.5.2 Guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur pada Tahun 2020

Profil guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah juga dapat dianalisis mengikut julat umur, bermula dari 25 tahun ke bawah hingga 60 tahun ke atas. Rajah 5.10 menunjukkan peratus guru sekolah menengah mengikut jantina dan kumpulan umur pada tahun 2020.

Rajah 5.10
Peratus Guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur pada Tahun 2020



Berdasarkan Rajah 5.10, didapati peratus guru perempuan di sekolah menengah lebih tinggi daripada guru lelaki, iaitu sebanyak 71.04 peratus berbanding 28.96 peratus. Selain itu, pola taburan guru lelaki dan perempuan mengikut kumpulan umur adalah sedikit berbeza berdasarkan peratus guru lelaki yang lebih besar dalam julat umur 45 tahun dan ke atas berbanding peratus guru perempuan yang tinggi bagi kumpulan umur 45 tahun ke bawah. Kumpulan umur guru lelaki dengan peratus paling tinggi adalah pada julat umur 50 hingga 54 tahun, iaitu 5.68 peratus, manakala guru perempuan adalah pada julat umur 35 hingga 39 tahun, iaitu 15.77 peratus. Kumpulan guru berumur kurang 25 tahun mencatatkan peratus paling rendah, iaitu 0.01 peratus bagi kedua-dua jantina. Keseluruhannya, guru sekolah menengah paling ramai dalam kumpulan umur antara 35 hingga 39 tahun, iaitu sebanyak 20.30 peratus.

5.6 GURU MENGIKUT JANTINA DAN TAHAP LATIHAN


KPM sentiasa memberi tumpuan terhadap aspek transformasi dan pematapan profesion keguruan agar menjadi profesion pilihan. Hal ini juga bagi menghasilkan guru yang bukan sahaja kompeten dari sudut pengetahuan isi kandungan, malah dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran pedagogi serta nilai-nilai profesionalisme. Selain dari Program ISMP yang ditawarkan bagi calon guru di IPG, KPM turut memberikan insentif kepada guru dalam perkhidmatan yang belum memiliki ijazah untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat tersebut. Inisiatif ini diperkenalkan dalam usaha untuk meletakkan profesion keguruan pada standard yang lebih tinggi.

Selain itu, dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0 dan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) telah dirangka khusus bagi meningkatkan kompetensi guru praperkhidmatan dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) keseluruhannya. Kedua-dua kerangka ini menekankan aspek pembangunan kompetensi yang perlu dicapai ke arah melahirkan guru berjiwa pendidik serta berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan. Kelayakan akademik dan ikhtisas seseorang guru juga perlu ditingkatkan agar sistem pendidikan Malaysia setanding dengan peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih terdapat guru bukan siswazah dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang tidak menerima sebarang latihan keguruan turut berkhidmat di sekolah.

5.6.1 Guru Prasekolah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan


Bilangan guru prasekolah adalah bergantung kepada bilangan kelas prasekolah dengan peruntukan seorang guru bagi sebuah kelas. Guru prasekolah bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan aktiviti PdP berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Selain itu, mereka juga terlibat dalam pengurusan pentadbiran kelas prasekolah, hal ehwal murid dan pengurusan penyediaan makanan untuk murid prasekolah seperti yang termaktub dalam Garis Panduan Pengurusan Prasekolah KPM (Cetakan 2018). Rajah 5.11 menunjukkan trend bilangan guru prasekolah mengikut tahap latihan bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 5.11
Bilangan Guru Prasekolah Mengikut Tahap Latihan



Berdasarkan Rajah 5.11, terdapat peningkatan bilangan guru siswazah prasekolah sebanyak tiga kali ganda sepanjang tempoh 10 tahun, iaitu daripada 2,676 orang pada tahun 2011 kepada 8,265 orang pada tahun 2020. Bilangan guru bukan siswazah pula berkurangan dengan ketara, iaitu lebih lima kali ganda menjadikan jumlah hanya 945 orang pada tahun 2020 berbanding 4,841 pada 10 tahun sebelumnya. Bagi tempoh tersebut juga, bilangan guru yang tiada latihan telah berkurang daripada 45 orang pada tahun 2011 kepada 17 orang pada tahun 2020. Trend peningkatan bilangan guru siswazah adalah seiring dengan usaha KPM untuk memantapkan profesionalisme keguruan menjelang gelombang ketiga pelaksanaan PPPM 2013-2025. Seterusnya, Rajah 5.12 menunjukkan trend peratus guru prasekolah mengikut jantina dan tahap latihan dari tahun 2011 hingga tahun 2020.




Rajah 5.12*Peratus Guru Prasekolah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan*

Berdasarkan Rajah 5.12, peratusan guru lelaki siswazah di prasekolah telah meningkat daripada 53.39 peratus kepada 91.38 peratus, manakala guru perempuan siswazah meningkat daripada 33.00 peratus kepada 89.34 peratus dalam tempoh 10 tahun. Peratus guru lelaki bukan siswazah dan tiada latihan pula semakin berkurangan daripada 46.61 peratus kepada 8.62 peratus manakala peratus guru perempuan bagi kategori yang sama turut berkurang daripada 67.00 peratus kepada 10.66 peratus.

5.6.2 Guru Sekolah Rendah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan


Salah satu usaha untuk memantapkan kualiti pendidikan peringkat rendah dapat dilihat melalui peningkatan jumlah guru siswazah dalam tempoh 10 tahun. Rajah 5.13 menunjukkan trend bilangan guru sekolah rendah mengikut tahap latihan dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 5.13
Bilangan Guru Sekolah Rendah Mengikut Tahap Latihan



Berdasarkan Rajah 5.13, terdapat peningkatan lebih dua kali ganda bagi jumlah guru siswazah yang mengajar di sekolah rendah sepanjang tempoh 10 tahun, iaitu daripada 82,878 orang kepada 193,150 orang. Bilangan guru bukan siswazah dan tiada latihan pula telah berkurangan lebih empat kali ganda, iaitu daripada 144,220 orang pada tahun 2011 kepada 34,723 orang pada tahun 2020. Pelaksanaan Program Pensiswazahan Guru (PPG) mulai tahun 2011 di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) merupakan antara faktor meningkatnya jumlah guru yang memiliki sekurang-kurangnya kelayakan ijazah sarjana muda, khususnya di sekolah rendah. Seterusnya, Rajah 5.14 menunjukkan trend peratus guru sekolah rendah mengikut jantina dan tahap latihan dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 5.14
Peratus Guru Sekolah Rendah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan




Berdasarkan Rajah 5.14, trend menunjukkan peratus guru siswazah lelaki dan perempuan di sekolah rendah telah meningkat setiap tahun sepanjang tempoh 10 tahun. Hal ini sekali gus menjadikan peratus guru bukan siswazah dan tiada latihan semakin berkurangan bagi tempoh yang sama. Bagi guru siswazah lelaki, peratusannya telah meningkat daripada 36.93 peratus kepada 83.78 peratus, manakala guru siswazah perempuan turut meningkat daripada 36.3 peratus kepada 85.19 peratus dalam tempoh 10 tahun. Peratus guru lelaki bukan siswazah dan tiada latihan pula berkurangan dengan ketara daripada 63.07 peratus kepada 16.22 peratus, manakala peratus guru perempuan bagi kategori yang sama turut berkurang daripada 63.7 peratus kepada 14.82 peratus.

5.6.3 Guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan


Sepanjang tempoh 10 tahun yang lalu, lebih 90 peratus daripada jumlah guru sekolah menengah adalah terdiri daripada guru siswazah. Rajah 5.15 menunjukkan trend bilangan guru sekolah menengah mengikut tahap latihan dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 5.15
Bilangan Guru Sekolah Menengah Mengikut Tahap Latihan



Berdasarkan Rajah 5.15, terdapat peningkatan jumlah guru siswazah di sekolah menengah, iaitu daripada 162,079 orang pada tahun 2011 kepada 173,722 orang pada tahun 2020. Bilangan guru bukan siswazah dan tiada latihan pula telah berkurangan lebih dua kali ganda, iaitu daripada 15,303 orang pada tahun 2011 kepada 6,449 orang pada tahun 2020. Seterusnya, Rajah 5.16 menunjukkan trend peratus guru sekolah menengah mengikut jantina dan tahap latihan dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 5.16
Peratus Guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan



Berdasarkan Rajah 5.16, terdapat trend peningkatan peratusan guru siswazah lelaki dan perempuan di sekolah menengah sepanjang tempoh 10 tahun sekali gus menjadikan peratusan guru bukan siswazah dan tiada latihan semakin berkurangan bagi tempoh yang sama. Bagi guru siswazah lelaki, peratusannya telah meningkat daripada 89.06 peratus kepada 94.80 peratus, manakala guru siswazah perempuan turut meningkat daripada 92.42 peratus kepada 97.08 peratus dalam tempoh 10 tahun. Bagi tempoh tersebut juga, peratus guru lelaki bukan siswazah dan tiada latihan berkurang sebanyak dua kali ganda, iaitu daripada 10.94 peratus kepada 5.21 peratus, manakala peratus guru perempuan bagi kategori yang sama turut berkurang daripada 7.57 peratus kepada hanya 2.92 peratus pada tahun 2020.

5.7 NISBAH MURID GURU


Selaras dengan PPPM 2013-2025 yang bermatlamat untuk mentransformasikan sistem pendidikan supaya setanding dengan sistem pendidikan terbaik dunia, nisbah murid kepada guru merupakan antara indikator utama yang perlu dicapai dalam merealisasikan hasrat KPM. Hal ini kerana nisbah murid kepada guru merupakan aspek yang sering dibincangkan dalam pembentukan sistem pendidikan yang berkualiti. Indikator ini merupakan salah satu daripada faktor bagi mengenal pasti keperluan dan bekalan guru serta kualiti perhatian dan masa instruksi di dalam bilik darjah. Menurut Bank Dunia dan UIS, nisbah murid kepada guru ditakrifkan sebagai jumlah murid pada suatu peringkat pendidikan tertentu kepada jumlah guru bagi peringkat pendidikan tersebut.

Dalam perspektif yang lebih luas, nisbah murid guru juga merupakan salah satu daripada lima indikator pendidikan yang digunakan untuk mengukur tahap kualiti pendidikan di bawah tonggak Penyelidikan dan Modal Insan bagi Indeks Inovasi Global (GII). Indikator ini turut digunakan untuk menilai *Pillar Skills* dalam *Global Competitiveness Report (GCR)* oleh *World Economic Forum (WEF)*.

5.7.1 Nisbah Murid Guru Mengikut Peringkat Pendidikan

Peringkat pendidikan prasekolah, rendah dan menengah mempunyai nisbah murid guru yang berbeza disebabkan oleh faktor enrolmen dan bilangan guru yang berbeza. Data terkini yang dikeluarkan pada tahun 2019 menunjukkan purata nisbah murid guru OECD bagi peringkat rendah ialah 15 orang murid kepada seorang guru, manakala bagi peringkat menengah ialah 13 orang murid kepada seorang guru. Rajah 5.17 menunjukkan trend nisbah murid guru di Malaysia mengikut peringkat pendidikan bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 5.17
Nisbah Murid Guru Mengikut Peringkat Pendidikan




Secara keseluruhannya, nisbah murid guru menunjukkan trend yang konsisten sepanjang tempoh 10 tahun bagi semua peringkat pendidikan. Selain itu, nisbah murid guru pada tahun 2020 bagi setiap peringkat pendidikan juga semakin baik berbanding tahun 2011, apabila nisbah seorang guru kepada jumlah murid menjadi semakin mengecil. Nisbah murid guru pada peringkat prasekolah telah berkurang daripada 23.62 kepada 22.59, manakala bagi peringkat rendah, nisbah tersebut telah berkurang daripada 12.60 kepada 12.03. Bagi peringkat menengah pula, nisbah murid guru telah berkurang daripada 13.12 kepada 11.04.

Bagi tempoh 3 tahun belakangan ini, peringkat menengah menunjukkan nisbah murid guru terendah, diikuti dengan peringkat rendah dan prasekolah. Secara relatif, nisbah murid guru di Malaysia bagi kedua-dua peringkat rendah dan menengah juga adalah lebih kecil berbanding purata OECD seperti yang telah dinyatakan. Malah, kedua-dua nisbah tersebut adalah lebih baik jika dibandingkan dengan nisbah murid guru di negara maju seperti United Kingdom (Rendah: 19.9, Menengah: 17.3) dan Jepun (Rendah: 15.9, Menengah: 12.2). Nisbah murid guru yang kecil memberi implikasi positif terhadap iklim pembelajaran di sekolah apabila guru dapat memperuntukkan lebih banyak masa instruksi bagi membimbing setiap murid di samping sesi PdP yang dapat berlangsung dalam suasana lebih kondusif dan efektif.

5.7.2 Nisbah Murid Guru Mengikut Sekolah Peringkat Rendah

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai trend nisbah murid guru bagi sekolah rendah yang berbeza di Malaysia, Rajah 5.18 menunjukkan perbandingan nisbah tersebut dalam kalangan SK, SJKC, SJKT, SABK dan SPK bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 5.18
Nisbah Murid Guru Mengikut Sekolah Peringkat Rendah



Secara keseluruhannya, nisbah murid guru adalah paling besar bagi SJKC, diikuti oleh SABK, SK, SJKT dan SPK. Sepanjang tempoh 10 tahun, semua sekolah rendah menunjukkan trend nisbah murid guru yang semakin mengecil kecuali bagi SABK. Walau bagaimanapun, peningkatan nisbah murid guru di sekolah tersebut adalah tidak ketara. Nisbah murid guru yang kecil bagi SPK pula, iaitu dalam julat antara 1.54 hingga 2.20 menunjukkan bahawa KPM cakna terhadap keperluan pendidikan dan bimbingan yang khusus bagi MBK serta bersesuaian dengan pencapaian dan kebolehan mereka.

5.7.3 Nisbah Murid Guru Mengikut Sekolah Peringkat Menengah

Seperti peringkat rendah, KPM turut menyediakan pelbagai sekolah yang menawarkan pendidikan peringkat menengah. Untuk melihat dengan lebih jelas nisbah murid guru bagi SMK, SBP, SMKA, SMT, SABK, SPK, KV dan Kolej Tingkatan 6, Rajah 5.19 menunjukkan trend nisbah tersebut bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 5.19

Nisbah Murid kepada Guru Mengikut Sekolah Peringkat Menengah



Berdasarkan Rajah 5.19, secara umumnya SMK menunjukkan nisbah murid guru yang paling besar, manakala SPK mempunyai nisbah yang paling kecil. Sepanjang tempoh 10 tahun, semua sekolah menengah menunjukkan trend nisbah murid guru yang semakin mengecil kecuali bagi SMT. Bagi SMT, kadar penurunan bilangan guru adalah lebih tinggi berbanding kadar penurunan enrolmen yang menyebabkan nisbah murid guru di sekolah tersebut semakin besar. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya didapati nisbah murid guru bagi peringkat menengah adalah lebih baik berbanding purata OECD.

5.7.4 Nisbah Murid Guru Mengikut Negeri dan Lokasi

Nisbah murid guru yang seimbang antara negeri dan lokasi, iaitu bandar dan luar bandar adalah penting bagi memastikan pendidikan yang berkualiti dapat dinikmati oleh semua murid di seluruh negara tanpa sebarang diskriminasi. Perbezaan nisbah murid guru antara kawasan bandar dan luar bandar adalah ditentukan oleh kepadatan penduduk di lokasi tersebut. Oleh itu, KPM sentiasa meneliti faktor tersebut dalam menguruskan penempatan guru berdasarkan unjuran keperluan bagi setiap negeri.

a. Nisbah murid guru prasekolah mengikut negeri dan lokasi

Bagi menggalakkan peningkatan enrolmen sejagat kanak-kanak berusia 4+ dan 5+ tahun pada peringkat pendidikan prasekolah, antara aspek yang perlu dititikberatkan ialah penyediaan guru yang terlatih dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dengan sekurang-kurangnya memiliki kelayakan diploma. Rajah 5.20 menunjukkan nisbah murid guru bagi peringkat prasekolah mengikut negeri dan lokasi pada tahun 2020.

Rajah 5.20
Nisbah Murid Guru Prasekolah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020




Secara umumnya, julat nisbah murid guru prasekolah bagi kawasan bandar adalah antara 22.36 hingga 27.60, manakala bagi kawasan luar bandar, julatnya adalah antara 19.89 hingga 25.00. Negeri Sabah mencatatkan nisbah murid guru tertinggi bagi kawasan bandar manakala Pulau Pinang mencatatkan nisbah murid guru yang tertinggi bagi kawasan luar bandar. Negeri Perak pula mencatatkan nisbah murid guru paling rendah bagi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

b. Nisbah murid guru sekolah rendah mengikut negeri dan lokasi

Pertambahan bilangan guru telah dapat menyeimbangkan nisbah murid guru pada peringkat rendah agar berada pada tahap yang optimum. Rajah 5.21 menunjukkan nisbah murid guru bagi sekolah rendah mengikut negeri dan lokasi pada tahun 2020.

Rajah 5.21

Nisbah Murid Guru Sekolah Rendah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020




Secara umumnya, julat nisbah murid guru sekolah rendah bagi kawasan bandar adalah antara 10.67 hingga 15.94, manakala bagi kawasan luar bandar, julatnya adalah antara 7.05 hingga 10.30. Bagi kawasan bandar, negeri Selangor mencatatkan nisbah murid guru tertinggi manakala negeri Perlis mempunyai nisbah murid guru terendah. Bagi kawasan luar bandar pula, negeri Sabah mencatatkan nisbah murid guru yang tertinggi manakala negeri Melaka mencatatkan nisbah murid guru paling rendah.

c. Nisbah murid guru sekolah menengah mengikut negeri dan lokasi

Secara umumnya, nisbah murid guru bagi sekolah menengah adalah yang paling kecil berbanding peringkat prasekolah dan rendah pada tahun 2020. Rajah 5.22 menunjukkan nisbah murid guru sekolah menengah mengikut negeri dan lokasi pada tahun tersebut.

Rajah 5.22
Nisbah Murid Guru Sekolah Menengah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020



Berdasarkan Rajah 5.22, julat nisbah murid guru sekolah menengah bagi kawasan bandar adalah antara 8.07 hingga 13.80, manakala bagi kawasan luar bandar, julatnya adalah antara 7.91 hingga 12.61. Seperti nisbah murid guru di kawasan bandar bagi sekolah rendah, negeri Selangor turut mencatatkan nisbah murid guru tertinggi bagi sekolah menengah di kawasan bandar. Perlis pula mempunyai nisbah murid guru paling rendah untuk lokasi yang sama. Bagi kawasan luar bandar pula, negeri Sarawak mencatatkan nisbah murid guru yang tertinggi, manakala Pahang mencatatkan nisbah murid guru paling rendah.

5.8 PENUTUP

PPPM 2013-2025 telah menetapkan hala tuju transformasi pendidikan negara secara menyeluruh termasuk aspek pembangunan profesionalisme keguruan. Trend indikator berkaitan guru bagi tempoh 10 tahun yang dibentangkan dalam bab ini telah menunjukkan perkembangan dan kemajuan ke arah memartabatkan profesion keguruan di Malaysia. Inisiatif untuk memperkasa bidang keguruan telah bermula seawal pemilihan calon guru diikuti dengan latihan praperkhidmatan di IPG atau universiti. Pembangunan profesionalisme secara berterusan pada pelbagai peringkat institusi pendidikan menunjukkan bahawa aspek pembangunan kompetensi guru sentiasa menjadi antara fokus utama KPM. Pengenalan SGM 2.0 dan PIPPK yang bertitik tolak dari PPPM 2013-2025 telah menyediakan garis panduan yang komprehensif bagi membolehkan proses perancangan, pelaksanaan dan keberkesanan dasar serta program yang berkaitan dengan profesionalisme keguruan dipantau dan dinilai secara berterusan untuk tujuan penambahbaikan pada masa akan datang.



JADUAL / DATA

Jadual 5.1

Bilangan dan Peratus Enrolmen Institut Pendidikan Guru (IPG) Mengikut Jantina

Tahun	Enrolmen IPG*				
	L		P		J
	Bil	%	Bil	%	
2011	9,919	33.45	19,730	66.55	29,649
2012	8,464	32.76	17,373	67.24	25,837
2013	8,704	33.03	17,647	66.97	26,351
2014	9,211	32.99	18,710	67.01	27,921
2015	9,187	33.04	18,618	66.96	27,805
2016	5,478	35.00	10,174	65.00	15,652
2017	4,399	27.86	11,393	72.14	15,792
2018	2,316	25.56	6,744	74.44	9,060
2019	2,964	27.03	8,001	72.97	10,965
2020	4,454	29.14	10,833	70.86	15,287

Sumber : Bahagian Matrikulasi

Nota : *Tidak termasuk enrolmen Program Pra-ISMP.
Data pada 31 Disember 2020.

Jadual 5.2

Bilangan dan Peratus Guru Mengikut Jantina dan Peringkat Pendidikan

Tahun	Peringkat Pendidikan																				
	Prasekolah					Rendah						Menengah						Jumlah			
	L		P		J	L		P		J	L		P		J	L		P		J	
	Bil	%	Bil	%	Bil	Bil	%	Bil	%	Bil	Bil	%	Bil	%	Bil	Bil	%	Bil	%	Bil	
2011	886	11.72	6,676	88.28	7,562	70,507	31.05	156,591	68.95	227,098	55,455	31.26	121,927	68.74	177,382	126,848	30.79	285,194	69.21	412,042	
2012	882	11.73	6,634	88.27	7,516	71,422	31.21	157,396	68.79	228,818	55,373	31.20	122,089	68.80	177,462	127,677	30.86	286,119	69.14	413,796	
2013	1,017	12.04	7,431	87.96	8,448	71,146	31.06	157,904	68.94	229,050	55,432	31.18	122,374	68.82	177,806	127,595	30.72	287,709	69.28	415,304	
2014	995	11.55	7,617	88.45	8,612	71,480	30.78	160,752	69.22	232,232	54,933	30.48	125,291	69.52	180,224	127,408	30.26	293,660	69.74	421,068	
2015	1,040	11.42	8,063	88.58	9,103	71,481	30.63	161,884	69.37	233,365	54,843	30.14	127,132	69.86	181,975	127,364	30.01	297,079	69.99	424,443	
2016	1,009	11.22	7,985	88.78	8,994	70,624	30.49	161,032	69.51	231,656	54,510	30.00	127,209	70.00	181,719	126,143	29.87	296,226	70.13	422,369	
2017	1,009	11.22	7,986	88.78	8,995	70,384	30.52	160,247	69.48	230,631	54,441	29.97	127,192	70.03	181,633	125,834	29.87	295,425	70.13	421,259	
2018	1,073	11.69	8,106	88.31	9,179	69,419	30.22	160,263	69.78	229,682	54,229	29.56	129,244	70.44	183,473	124,721	29.53	297,613	70.47	422,334	
2019	1,086	11.67	8,218	88.33	9,304	68,376	30.22	157,860	69.78	226,236	53,458	29.30	128,968	70.70	182,426	122,920	29.41	295,046	70.59	417,966	
2020	1,056	11.44	8,171	88.56	9,227	68,998	30.28	158,875	69.72	227,873	51,986	28.85	128,185	71.15	180,171	122,040	29.25	295,231	70.75	417,271	

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 5.3*Pertumbuhan Bilangan Guru dan Enrolmen Mengikut Peringkat Pendidikan Berbanding Tahun 2010*

Tahun	Peringkat Pendidikan					
	Prasekolah		Rendah		Menengah	
	Guru	Enrolmen	Guru	Enrolmen	Guru	Enrolmen
2011	109.42	109.08	101.59	98.66	101.22	99.25
2012	108.75	114.91	102.36	96.97	101.27	99.21
2013	122.24	117.36	102.47	94.61	101.46	98.95
2014	124.61	119.86	103.89	93.45	102.84	96.28
2015	131.72	121.27	104.40	92.58	103.84	93.05
2016	130.14	122.60	103.63	92.57	103.70	92.80
2017	130.15	124.65	103.17	92.39	103.65	90.98
2018	132.82	125.64	102.75	92.95	104.70	88.52
2019	134.63	126.56	101.21	94.14	104.10	87.24
2020	133.51	127.31	101.94	94.58	102.81	84.81

Jadual 5.4*Bilangan dan Peratus Guru Mengikut Peringkat Pendidikan dan Kumpulan Umur pada Tahun 2020*

Kumpulan Umur	Peringkat Pendidikan																	
	Rendah						Menengah						Keseluruhan					
	L		P		J		L		P		J		L		P		J	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
< 25 tahun	546	0.23	1,308	0.55	1,854	0.79	12	0.01	20	0.01	32	0.02	558	0.13	1,328	0.32	1,886	0.45
25-29	5,872	2.49	11,317	4.79	17,189	7.28	2,786	1.55	7,471	4.16	10,257	5.71	8,658	2.08	18,788	4.52	27,446	6.60
30-34	7,958	3.37	18,353	7.77	26,311	11.15	6,993	3.89	19,227	10.70	26,220	14.59	14,951	3.60	37,580	9.04	52,531	12.63
35-39	13,029	5.52	35,301	14.95	48,330	20.47	8,144	4.53	28,349	15.77	36,493	20.30	21,173	5.09	63,650	15.31	84,823	20.40
40-44	13,740	5.82	36,056	15.27	49,796	21.09	7,378	4.10	22,088	12.29	29,466	16.39	21,118	5.08	58,144	13.98	79,262	19.06
45-49	10,798	4.57	28,290	11.98	39,088	16.56	8,310	4.62	20,673	11.50	28,983	16.12	19,108	4.60	48,963	11.77	68,071	16.37
50-54	10,637	4.51	22,998	9.74	33,635	14.25	10,217	5.68	20,028	11.14	30,245	16.82	20,854	5.01	43,026	10.35	63,880	15.36
55-59	6,499	2.75	12,208	5.17	18,707	7.92	7,595	4.22	9,324	5.19	16,919	9.41	14,094	3.39	21,532	5.18	35,626	8.57
> 60 tahun	526	0.22	634	0.27	1,160	0.49	646	0.36	509	0.28	1,155	0.64	1,172	0.28	1,143	0.27	2,315	0.56

Sumber : Quick Facts

Jadual 5.5
Bilangan dan Peratus Guru Prasekolah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan

Tahun	Tahap Latihan																							
	Siswazah						Bukan Siswazah						Tiada Latihan dan Lain-lain						Jumlah					
	L		P		J		L		P		J		L		P		J		L		P		J	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
2011	473	53.39	2,203	33.00	2,676	35.39	409	46.16	4,432	66.39	4,841	64.02	4	0.45	41	0.61	45	0.60	886	11.72	6,676	88.28	7,562	
2012	481	54.54	2,265	34.14	2,746	36.54	400	45.35	4,362	65.75	4,762	63.36	1	0.11	7	0.11	8	0.11	882	11.73	6,634	88.27	7,516	
2013	600	59.00	3,091	41.60	3,691	43.69	406	39.92	4,275	57.53	4,681	55.41	11	1.08	65	0.87	76	0.90	1,017	12.04	7,431	87.96	8,448	
2014	642	64.52	3,726	48.92	4,368	50.72	351	35.28	3,885	51.00	4,236	49.19	2	0.20	6	0.08	8	0.09	995	11.55	7,617	88.45	8,612	
2015	718	69.04	4,379	54.31	5,097	55.99	322	30.96	3,684	45.69	4,006	44.01	0	0.00	0	0.00	0	0.00	1,040	11.42	8,063	88.58	9,103	
2016	721	71.46	4,593	57.52	5,314	59.08	288	28.54	3,387	42.42	3,675	40.86	0	0.00	5	0.06	5	0.06	1,009	11.22	7,985	88.78	8,994	
2017	721	71.46	4,592	57.50	5,313	59.07	288	28.54	3,387	42.41	3,675	40.86	0	0.00	7	0.09	7	0.08	1,009	11.22	7,986	88.78	8,995	
2018	916	85.37	6,386	78.78	7,302	79.55	157	14.63	1,710	21.10	1,867	20.34	0	0.00	10	0.12	10	0.11	1,073	11.69	8,106	88.31	9,179	
2019	967	89.04	6,986	85.01	7,953	85.48	119	10.96	1,224	14.89	1,343	14.43	0	0.00	8	0.10	8	0.09	1,086	11.67	8,218	88.33	9,304	
2020	965	91.38	7,300	89.34	8,265	89.57	89	8.43	856	10.48	945	10.24	2	0.19	15	0.18	17	0.18	1,056	11.44	8,171	88.56	9,227	

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 5.6
Bilangan dan Peratus Guru Sekolah Rendah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan

Tahun	Tahap Latihan																							
	Siswazah						Bukan Siswazah						Tiada Latihan dan Lain-lain						Jumlah					
	L		P		J		L		P		J		L		P		J		L		P		J	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
2011	26,036	36.93	56,842	36.30	82,878	36.49	42,708	60.57	92,703	59.20	135,411	59.63	1,763	2.50	7,046	4.50	8,809	3.88	70,507	31.05	156,591	68.95	227,098	
2012	28,788	40.31	62,214	39.53	91,002	39.77	40,709	57.00	88,944	56.51	129,653	56.66	1,925	2.70	6,238	3.96	8,163	3.57	71,422	31.21	157,396	68.79	228,818	
2013	31,269	43.95	68,281	43.24	99,550	43.46	37,899	53.27	83,764	53.05	121,663	53.12	1,978	2.78	5,859	3.71	7,837	3.42	71,146	31.06	157,904	68.94	229,050	
2014	36,955	51.70	81,415	50.65	118,370	50.97	33,824	47.32	76,962	47.88	110,786	47.70	701	0.98	2,375	1.48	3,076	1.32	71,480	30.78	160,752	69.22	232,232	
2015	42,560	59.54	94,305	58.25	136,865	58.65	28,863	40.38	67,460	41.67	96,323	41.28	58	0.08	119	0.07	177	0.08	71,481	30.63	161,884	69.37	233,365	
2016	45,408	64.30	99,885	62.03	145,293	62.72	25,057	35.48	60,672	37.68	85,729	37.01	159	0.23	475	0.29	634	0.27	70,624	30.49	161,032	69.51	231,656	
2017	45,196	64.21	99,173	61.89	144,369	62.60	25,059	35.60	60,659	37.85	85,718	37.17	129	0.18	415	0.26	544	0.24	70,384	30.52	160,247	69.48	230,631	
2018	53,950	77.72	123,650	77.15	177,600	77.32	15,165	21.85	35,876	22.39	51,041	22.22	304	0.44	737	0.46	1,041	0.45	69,419	30.22	160,263	69.78	229,682	
2019	55,863	81.70	128,954	81.69	184,817	81.69	11,952	17.48	27,690	17.54	39,642	17.52	561	0.82	1,216	0.77	1,777	0.79	68,376	30.22	157,860	69.78	226,236	
2020	57,808	83.78	135,342	85.19	193,150	84.76	9,969	14.45	20,585	12.96	30,554	13.41	1,221	1.77	2,948	1.86	4,169	1.83	68,998	30.28	158,875	69.72	227,873	

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 5.7*Bilangan dan Peratus Guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina dan Tahap Latihan*

Tahun	Tahap Latihan																							
	Siswazah						Bukan Siswazah						Tiada Latihan dan Lain-lain						Jumlah					
	L		P		J		L		P		J		L		P		J		L		P		J	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
2011	49,388	89.06	112,691	92.42	162,079	91.37	4,997	9.01	6,723	5.51	11,720	6.61	1,070	1.93	2,513	2.06	3,583	2.02	55,455	31.26	121,927	68.74	177,382	
2012	50,266	90.78	115,293	94.43	165,559	93.29	4,624	8.35	6,242	5.11	10,866	6.12	483	0.87	554	0.45	1,037	0.58	55,373	31.20	122,089	68.80	177,462	
2013	50,132	90.44	114,960	93.94	165,092	92.85	4,308	7.77	5,688	4.65	9,996	5.62	992	1.79	1,726	1.41	2,718	1.53	55,432	31.18	122,374	68.82	177,806	
2014	50,564	92.05	119,711	95.55	170,275	94.48	3,858	7.02	5,026	4.01	8,884	4.93	511	0.93	554	0.44	1,065	0.59	54,933	30.48	125,291	69.52	180,224	
2015	50,944	92.89	122,386	96.27	173,330	95.25	3,478	6.34	4,330	3.41	7,808	4.29	421	0.77	416	0.33	837	0.46	54,843	30.14	127,132	69.86	181,975	
2016	50,658	92.93	122,692	96.45	173,350	95.39	2,910	5.34	3,626	2.85	6,536	3.60	942	1.73	891	0.70	1,833	1.01	54,510	30.00	127,209	70.00	181,719	
2017	50,681	93.09	122,723	96.49	173,404	95.47	2,921	5.37	3,627	2.85	6,548	3.61	839	1.54	842	0.66	1,681	0.93	54,441	29.97	127,192	70.03	181,633	
2018	50,728	93.54	124,810	96.57	175,538	95.68	1,940	3.58	2,341	1.81	4,281	2.33	1,561	2.88	2,093	1.62	3,654	1.99	54,229	29.56	129,244	70.44	183,473	
2019	50,238	93.98	124,889	96.84	175,127	96.00	1,518	2.84	1,738	1.35	3,256	1.78	1,702	3.18	2,341	1.82	4,043	2.22	53,458	29.30	128,968	70.70	182,426	
2020	49,282	94.80	124,440	97.08	173,722	96.42	1,266	2.44	1,363	1.06	2,629	1.46	1,438	2.77	2,382	1.86	3,820	2.12	51,986	28.85	128,185	71.15	180,171	

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 5.8*Nisbah Murid Guru Mengikut Peringkat Pendidikan*

Tahun	Peringkat Pendidikan								
	Prasekolah			Rendah			Menengah		
	Murid	Guru	Nisbah	Murid	Guru	Nisbah	Murid	Guru	Nisbah
2011	178,622	7,562	23.62	2,860,340	227,098	12.60	2,327,427	177,382	13.12
2012	188,168	7,516	25.04	2,811,264	228,818	12.29	2,326,498	177,462	13.11
2013	192,172	8,448	22.75	2,742,989	229,050	11.98	2,320,287	177,806	13.05
2014	196,264	8,612	22.79	2,709,340	232,232	11.67	2,257,712	180,224	12.53
2015	198,574	9,103	21.81	2,683,992	233,365	11.50	2,181,840	181,975	11.99
2016	200,745	8,994	22.32	2,683,753	231,656	11.59	2,175,967	181,719	11.97
2017	204,105	8,995	22.69	2,678,629	230,631	11.61	2,133,323	181,633	11.75
2018	205,738	9,179	22.41	2,694,779	229,682	11.73	2,075,618	183,473	11.31
2019	207,234	9,304	22.27	2,729,259	226,236	12.06	2,045,777	182,426	11.21
2020	208,459	9,227	22.59	2,741,995	227,873	12.03	1,988,781	180,171	11.04

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 5.8.1*Nisbah Murid Guru Sekolah Rendah Mengikut Sekolah*

Tahun	Sekolah Rendah														
	SK			SJKC			SJKT			SABK			SPK		
	Murid	Guru	Nisbah	Murid	Guru	Nisbah	Murid	Guru	Nisbah	Murid	Guru	Nisbah	Murid	Guru	Nisbah
2011	2,153,529	179,918	11.97	597,036	36,869	16.19	102,412	9,134	11.21	5,721	430	13.30	1,642	747	2.20
2012	2,111,754	180,788	11.68	589,413	37,198	15.85	97,696	9,226	10.59	10,849	819	13.25	1,552	787	1.97
2013	2,069,109	180,669	11.45	564,510	37,304	15.13	92,934	9,200	10.10	14,936	1,088	13.73	1,500	789	1.90
2014	2,044,624	184,019	11.11	559,157	37,065	15.09	88,880	9,141	9.72	15,258	1,210	12.61	1,421	797	1.78
2015	2,033,478	185,270	10.98	548,079	36,912	14.85	85,371	9,061	9.42	15,780	1,294	12.19	1,284	828	1.55
2016	2,043,284	182,974	11.17	540,290	37,508	14.40	83,291	9,041	9.21	15,665	1,339	11.70	1,223	794	1.54
2017	2,053,455	182,240	11.27	525,603	37,344	14.07	81,701	9,003	9.07	16,648	1,250	13.32	1,222	794	1.54
2018	2,077,707	181,740	11.43	517,097	37,029	13.96	81,583	8,790	9.28	17,150	1,325	12.94	1,242	798	1.56
2019	2,107,950	179,616	11.74	521,083	36,050	14.45	81,420	8,467	9.62	17,546	1,319	13.30	1,260	784	1.61
2020	2,130,676	181,406	11.75	511,448	35,986	14.21	80,743	8,363	9.65	17,761	1,328	13.37	1,367	790	1.73

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 5.8.2
Nisbah Murid Guru Sekolah Menengah Mengikut Sekolah

Tahun	Sekolah Menengah																					
	SMK		SBP		SMKA		SMT		SABK		SPK		Kolej Tingkatan 6				KV					
	Murid	Nisbah Guru	Murid	Nisbah Guru	Murid	Nisbah Guru	Murid	Nisbah Guru	Murid	Nisbah Guru	Murid	Nisbah Guru	Murid	Nisbah Guru	Murid	Nisbah Guru	Murid	Nisbah Guru				
2011	1,45,349	13.75	38,102	3.689	10.33	39,473	3.489	11.31	20,628	2.825	7.30	52,185	4.859	11.20	681	2.41	2.83	0	0.00	31,009	5.131	6.04
2012	2,137,625	13.75	40,745	3.891	10.47	40,336	3.617	11.15	11,274	1.581	7.13	55,176	5.021	10.99	679	2.57	2.64	0	0.00	40,663	6,291	6.46
2013	2,127,061	13.70	42,459	4.017	10.57	40,293	3.629	11.10	11,233	1.593	7.05	62,083	5.357	11.59	761	2.86	2.57	0	0.00	36,397	6,234	5.84
2014	2,062,250	13.72	43,237	4.133	10.46	40,685	3.692	11.02	5,636	588	9.59	65,285	5.629	11.60	805	3.21	2.51	0	0.00	38,018	6,604	5.76
2015	1,973,854	12.48	41,747	4.169	10.01	39,950	3.775	10.58	5,432	574	9.46	69,158	6.289	11.00	756	3.35	2.26	0	0.00	50,943	7,081	7.19
2016	1,956,865	12.43	39,796	4.193	9.49	39,993	3.851	10.39	5,310	553	9.60	69,940	6.765	10.34	876	3.72	2.35	0	0.00	63,187	7,007	9.02
2017	1,910,821	12.20	38,519	4.195	9.18	39,605	3.858	10.27	5,020	554	9.06	69,312	6.609	10.49	1,068	3.73	2.86	6,899	7.88	62,079	7,017	8.85
2018	1,855,601	11.95	40,618	4.341	9.36	39,486	4.148	9.52	4,828	488	9.69	69,116	7.287	9.48	1,168	4.27	2.71	6,957	9.18	57,854	9,011	6.42
2019	1,832,473	11.93	40,800	4.347	9.42	39,505	4.230	9.34	4,962	487	10.19	67,343	7.270	9.26	1,101	4.67	2.36	10,291	1,406	49,172	9,078	5.42
2020	1,784,732	11.83	40,903	4.361	9.38	38,111	4.226	8.81	5,082	496	10.25	66,405	7.340	9.05	1,126	4.83	2.33	5,255	1,521	47,167	9,198	5.13

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 5.8.3*Nisbah Murid Guru Prasekolah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020*

Negeri	Lokasi					
	Bandar			Luar Bandar		
	Murid	Guru	Nisbah	Murid	Guru	Nisbah
Johor	14,607	633	23.08	6,755	332	20.35
Kedah	11,739	523	22.45	1,990	85	23.41
Kelantan	14,252	592	24.07	3,000	137	21.90
Melaka	4,912	214	22.95	663	33	20.09
Negeri Sembilan	5,043	215	23.46	2,208	108	20.44
Pahang	6,746	291	23.18	9,624	453	21.25
Perak	13,438	601	22.36	5,192	261	19.89
Perlis	1,834	82	22.37	883	41	21.54
Pulau Pinang	7,717	332	23.24	125	5	25.00
Sabah	4,389	159	27.60	24,613	1,025	24.01
Sarawak	5,805	249	23.31	21,356	1,069	19.98
Selangor	22,957	963	23.84	1,597	76	21.01
Terengganu	7,557	332	22.76	3,358	158	21.25
WP Kuala Lumpur	4,257	179	23.78	-	-	-
WP Labuan	802	33	24.30	-	-	-
WP Putrajaya	1,040	46	22.61	-	-	-

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 5.8.4*Nisbah Murid Guru Sekolah Rendah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020*

Negeri	Lokasi					
	Bandar			Luar Bandar		
	Murid	Guru	Nisbah	Murid	Guru	Nisbah
Johor	276,419	20,628	13.40	54,771	6,202	8.83
Kedah	171,603	14,684	11.69	17,567	1,778	9.88
Kelantan	145,370	13,042	11.15	25,304	2,473	10.23
Melaka	78,903	6,799	11.61	5,271	748	7.05
Negeri Sembilan	83,966	6,697	12.54	21,230	2,562	8.29
Pahang	78,887	6,267	12.59	68,877	7,445	9.25
Perak	161,838	14,928	10.84	38,776	5,044	7.69
Perlis	16,857	1,580	10.67	6,872	690	9.96
Pulau Pinang	129,663	10,179	12.74	1,050	129	8.14
Sabah	88,020	5,860	15.02	201,508	19,569	10.30
Sarawak	105,324	7,246	14.54	136,934	16,688	8.21
Selangor	524,128	32,889	15.94	11,358	1,356	8.38
Terengganu	99,929	8,282	12.07	30,279	3,189	9.49
WP Kuala Lumpur	131,465	8,928	14.73	-	-	-
WP Labuan	9,703	710	13.67	-	-	-
WP Putrajaya	20,123	1,281	15.71	-	-	-

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 5.8.5*Nisbah Murid Guru Sekolah Menengah Mengikut Negeri dan Lokasi pada Tahun 2020*

Negeri	Lokasi					
	Bandar			Luar Bandar		
	Murid	Guru	Nisbah	Murid	Guru	Nisbah
Johor	208,530	17,664	11.81	35,336	3,558	9.93
Kedah	136,043	12,904	10.54	8,252	820	10.06
Kelantan	103,845	11,485	9.04	10,742	1,199	8.96
Melaka	58,920	5,569	10.58	4,616	562	8.21
Negeri Sembilan	70,027	6,380	10.98	14,115	1,587	8.89
Pahang	61,532	6,423	9.58	39,146	4,946	7.91
Perak	141,763	14,726	9.63	21,693	2,659	8.16
Perlis	14,612	1,811	8.07	4,484	519	8.64
Pulau Pinang	100,923	9,174	11.00	402	44	9.14
Sabah	71,582	5,439	13.16	129,024	10,984	11.75
Sarawak	79,178	6,205	12.76	112,609	8,928	12.61
Selangor	357,972	25,932	13.80	5,570	600	9.28
Terengganu	76,950	8,114	9.48	18,465	2,271	8.13
WP Kuala Lumpur	86,804	8,200	10.59	-	-	-
WP Labuan	6,276	636	9.87	-	-	-
WP Putrajaya	9,370	832	11.26	-	-	-

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

BAB 6

**PEPERIKSAAN
AWAM**



6.1 PENGENALAN

Peperiksaan awam merupakan pentaksiran sumatif yang diselaraskan dan dikendalikan oleh KPM kepada murid pada pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia. Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) diduduki oleh murid sekolah rendah pada penghujung Tahun Enam, manakala bagi sekolah menengah, murid menduduki peperiksaan SPM pada penghujung Tingkatan Lima. Peperiksaan SVM mengikut sesi pula diduduki oleh murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima di KV. Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan STAM pula diduduki oleh murid pada peringkat lepas menengah iaitu semasa berada di Tingkatan Enam.

Bab ini menerangkan indikator peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi setiap mata pelajaran dan bilangan calon mendapat semua A dalam UPSR bagi SK dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), bilangan dan peratus calon lulus SVM serta pensijilan dan gred purata nasional (GPN) bagi SPM, STPM dan STAM.

6.2 UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH (UPSR)

Peperiksaan UPSR diperkenalkan pada tahun 1987 bagi mengukur pencapaian murid dalam mata pelajaran akademik pada peringkat rendah. Murid-murid menduduki peperiksaan ini pada penghujung Tahun 6 berdasarkan sukatan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Walau bagaimanapun, mulai tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan bagi menggantikan KBSR sejajar dengan transformasi menyeluruh dalam aspek kurikulum dan pentaksiran negara. Mulai tahun 2016, kohort pertama murid Tahun Enam menduduki peperiksaan UPSR berdasarkan sukatan KSSR yang mengandungi lebih banyak item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Berdasarkan perubahan kandungan kurikulum dan pentaksiran tersebut, analisis trend indikator berkaitan UPSR dilakukan secara berasingan bagi tahun 2011 hingga tahun 2015 dan tahun 2016 hingga tahun 2019. Analisis trend tersebut tidak dapat diteruskan bagi tahun 2020 kerana peperiksaan UPSR telah dibatalkan akibat pandemik Covid-19 yang menular di seluruh negara. Seterusnya, hasil libat urus KPM dengan pelbagai pihak berkepentingan telah membawa kepada keputusan pemansuhan peperiksaan tersebut mulai tahun 2021.


Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, cakupan kandungan sukatan mata pelajaran tersebut adalah lebih meluas dan mendalam di SK berbanding SJK. Oleh sebab itu, analisis pencapaian bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut dibuat secara berasingan bagi SK dan SJK.

6.2.1 Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum dalam UPSR


Tahap penguasaan minimum dalam peperiksaan UPSR dari tahun 2011 hingga tahun 2015 merujuk kepada pencapaian sekurang-kurangnya gred C bagi mata pelajaran yang diduduki. Walau bagaimanapun, setelah kertas peperiksaan UPSR digubal berdasarkan kandungan sukatan KSSR mulai tahun 2016, tahap penguasaan minimum merujuk kepada pencapaian sekurang-kurangnya gred D bagi setiap mata pelajaran. Rajah 6.1 menunjukkan trend bilangan dan peratus calon yang mencapai tahap penguasaan minimum bagi semua kertas peperiksaan UPSR dari tahun 2011 hingga tahun 2015.

Rajah 6.1

Bilangan dan Peratus Calon Mencapai Tahap Penguasaan Minimum dalam UPSR (2011-2015)




Sepanjang tempoh 5 tahun, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi semua kertas UPSR menunjukkan peratus tertinggi pada tahun 2015, iaitu 97.3 peratus, manakala peratusan terendah pula dicatat pada tahun 2012 dan 2013, iaitu 96.6 peratus. Bagi tempoh 4 tahun berikutnya, iaitu dari tahun 2016 hingga 2019, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi semua kertas UPSR dapat diperhatikan seperti dalam Rajah 6.2.

Rajah 6.2*Bilangan dan Peratus Calon Mencapai Tahap Penguasaan Minimum dalam UPSR (2016-2019)*


Kesan daripada perubahan kurikulum, didapati peratus tahap penguasaan minimum menurun kepada 66.5 peratus pada tahun 2016 berbanding 97.3 peratus pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, trend menunjukkan berlaku peningkatan tahap penguasaan minimum bagi semua kertas UPSR sebanyak 3.9 peratus kepada 70.4 peratus pada tahun 2019 berbanding tahun 2016. Walaupun terdapat penurunan pada awal tempoh pengenalan elemen KBAT dalam item UPSR, kemahiran berfikir ini perlu didedahkan kepada murid bagi membolehkan mereka mengaplikasikannya dalam konteks penyelesaian masalah, membuat keputusan serta berinovasi.

6.2.2 Pencapaian Semua A dalam UPSR

Pencapaian semua A dalam UPSR merujuk kepada calon yang berjaya mendapat gred A bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan dan Pemahaman, Bahasa Inggeris Penulisan dan Pemahaman, Matematik, Sains serta Bahasa Cina Pemahaman dan Penulisan bagi calon SJKC, manakala Bahasa Tamil Pemahaman dan Penulisan bagi calon SJKT. Rajah 6.3 menunjukkan trend bilangan dan peratus calon mendapat semua A dalam UPSR bagi tahun 2011 hingga tahun 2015.

Rajah 6.3*Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua A dalam UPSR (2011-2015)*

Berdasarkan Rajah 6.3, trend bilangan dan peratus calon yang mendapat semua A dalam UPSR adalah tidak konsisten. Peratus tertinggi dicatatkan pada tahun 2011, iaitu sebanyak 9.5 peratus, manakala tahun 2014 mencatatkan peratus terendah, iaitu 7.9 peratus. Bagi tempoh 4 tahun berikutnya, iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2019, trend bilangan dan peratus calon mendapat semua A ditunjukkan dalam Rajah 6.4.

Rajah 6.4*Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua A dalam UPSR (2016-2019)*


Berdasarkan Rajah 6.4, bilangan calon yang mendapat semua A dalam UPSR menunjukkan trend peningkatan sepanjang tempoh 4 tahun. Pada tahun 2019, seramai 9,445 orang atau 2.1 peratus calon mendapat semua A berbanding tahun 2016, iaitu 4,896 orang atau 1.1 peratus.

6.2.3 Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK)

Seperti yang dijelaskan dalam perkara 6.2.1, tahap penguasaan minimum merujuk kepada pencapaian sekurang-kurangnya gred C bagi peperiksaan UPSR sebelum tahun 2016, manakala sekurang-kurangnya gred D bagi UPSR dari tahun 2016 hingga tahun 2019. Rajah 6.5 menunjukkan peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu UPSR di SK sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2015.

Rajah 6.5


Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK) (2011-2015)



Sepanjang tempoh 5 tahun, trend peratus pencapaian sekurang-kurangnya gred C bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Pemahaman dan Penulisan di SK meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 2012. Peratus pencapaian tersebut adalah sentiasa lebih baik bagi kertas Bahasa Melayu Pemahaman berbanding Bahasa Melayu Penulisan. Bagi tempoh 4 tahun berikutnya, iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2019, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dapat diperhatikan seperti dalam Rajah 6.6.

Rajah 6.6

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK) (2016-2019)




Rajah 6.6 menunjukkan tidak terdapat perbezaan ketara bagi trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum kedua-dua kertas Bahasa Melayu sepanjang tempoh 4 tahun. Walau bagaimanapun, peratus tersebut adalah sedikit lebih tinggi bagi kertas Bahasa Melayu Pemahaman berbanding Bahasa Melayu Penulisan. Bagi Bahasa Melayu Pemahaman, peratus pencapaian tertinggi adalah pada tahun 2019, iaitu 96.6 peratus, manakala terendah pada tahun 2016, iaitu 94.6 peratus. Pencapaian Bahasa Melayu Penulisan pula adalah tertinggi pada tahun 2017 dan 2019, iaitu 95.3 peratus berbanding pencapaian terendah pada tahun 2016, iaitu 93.9 peratus.

6.2.4 Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Seperti yang telah dijelaskan di awal bab, pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dibincangkan secara berasingan bagi SJK kerana cakupan kurikulumnya yang berbeza daripada SK. Rajah 6.7 menunjukkan peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu UPSR di SJK dari tahun 2011 hingga tahun 2015.

Rajah 6.7

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (2011-2015)




Sepanjang tempoh 5 tahun, trend peratus pencapaian bagi kertas Bahasa Melayu Penulisan adalah lebih baik berbanding Bahasa Melayu Pemahaman, kecuali pada tahun 2011 yang mencatatkan peratus pencapaian yang sama bagi kedua-dua kertas Bahasa Melayu. Bahasa Melayu Penulisan menunjukkan pencapaian tertinggi pada tahun 2015, iaitu 77.4 peratus, manakala terendah pada tahun 2011, iaitu 70.9 peratus. Pencapaian Bahasa Melayu Pemahaman pula adalah tertinggi pada tahun 2013, iaitu 75.1 peratus, manakala terendah pada tahun 2012, iaitu 70.0 peratus. Bagi tempoh 4 tahun berikutnya, iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2019, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di SJK dapat diperhatikan seperti dalam Rajah 6.8.



Rajah 6.8

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (2016-2019)




Rajah 6.8 menunjukkan trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi kertas Bahasa Melayu Pemahaman adalah lebih tinggi berbanding Bahasa Melayu Penulisan sepanjang tempoh 4 tahun. Walau bagaimanapun, peratus pencapaian kertas Bahasa Melayu Penulisan meningkat setiap tahun. Peningkatan ini adalah sebanyak 5.8 peratus pada tahun 2019 berbanding tahun 2016. Bagi Bahasa Melayu Pemahaman pula, terdapat peningkatan kecil pada tahun 2019, iaitu 0.4 peratus berbanding tahun 2016.

6.2.5 Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK)

Sebelum tahun 2016, calon UPSR hanya menduduki satu kertas Bahasa Inggeris. Rajah 6.9 menunjukkan peratus pencapaian tahap minimum bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SK sepanjang tempoh 2011 hingga 2015.

Rajah 6.9

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK) (2011-2015)




Bagi tempoh 5 tahun, peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SK adalah tidak konsisten. Tahun 2014 menunjukkan peratus pencapaian tahap penguasaan minimum tertinggi, iaitu 79.3 peratus, manakala peratusan terendah pula dicatat pada tahun 2013, iaitu 74.4 peratus. Julat perbezaan pencapaian adalah sebanyak 4.9 peratus. Seterusnya, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dari tahun 2016 hingga 2019 dapat diperhatikan seperti dalam Rajah 6.10.



Rajah 6.10

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK) (2016-2019)




Bermula dari tahun 2016, kertas Bahasa Inggeris UPSR telah diasingkan kepada Bahasa Inggeris Pemahaman dan Bahasa Inggeris Penulisan. Penambahbaikan format baharu berdasarkan KSSR ini dapat memberikan gambaran tentang kekuatan dan kelemahan calon dalam aspek kemahiran membaca (pemahaman) dan menulis. Trend menunjukkan pada setiap tahun, peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi Bahasa Inggeris Pemahaman adalah lebih tinggi berbanding Bahasa Inggeris Penulisan, kecuali pada tahun 2019. Pada tahun tersebut, julat perbezaan antara kedua-dua kertas adalah 2 peratus. Di samping itu, peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi kertas Bahasa Inggeris Penulisan pada tahun 2019 merekodkan pencapaian tertinggi sepanjang tempoh format baru bagi kertas Bahasa Inggeris diperkenalkan.

6.2.6 Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Analisis peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan calon SJK dari tahun 2011 hingga tahun 2015 pula ditunjukkan melalui Rajah 6.11.

Rajah 6.11

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (2011-2015)




Rajah 6.11 menunjukkan trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SJK adalah tidak konsisten sepanjang tempoh 5 tahun. Walau bagaimanapun, perbezaan yang ditunjukkan adalah tidak ketara, iaitu 2.4 peratus. Pencapaian tertinggi dicatatkan pada tahun 2014, iaitu 71.7 peratus, manakala paling rendah pada tahun 2012, iaitu 69.3 peratus. Seterusnya, bagi tahun 2016 hingga tahun 2019, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SJK dapat diperhatikan seperti dalam Rajah 6.12.



Rajah 6.12

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (2016-2019)



Secara keseluruhan, trend menunjukkan peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi Bahasa Inggeris Pemahaman di SJK adalah lebih tinggi berbanding Bahasa Inggeris Penulisan pada setiap tahun, kecuali tahun 2019. Pada tahun tersebut, julat perbezaan antara kedua-dua kertas tersebut adalah 5.5 peratus. Di samping itu, peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi kertas Bahasa Inggeris Penulisan pada tahun 2019 menunjukkan pencapaian tertinggi sepanjang tempoh 4 tahun, dengan catatan 82.2 peratus berbanding 78.7 peratus pada tahun 2016.


Bagi kertas Bahasa Inggeris Pemahaman di SJK, penurunan peratus pencapaian sekurang-kurangnya gred C yang sangat ketara dapat diperhatikan pada tahun 2019, iaitu 76.7 peratus berbanding 88.4 peratus pada tahun sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 11.7 peratus.

6.2.7 Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Matematik dan Sains UPSR

Bagi mata pelajaran Matematik UPSR, pencapaian calon diukur dari aspek keupayaan mengendalikan operasi matematik, kemahiran asas matematik, penyelesaian masalah harian, keupayaan berkomunikasi serta dapat mempraktikkan ilmu matematik secara sistematik, tepat dan teliti. Bagi mata pelajaran Sains pula, keupayaan calon diukur melalui pengetahuan dan pemahaman sains, kemahiran proses sains, kemahiran manipulatif sains, mengaplikasi pengetahuan untuk menyelesaikan masalah serta membuat keputusan dalam kehidupan harian. Rajah 6.13 menunjukkan peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Matematik dan Sains UPSR sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2015.

Rajah 6.13

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Matematik dan Sains UPSR (2011-2015)




Secara keseluruhan, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut adalah hampir sama sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2015. Bagi mata pelajaran Sains, terdapat sedikit penurunan antara tahun 2012 hingga tahun 2014. Peratus pencapaian tahap penguasaan minimum paling tinggi dicatatkan pada tahun 2011, iaitu 87.8 peratus, manakala peratus pencapaian paling rendah adalah pada tahun 2014, iaitu 85.4 peratus, iaitu perbezaan sebanyak 2.4 peratus.

Bagi mata pelajaran Matematik pula, peratus pencapaian tahap penguasaan minimum tertinggi dapat diperhatikan pada tahun 2012, iaitu sebanyak 87.3 peratus, manakala pencapaian paling rendah adalah pada tahun 2014, iaitu 85.1 peratus. Perbezaan peratus pencapaian adalah sebanyak 2.2 peratus. Format kertas Sains dan Matematik yang digubal berdasarkan KBSR menunjukkan pencapaian yang hampir sama bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut. Seterusnya, Rajah 6.14 menunjukkan trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Sains dan Matematik dari tahun 2016 hingga tahun 2019.

Rajah 6.14

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Matematik dan Sains UPSR (2016-2019)



Berdasarkan Rajah 6.14, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Sains adalah lebih tinggi berbanding Matematik sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2019. Peratus pencapaian sekurang-kurangnya grad D bagi mata pelajaran Sains sentiasa melebihi 90 peratus dan trend pencapaian bagi mata pelajaran tersebut juga menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pencapaian tertinggi dicatatkan pada tahun 2019, iaitu 96.6 peratus, manakala pencapaian paling rendah adalah pada tahun 2016, iaitu 94.3 peratus, dengan julat perbezaan pencapaian sepanjang tempoh 4 tahun adalah sebanyak 2.3 peratus. Secara keseluruhannya, lebih 95 peratus murid telah menguasai pengetahuan, pemahaman dan kemahiran proses sains serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam mata pelajaran Sains.


Bagi mata pelajaran Matematik pula, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum menunjukkan peningkatan dan penurunan sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2019. Pencapaian terbaik adalah pada tahun 2019, iaitu sebanyak 83.1 peratus, manakala pencapaian terendah adalah pada tahun 2016, iaitu 78.3 peratus, dengan julat perbezaan 4.8 peratus. Secara keseluruhannya, terdapat lebih daripada 15 peratus murid yang masih mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran asas Matematik yang rendah.

6.2.8 Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Cina UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Pencapaian tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Cina di SJK sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2015 merujuk kepada peratus calon yang memperoleh sekurang-kurangnya gred C dan ke atas bagi mata pelajaran tersebut. Rajah 6.15 menunjukkan peratus pencapaian bagi kedua-dua kertas Bahasa Cina Pemahaman dan Bahasa Cina Penulisan bagi tempoh 5 tahun.

Rajah 6.15

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Cina UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (2011-2015)




Berdasarkan Rajah 6.15, kertas Bahasa Cina Pemahaman menunjukkan peratus pencapaian tahap penguasaan minimum yang lebih baik berbanding Bahasa Cina Penulisan sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2015. Walau bagaimanapun, kedua-dua kertas mencatatkan penurunan dalam peratus pencapaian tahap penguasaan minimum pada tahun 2015 berbanding tahun 2014, dengan pencapaian kertas Bahasa Cina Pemahaman menunjukkan penurunan sebanyak 1.8 peratus, manakala Bahasa Cina Penulisan mencatatkan penurunan sebanyak 1.5 peratus.

Tahun 2011 mencatatkan pencapaian tertinggi bagi kertas Bahasa Cina Pemahaman, iaitu 88.2 peratus, manakala tahun 2015 menunjukkan pencapaian paling rendah, iaitu 86.0 peratus, dengan perbezaan pencapaian sebanyak 2.2 peratus. Bahasa Cina Penulisan pula mencatatkan pencapaian tertinggi pada tahun 2014, iaitu 85.0 peratus, manakala pencapaian terendah adalah pada tahun 2011, iaitu 83.1 peratus, dengan perbezaan pencapaian sebanyak 1.9 peratus. Seterusnya, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi kertas Bahasa Cina Pemahaman dan Penulisan dari tahun 2016 hingga tahun 2019 ditunjukkan seperti dalam Rajah 6.16.

Rajah 6.16

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Cina UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (2016-2019)



Berdasarkan Rajah 6.16, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi kedua-dua kertas Bahasa Cina adalah hampir sama sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2019. Bagi kertas Bahasa Cina Pemahaman, trend peningkatan pencapaian dapat diperhatikan sepanjang tempoh tersebut kecuali pada tahun 2018. Peratus pencapaian tahap penguasaan minimum paling tinggi dicatatkan pada tahun 2019, iaitu 90.5 peratus, manakala peratus pencapaian paling rendah adalah pada tahun 2016, iaitu 86.9 peratus. Perbezaan peratus pencapaian adalah sebanyak 3.6 peratus.


Seperti Bahasa Cina Pemahaman, kertas Bahasa Cina Penulisan juga menunjukkan trend peningkatan sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2018 dengan sedikit penurunan pada tahun 2019. Peratus pencapaian tahap penguasaan minimum paling tinggi bagi kertas ini adalah pada tahun 2018, iaitu 92.0 peratus, manakala peratus pencapaian paling rendah adalah pada tahun 2016 sebanyak 88.7 peratus. Perbezaan peratus pencapaian adalah sebanyak 3.3 peratus.

6.2.9 Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Tamil UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2015, calon yang mencapai tahap penguasaan minimum bagi kertas Bahasa Tamil Pemahaman dan Penulisan UPSR ialah calon yang berjaya memperoleh sekurang-kurangnya gred C dan ke atas bagi kedua-dua kertas tersebut. Trend pencapaian ditunjukkan dalam Rajah 6.17.

Rajah 6.17

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Tamil UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (2011-2015)




Secara umumnya, peratus pencapaian sekurang-kurangnya gred C bagi kertas Bahasa Tamil Pemahaman adalah lebih baik berbanding Bahasa Tamil Penulisan dalam tempoh 5 tahun. Walau bagaimanapun, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi kertas Bahasa Tamil Pemahaman adalah tidak konsisten sepanjang tempoh tersebut, dengan penurunan ketara pada tahun 2012 dan tahun 2014. Peratus pencapaian paling tinggi dicatatkan pada tahun 2013, iaitu 91.8 peratus, manakala peratus pencapaian paling rendah adalah pada tahun 2014, iaitu 86.0 peratus. Perbezaan peratus pencapaian adalah sebanyak 5.8 peratus.

Bagi kertas Bahasa Tamil Penulisan pula, trend pencapaian sekurang-kurangnya gred C adalah lebih konsisten berbanding Bahasa Tamil Pemahaman sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2015. Peratus pencapaian terbaik bagi kertas ini adalah pada tahun 2015, iaitu 83.6 peratus, manakala pencapaian terendah adalah pada tahun 2013, iaitu 80.0 peratus, dengan julat perbezaan pencapaian sebanyak 3.6 peratus. Seterusnya, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi kertas Bahasa Tamil Pemahaman dan Penulisan dari tahun 2016 hingga tahun 2019 ditunjukkan dalam Rajah 6.18.

Rajah 6.18

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bagi Mata Pelajaran Bahasa Tamil UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (2016-2019)



Berdasarkan Rajah 6.18, trend peratus pencapaian tahap penguasaan minimum bagi kertas Bahasa Tamil Penulisan adalah lebih tinggi berbanding Bahasa Tamil Pemahaman sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2019. Kertas Bahasa Tamil Penulisan juga sentiasa mencatatkan pencapaian melebihi 90.0 peratus sepanjang tempoh 4 tahun. Selain itu, didapati pencapaian kertas ini meningkat setiap tahun, dengan peratus pencapaian tahap penguasaan minimum paling tinggi adalah pada tahun 2019, iaitu 92.5 peratus, manakala peratus pencapaian paling rendah adalah pada tahun 2016, iaitu 91.2 peratus. Perbezaan peratus pencapaian adalah sebanyak 1.3 peratus.


Kertas Bahasa Tamil Pemahaman pula menunjukkan trend yang tidak konsisten, dengan peratus pencapaian tahap penguasaan minimum paling tinggi dicatatkan pada tahun 2017, iaitu 90.2 peratus, manakala pencapaian paling rendah adalah pada tahun 2018, iaitu 87.7 peratus. Perbezaan peratus pencapaian adalah sebanyak 2.5 peratus.

6.2.10 Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK) dalam UPSR

CBK yang menduduki peperiksaan UPSR terdiri daripada MBK yang mempunyai pelbagai jenis kecacatan seperti cacat penglihatan, cacat pendengaran dan masalah pembelajaran. Walaupun begitu, jumlah CBK yang menduduki peperiksaan UPSR sentiasa meningkat sepanjang tahun. Rajah 6.19 menunjukkan bilangan dan peratus CBK yang mencapai tahap penguasaan minimum, iaitu sekurang-kurangnya gred C bagi semua kertas UPSR sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2015.

Rajah 6.19


Bilangan dan Peratus CBK Mencapai Tahap Penguasaan Minimum dalam UPSR (2011-2015)



Trend bilangan CBK yang mencapai tahap penguasaan minimum dalam UPSR menunjukkan peningkatan sepanjang tahun 2011 hingga 2015. Bagi tempoh 5 tahun tersebut, terdapat peningkatan sebanyak 148 orang CBK yang telah mencapai tahap penguasaan minimum bagi semua mata pelajaran UPSR yang diduduki. Analisis juga menunjukkan tahun 2015 mencatatkan peratus tahap penguasaan minimum tertinggi, iaitu 19.2 peratus atau 383 orang CBK, manakala tahun 2014 pula mencatatkan peratus tahap penguasaan minimum paling rendah, iaitu 16.4 peratus atau 325 orang CBK. Seterusnya, Rajah 6.20 menunjukkan bilangan dan peratus CBK yang mencapai tahap penguasaan minimum dalam UPSR bagi tahun 2016 hingga tahun 2019.

Rajah 6.20

Bilangan dan Peratus CBK Mencapai Tahap Penguasaan Minimum dalam UPSR (2016-2019)




Trend bilangan dan peratus CBK yang mencapai tahap penguasaan minimum bagi semua mata pelajaran UPSR menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 berbanding tahun 2016, dengan perbezaan sebanyak 6.8 peratus atau 125 orang.

6.2.11 Pencapaian Semua A bagi CBK dalam UPSR

Trend pencapaian gred A bagi semua mata pelajaran UPSR dalam kalangan CBK dari tahun 2011 hingga tahun 2015 ditunjukkan sebagai bilangan dan peratus seperti dalam Rajah 6.21.

Rajah 6.21


Bilangan dan Peratus CBK Mendapat Semua A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) (2011-2015)



Berdasarkan Rajah 6.21, tahun 2012 menunjukkan peratus CBK paling tinggi dengan pencapaian semua A dalam UPSR, iaitu 1.4 peratus atau 25 orang, manakala tahun 2013 mencatatkan peratus terendah, iaitu 0.6 peratus atau hanya 12 orang CBK. Seterusnya Rajah 6.22 menunjukkan bilangan dan peratus CBK yang mendapat semua A sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2019.

Rajah 6.22

Bilangan dan Peratus CBK Mendapat Semua A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) (2016-2019)



Berdasarkan Rajah 6.22, terdapat peningkatan sebanyak 0.1 peratus CBK dengan pencapaian semua A dalam UPSR pada tahun 2019 berbanding tahun 2016. Walaupun bilangan dan peratusannya menunjukkan angka yang kecil, namun pencapaian CBK dalam peperiksaan ini menunjukkan kesungguhan dan keupayaan mereka dari segi akademik.

6.3 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)


SPM merupakan peperiksaan utama kebangsaan yang ditadbirkan secara berpusat dan ditaksir pada penghujung pendidikan menengah. Peperiksaan ini merupakan peperiksaan pensijilan yang digunakan oleh murid untuk melanjutkan pelajaran, memohon biasiswa serta mendapatkan pekerjaan. Penandaarasan dan penjaminan kualiti bagi kertas peperiksaan SPM yang dilaksanakan setiap tahun turut melibatkan pakar pentaksiran antarabangsa. Pakar pentaksiran tersebut adalah daripada *Cambridge International Examinations (CIE)*, *United Kingdom*, *New Zealand Qualifications Authority (NZQA)* dan *London Chambers of Commerce and Industry (LCCI)*, *United Kingdom*. Peperiksaan ini diperaku sebagai sistem pentaksiran yang mantap dan diiktiraf pada peringkat global.

6.3.1 Pensijilan SPM

Sebelum tahun 2013, calon SPM layak mendapat sijil SPM sekiranya mereka lulus mata pelajaran Bahasa Melayu, iaitu mencapai sekurang-kurangnya gred E. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2013, mata pelajaran Sejarah turut dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus selain daripada Bahasa Melayu bagi melayakkan calon mendapat sijil SPM. Rajah 6.23 menunjukkan trend bilangan dan peratus calon layak dianugerahkan sijil SPM dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 6.23

Bilangan dan Peratus Calon Layak Dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)




Secara keseluruhannya, peratus calon yang layak mendapat sijil dalam peperiksaan SPM menurun sebanyak 3.3 peratus, iaitu daripada 401,490 orang calon pada tahun 2011 kepada 338,659 orang calon pada tahun 2020. Ketika Sejarah mula dijadikan mata pelajaran wajib lulus SPM pada tahun 2013, didapati berlaku penurunan yang ketara dalam jumlah calon yang layak dianugerahkan sijil SPM, iaitu sebanyak 5.8 peratus atau pengurangan sebanyak 24,764 orang berbanding tahun sebelumnya. Trend penurunan ini berterusan untuk tempoh 4 tahun berikutnya, iaitu dari tahun 2013 hingga tahun 2016. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2017, trend peratus calon layak mendapat sijil SPM telah menunjukkan peningkatan yang konsisten sehingga tahun 2020.

6.3.2 Pencapaian Semua A dalam SPM

Pencapaian semua A dalam SPM mengambil kira calon yang berjaya mendapat gred A-, A dan A+ bagi semua mata pelajaran yang diduduki. Rajah 6.24 menunjukkan bilangan dan peratus calon yang mendapat semua A dalam SPM.

Rajah 6.24

Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)



Sepanjang tempoh 10 tahun, didapati julat peratus calon yang mendapat semua A dalam SPM adalah antara 2.1 peratus hingga 3.2 peratus daripada jumlah keseluruhan calon yang menduduki peperiksaan tersebut. Berdasarkan Rajah 6.24, bilangan calon memperoleh gred A bagi semua mata pelajaran adalah paling tinggi pada tahun 2013, iaitu seramai 13,970 orang calon atau bersamaan 3.2 peratus. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2014 kepada 11,289 orang calon atau 2.6 peratus. Penyusutan ini antaranya disebabkan oleh faktor pengenalan soalan KBAT berdasarkan definisi operasi yang digunakan oleh KPM dalam kertas peperiksaan SPM bermula pada tahun 2014.


Soalan KBAT menguji keupayaan calon menggunakan kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan berinovasi. Sebanyak 20 peratus soalan KBAT telah diperkenalkan dalam kertas peperiksaan SPM tahun 2014 dan peratusan ini akan bertambah secara berperingkat sehingga mencapai 50 peratus pada tahun 2021. Kewujudan item KBAT ini menjadi salah satu faktor penyumbang kepada penurunan peratus calon yang mendapat semua A dalam SPM.

6.3.3 Pencapaian Semua G dalam SPM

Calon yang gagal dalam peperiksaan SPM ialah calon yang memperoleh gred G bagi semua mata pelajaran yang diduduki. Rajah 6.25 menunjukkan trend bilangan dan peratus calon mendapat semua G dalam SPM.

Rajah 6.25


Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua G dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)



Berdasarkan Rajah 6.25, julat peratusan calon yang gagal atau memperoleh gred G bagi semua mata pelajaran SPM adalah antara 0.6 peratus hingga 1.2 peratus. Tahun 2020 mencatatkan peratus tertinggi bagi calon yang memperoleh semua G, iaitu 1.2 peratus daripada jumlah keseluruhan calon yang menduduki peperiksaan SPM pada tahun tersebut atau sebanyak 4,416 orang calon. Tahun 2011 pula mencatatkan peratus calon yang memperoleh semua G paling rendah, iaitu 0.6 peratus atau 2,790 orang calon daripada keseluruhan calon yang menduduki SPM pada tahun tersebut.

6.3.4 Pensijilan SPM bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK)


Berdasarkan analisis keputusan SPM tahun 2011 hingga tahun 2020, jumlah CBK yang menduduki peperiksaan SPM telah meningkat lebih dua kali ganda, iaitu daripada 653 orang calon pada tahun 2011 kepada 1,435 orang calon pada tahun 2020. Rajah 6.26 menunjukkan trend bilangan dan peratus CBK yang layak dianugerahkan sijil SPM bagi tempoh tersebut.

Rajah 6.26*Bilangan dan Peratus CBK Layak Dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*

Secara umumnya, sekurang-kurangnya 50 peratus daripada jumlah CBK yang menduduki SPM setiap tahun layak dianugerahkan sijil SPM kecuali pada tahun 2013 dan 2014. Sepanjang tempoh satu dekad, peratusan tersebut telah meningkat sebanyak 11.3 peratus atau 628 orang calon.


6.3.5 Gred Purata Nasional (GPN) bagi SPM

GPN merupakan indeks bagi menunjukkan pencapaian calon secara keseluruhan pada peringkat nasional. Pencapaian SPM yang lebih baik ditunjukkan melalui nilai GPN yang lebih kecil. Rajah 6.27 menunjukkan trend GPN bagi SPM dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 6.27*GPN Bagi SPM*

Berdasarkan Rajah 6.27, trend GPN bagi peperiksaan SPM adalah tidak konsisten sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2015. Walau bagaimanapun, trend tersebut menunjukkan nilai GPN yang semakin baik untuk 5 tahun berikutnya. GPN terbaik dicatatkan dalam SPM 2020, iaitu 4.80, dengan peningkatan 0.24 mata berbanding tahun 2011. Rajah 6.28 pula memperincikan indeks GPN bagi SPM mengikut lokasi, iaitu bandar dan luar bandar bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 6.28
GPN Bagi SPM Mengikut Lokasi



Secara keseluruhannya, trend GPN bagi calon bandar dan luar bandar adalah tidak konsisten dari tahun 2011 hingga tahun 2015 namun mula menunjukkan trend yang semakin baik dari tahun 2015 hingga tahun 2020. Sepanjang tempoh 10 tahun, pencapaian calon SPM di bandar adalah lebih baik daripada luar bandar dengan catatan nilai GPN yang lebih kecil. Walaupun begitu, GPN SPM bagi calon luar bandar telah meningkat 0.33 mata pada tahun 2020 berbanding tahun 2011. GPN bagi calon bandar pula mencatatkan penurunan 0.01 mata bagi tempoh yang sama. Selain itu, jurang pencapaian antara calon bandar dan luar bandar juga semakin mengecil, iaitu daripada 0.72 mata GPN pada tahun 2011 kepada 0.38 pada tahun 2020.


6.4 SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM)

Dasar Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) mula dilaksanakan pada tahun 2012. Melalui dasar ini, antara pensijilan yang ditawarkan oleh KV ialah SVM yang akan diduduki oleh murid Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mengikut sesi, sepanjang tempoh pembelajaran selama dua tahun pada peringkat menengah atas. Sekiranya calon berjaya memperoleh SVM, mereka akan ditawarkan untuk program pensijilan vokasional yang lebih tinggi, iaitu DVM atau mana-mana program diploma lain. Kertas Bahasa Melayu SVM (Kod 1104) adalah setara dengan kertas Bahasa Melayu SPM (Kod 1103), manakala kertas Sejarah SVM (Kod 1251) setara dengan kertas Sejarah SPM (Kod 1249). Mata pelajaran vokasional SVM pula setara dengan mata pelajaran elektif SPM. LPM menetapkan kesetaraan SVM dengan 3 kredit SPM sekiranya calon memiliki kelayakan seperti berikut:

- kepujian Bahasa Melayu 1104;
- PNGK Akademik sekurang-kurangnya 2.00;
- PNGK Vokasional sekurang-kurangnya 2.67; dan
- kompeten semua modul vokasional.
- lulus mata pelajaran Sejarah SPM (bagi kohort SVM tahun 2013 hingga 2016)

Kohort pertama murid yang menduduki peperiksaan SVM adalah pada tahun 2014. Peperiksaan ini dijalankan mengikut sesi, iaitu Sesi 1 dan 2. Sesi 1 diduduki oleh murid Semester 1 dan 3, manakala peperiksaan Sesi 2 diduduki oleh murid Semester 2 dan 4. Rajah 6.29 menunjukkan trend bilangan dan peratus calon lulus SVM mengikut sesi.



Rajah 6.29*Bilangan dan Peratus Calon Lulus Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Mengikut Sesi*

Berdasarkan Rajah 6.29, didapati peratus calon lulus SVM paling tinggi bagi kedua-dua sesi adalah pada tahun 2014, iaitu 99.4 peratus bagi Sesi 1, manakala 93.8 peratus bagi Sesi 2.


6.5 SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

STAM merupakan sijil yang dikeluarkan oleh KPM dengan kerjasama Universiti Al-Azhar, Mesir seperti yang termeterai dalam Perjanjian Persefahaman Akademik dan Kebudayaan pada tahun 1999. Kurikulum STAM diambil daripada Maahad Bu'uth Al-Islamiyyah Al-Azhar, Mesir dan bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa Arab sepenuhnya. Peperiksaan STAM mula dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2000. Sijil STAM diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan setaraf dengan STPM. Peperiksaan ini dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

6.5.1 Pencapaian Calon dalam STAM

Sijil STAM layak dianugerahkan kepada calon yang memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Maqbul (lulus) dalam semua 10 mata pelajaran. Rajah 6.30 menunjukkan trend bilangan dan peratus calon sekolah kerajaan dan SABK yang lulus STAM bagi tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 6.30
Bilangan dan Peratus Calon Lulus STAM




Secara keseluruhannya, peratus calon yang memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Maqbul dalam peperiksaan STAM melebihi 70.0 peratus daripada jumlah calon yang menduduki peperiksaan tersebut sepanjang tempoh 10 tahun kecuali pada tahun 2011 dan 2013. Peratus lulus tertinggi dicatatkan pada tahun 2018, iaitu 77.2 peratus, manakala paling rendah pada tahun 2013, iaitu 65.2 peratus.

6.5.2 Gred Purata Nasional (GPN) bagi STAM

Seperti peperiksaan SPM, indeks GPN bagi STAM juga merujuk kepada pencapaian calon secara keseluruhan dalam peperiksaan ini pada peringkat nasional. Walau bagaimanapun, pencapaian yang lebih baik ditunjukkan oleh nilai GPN yang lebih besar. Rajah 6.31 menunjukkan trend GPN bagi peperiksaan STAM dari tahun 2011 hingga tahun 2020 bagi calon sekolah kerajaan dan SABK.

Rajah 6.31
GPN Bagi STAM



Indeks GPN STAM menunjukkan penurunan dalam pencapaian calon sekolah kerajaan dan SABK pada peringkat kebangsaan mulai tahun 2014 hingga 2020. Tahun 2020 mencatatkan GPN STAM paling rendah, iaitu 2.79, manakala GPN terbaik adalah pada 2013, iaitu 3.07.


6.6 SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM)

Peperiksaan STPM diduduki oleh murid Tingkatan Enam setelah lulus peperiksaan SPM dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Peperiksaan ini dikendalikan oleh MPM. Bermula tahun 2012, STPM dilaksanakan dalam tiga semester. Terdapat dua aliran yang ditawarkan untuk Tingkatan Enam, sama ada di KV atau Pusat Tingkatan 6 di sekolah menengah harian biasa, iaitu aliran Sains Sosial (Kemanusiaan dan Agama) dan aliran Sains.

6.6.1 Pencapaian Calon dalam STPM

Pentaksiran STPM melibatkan peperiksaan penggal (bertulis), kerja kursus dan peperiksaan ulangan. Keputusan STPM mengambil kira pencapaian terbaik yang dipilih antara peperiksaan penggal dan peperiksaan ulangan serta dijumlahkan bersama markah kerja kursus. Rajah 6.32 menunjukkan trend bilangan dan peratus calon sekolah kerajaan yang lulus STPM dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 6.32
Bilangan dan Peratus Calon Lulus STPM




Secara keseluruhannya, bilangan dan peratus calon lulus STPM menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2011 hingga tahun 2013. Peningkatan kecil dalam peratus calon lulus turut diperhatikan sepanjang tahun 2013 hingga tahun 2018, dengan sedikit penurunan pada tahun 2019. Peratus lulus tertinggi dicatatkan pada tahun 2018, iaitu 89.2 peratus atau seramai 38,240 orang daripada keseluruhan calon yang menduduki peperiksaan tersebut. Tahun 2011 pula menunjukkan peratus lulus STPM terendah, iaitu 64.7 peratus daripada jumlah keseluruhan calon pada tahun tersebut.

6.6.2 Gred Purata Nasional (GPN) bagi STPM

Seperti peperiksaan STAM, indeks GPN STPM menggambarkan pencapaian calon secara keseluruhan dalam peperiksaan ini pada peringkat nasional. Pencapaian calon yang lebih baik ditunjukkan oleh nilai GPN yang lebih besar. Rajah 6.33 menunjukkan trend GPN bagi peperiksaan STPM dari tahun 2011 hingga tahun 2020 bagi calon sekolah kerajaan.

Rajah 6.33
GPN Bagi STPM



Secara umumnya, trend GPN bagi peperiksaan STPM menunjukkan peningkatan pencapaian calon sekolah kerajaan pada peringkat kebangsaan, iaitu 2.78 pada tahun 2020 berbanding 2.22 pada tahun 2011. Indeks GPN STPM yang terbaik dicatatkan pada tahun 2018, iaitu 2.80.

6.7 PENUTUP

Secara keseluruhannya, pencapaian dalam peperiksaan awam merupakan indikator output yang penting bagi sistem pendidikan negara kerana indikator ini mengukur salah satu daripada aspek kemenjadian murid. Sistem pentaksiran yang sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa membolehkan potensi murid dilihat secara lebih holistik selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).



JADUAL / DATA

Jadual 6.1

Bilangan dan Peratus Calon Mencapai Tahap Penguasaan Minimum dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)

Tahun	Bilangan Calon Menduduki UPSR	Bilangan dan Peratus Calon Mencapai Tahap Penguasaan Minimum*		Tahun	Bilangan Calon Menduduki UPSR	Bilangan dan Peratus Calon Mencapai Tahap Penguasaan Minimum*	
		Bil	%			Bil	%
2011	485,160	471,202	97.1	2016	440,782	293,184	66.5
2012	503,928	486,677	96.6	2017	430,807	293,514	68.1
2013	466,167	450,511	96.6	2018	427,301	288,005	67.4
2014	460,407	447,196	97.1	2019	431,963	303,892	70.4
2015	443,407	431,615	97.3				

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Bagi tahun 2011-2015, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred C. Mulai 2016, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred D.

Jadual 6.1.1

Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)

Tahun	Bilangan Calon Menduduki UPSR	Calon Mendapat Semua A		Tahun	Bilangan Calon Menduduki UPSR	Calon Mendapat Semua A	
		Bil	%			Bil	%
2011	485,160	46,012	9.5	2016	440,782	4,896	1.1
2012	503,928	45,054	8.9	2017	430,807	8,958	2.1
2013	466,167	42,646	9.2	2018	427,301	8,993	2.1
2014	460,407	36,304	7.9	2019	431,963	9,445	2.1
2015	443,407	38,344	8.7				

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Jadual 6.1.2

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK)

Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*		Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*	
	Bahasa Melayu Pemahaman	Bahasa Melayu Penulisan		Bahasa Melayu Pemahaman	Bahasa Melayu Penulisan
2011	94.1	86.9	2016	94.6	93.9
2012	91.5	86.7	2017	96.5	95.3
2013	93.4	86.9	2018	95.9	94.6
2014	93.9	88.9	2019	96.6	95.3
2015	94.5	89.1			

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Bagi tahun 2011-2015, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred C. Mulai 2016, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred D.

Jadual 6.1.3

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*		Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*	
	Bahasa Melayu Pemahaman	Bahasa Melayu Penulisan		Bahasa Melayu Pemahaman	Bahasa Melayu Penulisan
2011	70.9	70.9	2016	89.3	81.9
2012	70.0	74.0	2017	90.8	83.8
2013	75.1	77.0	2018	89.8	86.2
2014	73.9	75.8	2019	89.7	87.7
2015	71.2	77.4			

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Bagi tahun 2011-2015, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred C. Mulai 2016, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred D.

Jadual 6.1.4

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK)

Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bahasa Inggeris (%)*	Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*	
			Bahasa Inggeris Pemahaman	Bahasa Inggeris Penulisan**
2011	74.7	2016	82.5	77.1
2012	77.3	2017	85.6	73.6
2013	74.4	2018	83.1	74.6
2014	79.3	2019	85.1	87.1
2015	77.6			

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Bagi tahun 2011-2015, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred C. Mulai 2016, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred D.

**Mulai tahun 2016, kertas Bahasa Inggeris diasingkan kepada Bahasa Inggeris Penulisan dan Pemahaman.

Jadual 6.1.5

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bahasa Inggeris (%)*	Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*	
			Bahasa Inggeris Pemahaman	Bahasa Inggeris Penulisan**
2011	70.9	2016	87.8	78.7
2012	69.3	2017	88.3	79.6
2013	71.4	2018	88.4	79.6
2014	71.7	2019	76.7	82.2
2015	69.7			

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Bagi tahun 2011-2015, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred C. Mulai 2016, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred D.

**Mulai tahun 2016, kertas Bahasa Inggeris diasingkan kepada Bahasa Inggeris Penulisan dan Pemahaman.

Jadual 6.1.6*Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Matematik dan Sains UPSR*

Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*		Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*	
	Matematik	Sains		Matematik	Sains
2011	86.7	87.8	2016	78.3	94.3
2012	87.3	87.2	2017	81.4	95.5
2013	86.5	87.0	2018	80.5	96.1
2014	85.1	85.4	2019	83.1	96.6
2015	86.4	87.0			

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Bagi tahun 2011-2015, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred C. Mulai 2016, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred D.

Jadual 6.1.7*Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Cina UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)*

Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*		Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*	
	Bahasa Cina Pemahaman	Bahasa Cina Penulisan		Bahasa Cina Pemahaman	Bahasa Cina Penulisan
2011	88.2	83.1	2016	86.9	88.7
2012	87.6	84.3	2017	89.9	89.7
2013	87.5	83.8	2018	89.4	92.0
2014	87.8	85.0	2019	90.5	90.1
2015	86.0	83.5			

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Bagi tahun 2011-2015, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred C. Mulai 2016, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred D.

Jadual 6.1.8

Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum bagi Mata Pelajaran Bahasa Tamil UPSR Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*		Tahun	Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Minimum (%)*	
	Bahasa Tamil Pemahaman	Bahasa Tamil Penulisan		Bahasa Tamil Pemahaman	Bahasa Tamil Penulisan
2011	90.0	81.1	2016	89.6	91.2
2012	86.4	80.5	2017	90.2	92.0
2013	91.8	80.0	2018	87.7	92.4
2014	86.0	81.0	2019	90.0	92.5
2015	89.3	83.6			

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Bagi tahun 2011-2015, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred C. Mulai 2016, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred D.

Jadual 6.1.9

Bilangan dan Peratus Calon Berkeperluan Khas (CBK) Mencapai Tahap Penguasaan Minimum dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)

Tahun	Bilangan CBK Menduduki UPSR	Bilangan dan Peratus CBK Mencapai Tahap Penguasaan Minimum*		Tahun	Bilangan CBK Menduduki UPSR	Bilangan dan Peratus CBK Mencapai Tahap Penguasaan Minimum*	
		Bil	%			Bil	%
2011	1,329	235	17.7	2016	1,332	324	24.3
2012	1,752	320	18.3	2017	1,313	416	31.7
2013	1,916	322	16.8	2018	1,417	414	29.2
2014	1,981	325	16.4	2019	1,445	449	31.1
2015	1,991	383	19.2				

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Bagi tahun 2011-2015, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred C. Mulai 2016, tahap penguasaan minimum adalah sekurang-kurangnya gred D.

Jadual 6.1.10

Bilangan dan Peratus Calon Berkeperluan Khas (CBK) Mendapat Semua A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)

Tahun	Bilangan CBK Menduduki UPSR	Bilangan dan Peratus CBK Mendapat Semua A		Tahun	Bilangan CBK Menduduki UPSR	Bilangan dan Peratus CBK Mendapat Semua A	
		Bil	%			Bil	%
2011	1,329	17	1.3	2016	1,332	2	0.2
2012	1,752	25	1.4	2017	1,313	5	0.4
2013	1,916	12	0.6	2018	1,417	5	0.4
2014	1,981	16	0.8	2019	1,445	5	0.3
2015	1,991	22	1.1				

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Jadual 6.2

Bilangan dan Peratus Calon Layak Dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Tahun	Bilangan Calon Menduduki SPM	Bilangan dan Peratus Calon Layak Dianugerahkan Sijil SPM*	
		Bil	%
2011	436,459	401,490	92.0
2012	441,542	405,836	91.9
2013	442,570	381,072	86.1
2014	429,003	366,843	85.5
2015	408,491	348,593	85.3
2016	405,408	343,830	84.8
2017	415,008	353,486	85.2
2018	391,641	338,350	86.4
2019	389,498	337,773	86.7
2020	381,894	338,659	88.7

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Semua calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya 6 mata pelajaran.

*Calon sekurang-kurangnya memperoleh gred minimum (Gred E) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah (Sejarah menjadi mata pelajaran wajib lulus bermula tahun 2013 untuk melayakkan murid menerima sijil SPM).

Jadual 6.2.1*Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*

Tahun	Bilangan Calon Menduduki SPM	Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua A (A+, A, A-) dalam SPM*	
		Bil	%
2011	436,459	12,965	3.0
2012	441,542	13,720	3.1
2013	442,570	13,970	3.2
2014	429,003	11,289	2.6
2015	408,491	9,721	2.4
2016	405,408	8,647	2.1
2017	415,008	9,130	2.2
2018	391,641	8,436	2.2
2019	389,498	8,879	2.3
2020	381,894	9,411	2.5

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Semua calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya 6 mata pelajaran.

Jadual 6.2.2*Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua G dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*

Tahun	Bilangan Calon Menduduki SPM	Bilangan dan Peratus Calon Mendapat Semua G dalam SPM*	
		Bil	%
2011	436,444	2,790	0.6
2012	441,542	3,208	0.7
2013	442,570	2,912	0.7
2014	429,003	3,250	0.8
2015	408,491	4,575	1.1
2016	405,408	4,026	1.0
2017	415,008	4,380	1.1
2018	391,641	4,392	1.1
2019	389,498	4,321	1.1
2020	381,894	4,416	1.2

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Semua calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya 6 mata pelajaran.

Jadual 6.2.3*Bilangan dan Peratus Calon Berkeperluan Khas (CBK) Layak Dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*

Tahun	Bilangan CBK Menduduki SPM	Bilangan dan Peratus CBK Layak Dianugerahkan Sijil SPM*	
		Bil	%
2011	653	351	56.9
2012	847	445	52.5
2013	878	405	46.1
2014	1,004	440	43.8
2015	1,219	609	50.0
2016	873	510	58.4
2017	994	621	62.5
2018	1,194	731	61.2
2019	1,402	860	61.3
2020	1,435	979	68.2

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Nota : *Calon sekurang-kurangnya memperoleh gred minimum (Gred E) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah (Sejarah turut menjadi mata pelajaran wajib lulus bermula tahun 2013 untuk melayakkan murid menerima sijil SPM).

*Semua calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya 6 mata pelajaran.

Jadual 6.2.4*Gred Purata Nasional (GPN) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mengikut Lokasi*

Tahun	GPN SPM			
	Keseluruhan	Bandar	Luar Bandar	Jurang
2011	5.04	4.67	5.39	0.72
2012	5.08	4.83	5.44	0.61
2013	4.93	4.68	5.28	0.60
2014	5.08	4.85	5.40	0.55
2015	5.15	4.94	5.44	0.50
2016	5.10	4.89	5.36	0.47
2017	4.90	4.75	5.22	0.47
2018	4.89	4.75	5.18	0.43
2019	4.86	4.70	5.14	0.44
2020	4.80	4.68	5.06	0.38

Sumber : Lembaga Peperiksaan

Jadual 6.3*Bilangan dan Peratus Calon Lulus Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Mengikut Sesi*

Tahun	Bilangan Calon Hadir SVM		Bilangan dan Peratus Calon Lulus SVM			
			Sesi 1		Sesi 2	
	Sesi 1	Sesi 2	Bil	%	Bil	%
2014	170	15,450	169	99.4	14,497	93.8
2015	672	17,068	612	91.1	15,848	92.9
2016	463	17,081	419	90.5	15,741	92.2
2017	-	15,063	-	-	13,373	88.8
2018	424	14,374	324	76.4	12,288	85.5
2019	-	12,250	-	-	11,096	90.6
2020	-	8,387	-	-	7,720	92.1

Sumber : *Quickfacts*

Nota : Kohort pertama menduduki peperiksaan SVM pada tahun 2014.

Jadual 6.4*Bilangan dan Peratus Calon Lulus dan Gred Purata Nasional (GPN) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*

Tahun	Bilangan Calon Hadir STAM	Bilangan dan Peratus Calon Lulus STAM*		GPN STAM
		Bil	%	
2011	2,609	1,794	68.8	3.04
2012	2,891	2,066	71.5	2.98
2013	3,029	1,975	65.2	3.07
2014	1,555	1,123	72.2	3.03
2015	1,793	1,290	71.9	2.98
2016	1,813	1,348	74.4	2.88
2017	2,026	1,514	74.7	2.88
2018	2,173	1,678	77.2	2.84
2019	2,149	1,621	75.4	2.83
2020	2,018	1,539	76.3	2.79

Sumber : *Quickfacts*

Nota : *Calon memperoleh pangkat Mumtaz (Cemerlang), Jayyid Jiddan (Sangat Baik), Jayyid (Baik) dan Maqbul (Lulus).

*Hanya merangkumi sekolah kerajaan dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Jadual 6.5*Bilangan dan Peratus Calon Lulus dan Gred Purata Nasional (GPN) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)*

Tahun	Bilangan Calon Hadir STPM	*Bilangan dan Peratus Calon Lulus STPM		GPN STPM
		Bil	%	
2011	50,657	32,791	64.7	2.22
2012	51,673	33,806	65.4	2.24
2013	55,224	46,229	83.7	2.55
2014	42,854	35,932	83.8	2.62
2015	41,987	35,562	84.7	2.65
2016	43,235	37,475	86.7	2.71
2017	43,041	38,221	88.8	2.76
2018	42,854	38,240	89.2	2.80
2019	44,501	39,362	88.5	2.77
2020	42,983	37,533	87.3	2.78

Sumber : *Quickfacts*

Nota : *Berdasarkan PNGK minimum 2.0.

BAB 7

**SEKOLAH
DAN
INFRASTRUKTUR**



7.1 PENGENALAN


KPM sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid, guru dan warga sekolah berada dalam persekitaran persekolahan yang kondusif bagi membolehkan PdP berlaku dalam suasana yang selesa dan selamat. Sehubungan dengan itu, aspek infrastruktur pendidikan sentiasa ditambah baik dan dinaik taraf dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Infrastruktur merujuk kepada kemudahan asas dan sistem yang digunakan bagi sesebuah negara, bandar atau kawasan, termasuk perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara tersebut. Dalam konteks institusi pendidikan, sekolah perlu dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik, air dan perkakasan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di samping menyediakan kemudahan asas untuk MBK. Infrastruktur asas yang mencukupi dan diselenggara dengan baik akan memangkin pelaksanaan proses PdP yang berkesan.

Bab ini menunjukkan perkembangan trend indikator pendidikan berkaitan infrastruktur yang disediakan di sekolah seluruh Malaysia. Antara infrastruktur yang dibincangkan dalam bab ini ialah kemudahan bangunan, bekalan elektrik, bekalan air dan komputer serta kemudahan bagi MBK.

7.2 PRASEKOLAH KPM

Pendidikan prasekolah yang diwujudkan oleh KPM adalah bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk memasuki persekolahan peringkat rendah. Menyedari kepentingan pendidikan awal kanak-kanak pada peringkat prasekolah, KPM secara berterusan menambah bilangan prasekolah di sekolah rendah secara konsisten bermula dari tahun 2011 hingga tahun 2020 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.1.

Rajah 7.1
Bilangan Prasekolah KPM




Selain prasekolah KPM, penubuhan prasekolah swasta turut berkembang dengan pesat. Peluasan prasekolah yang dijalankan saban tahun adalah mengikut peruntukan dasar sedia ada. Perkembangan prasekolah ini selaras dengan aspirasi PPPM 2013-2025 untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada semua kanak-kanak di Malaysia. Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan memberi impak terhadap trend peningkatan sebanyak 7.11 peratus bagi bilangan prasekolah, iaitu daripada 5,781 buah pada tahun 2011 kepada 6,192 buah pada tahun 2020.

7.3 SEKOLAH RENDAH KPM

Sekolah rendah merupakan institusi pendidikan yang mempunyai jumlah paling banyak di Malaysia berbanding institusi pendidikan pada peringkat lain. Peringkat sekolah rendah menyediakan pendidikan bagi murid Tahun Satu hingga Tahun Enam. Bilangan sekolah rendah KPM sentiasa meningkat setiap tahun bagi memenuhi permintaan ibu bapa untuk pendidikan rendah anak-anak mereka. Rajah 7.2 menunjukkan trend bilangan sekolah rendah KPM bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 7.2
Bilangan Sekolah Rendah KPM




Berdasarkan Rajah 7.2, didapati bilangan sekolah rendah KPM telah meningkat sebanyak 66 buah sekolah, menjadikan jumlah keseluruhan 7,780 buah sekolah pada tahun 2020. Terdapat pengurangan kecil bilangan sekolah pada tahun 2018 dan 2019 disebabkan faktor penggabungan atau penutupan sekolah.

7.3.1 Kepelbagaian Sekolah Rendah KPM

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), sekolah rendah KPM terdiri daripada dua jenis iaitu SK dan SJK. SABK, SPK dan Sekolah Model Khas K9 adalah daripada jenis SK, manakala SJK terdiri daripada SJKC dan SJKT. Rajah 7.3 menunjukkan trend bilangan sekolah rendah tersebut bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 7.3

Bilangan Sekolah Rendah KPM Mengikut Sekolah




Berdasarkan Rajah 7.3, trend menunjukkan pertambahan bilangan sekolah rendah adalah konsisten bagi semua sekolah rendah dari tahun 2011 hingga tahun 2020 kecuali bagi SPK yang kekal bilangannya sebanyak 28 buah dalam tempoh 10 tahun. Walaupun tiada pertambahan bilangan SPK dalam tempoh tersebut, murid MBK turut mendapat peluang pendidikan melalui Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang menyediakan kelas pembelajaran di sekolah aliran perdana. Hal ini menunjukkan bahawa KPM sentiasa prihatin dan komited dalam menyediakan pendidikan yang bersesuaian bagi semua murid daripada latar belakang dan keupayaan yang berbeza agar mereka tetap mendapat peluang dan akses yang sama terhadap pendidikan berkualiti serta tidak tercacir daripada sistem pendidikan negara. Rajah 7.3 juga menunjukkan pada tahun 2020, bilangan SABK meningkat lebih dua kali ganda kepada 43 buah berbanding hanya 18 buah SABK pada tahun 2011.

7.4 SEKOLAH MENENGAH KPM

Sekolah menengah KPM menyediakan pendidikan peringkat menengah bagi murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Sebahagian sekolah menengah turut mempunyai kelas atau bangunan yang menempatkan murid Tingkatan Enam. Rajah 7.4 menunjukkan trend bilangan sekolah menengah KPM bagi tempoh 10 tahun.

Rajah 7.4
Bilangan Sekolah Menengah KPM




Berdasarkan Rajah 7.4, didapati bilangan sekolah menengah KPM telah menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Terdapat pertambahan sebanyak 158 buah sekolah berbanding tahun 2011, menjadikan jumlah sekolah menengah KPM pada tahun 2020 sebanyak 2,440 buah.

7.4.1 Kepelbagaian Sekolah Menengah KPM

Sekolah menengah menawarkan pelbagai aliran kepada murid berdasarkan minat, kecenderungan dan kelayakan masing-masing. Menurut Akta Pendidikan 1996, sekolah menengah kebangsaan yang dikawal selia oleh KPM terdiri daripada jenis sekolah menengah akademik, sekolah menengah teknik dan sekolah menengah yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa. SMK, SBP, SMKA, SMT, Sekolah Model Khas, SPK, Sekolah Sukan, Sekolah Seni, SABK, Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), KV dan Kolej Tingkatan 6 merupakan sekolah yang ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Menteri di bawah Akta tersebut. Rajah 7.5 menunjukkan trend bilangan sekolah menengah tersebut dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 7.5
Bilangan Sekolah Menengah KPM Mengikut Sekolah



Pertambahan sebanyak 14 buah KV pada tahun 2012 adalah selaras dengan pelaksanaan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional oleh KPM yang giat menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada KV. Selain itu, pada tahun 2015, sebanyak lapan buah SMT telah dinaik taraf kepada KV menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 80 buah KV. Implikasinya, terdapat pengurangan SMT kepada 9 buah pada tahun 2015. Selain KV, bilangan SABK juga meningkat sebanyak 38 buah sekolah menjadikan jumlah SABK pada tahun 2020, iaitu 180 buah berbanding tahun 2011.

Penjenamaan semula Tingkatan Enam menjadi salah satu inisiatif KPM dalam PPPM 2013-2025 dengan hasrat untuk memperkasa pendidikan Tingkatan Enam melalui peningkatan imej, sistem, dan kualiti pendidikan setaraf dengan pendidikan lepas menengah yang lain seperti program Matrikulasi atau prauniversiti. Sehubungan dengan itu, sebanyak 14 buah Kolej Tingkatan 6 mula diperkenalkan pada tahun 2018 dan bertambah kepada 23 buah pada tahun 2020.



7.5 KEMUDAHAN BEKALAN ELEKTRIK DI SEKOLAH MENGIKUT TEMPOM MASA BEKALAN

Bekalan elektrik merupakan salah satu daripada infrastruktur asas yang diperlukan di sekolah bagi membantu kelancaran urusan pentadbiran dan pembelajaran. Faktor geografi yang membezakan kedudukan sekolah di seluruh Malaysia mengikut lokasi, iaitu bandar, luar bandar, dan pedalaman menyebabkan sumber tenaga elektrik perlu dipelbagaikan mengikut kesesuaian. Bekalan elektrik dikategorikan kepada dua jenis berdasarkan tempoh masa bekalan dan sumber bekalan elektrik. Rajah 7.6 menunjukkan peratus keseluruhan sekolah rendah dan menengah dengan kemudahan elektrik mengikut tempoh masa bekalan iaitu 24 jam, kurang 24 jam dan tiada bekalan elektrik dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 7.6

Peratus Sekolah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Tempoh Masa Bekalan



Secara keseluruhannya, Rajah 7.6 menunjukkan trend peningkatan dalam peratusan sekolah yang telah menerima bekalan elektrik 24 jam, manakala peratusan sekolah yang menerima bekalan elektrik kurang 24 jam semakin mengecil bagi tempoh 10 tahun. Menjelang tahun 2020, semua sekolah telah menerima bekalan elektrik.

Trend data menunjukkan pada tahun 2011, sebanyak 99.97 peratus sekolah di seluruh Malaysia telah dilengkapi dengan bekalan elektrik. Sebanyak 96.64 peratus daripada jumlah tersebut telah menerima bekalan elektrik 24 jam, manakala 3.33 peratus lagi menerima bekalan elektrik kurang 24 jam. Pada tahun tersebut, hanya 0.03 peratus atau 3 buah sekolah daripada jumlah 9,996 buah sekolah tidak mempunyai bekalan elektrik. Walau bagaimanapun, sejajar dengan pertambahan bilangan sekolah dan usaha berterusan KPM untuk memastikan setiap sekolah dilengkapi dengan bekalan elektrik, KPM telah berjaya memastikan semua sekolah rendah dan menengah menerima bekalan elektrik pada tahun 2020. Sebanyak 98.44 peratus daripada jumlah 10,220 buah sekolah telah mendapat bekalan elektrik 24 jam, manakala baki 1.56 peratus atau 156 buah sekolah menerima bekalan elektrik kurang 24 jam.

7.5.1 Kemudahan Bekalan Elektrik di Sekolah Rendah Mengikut Tempoh Masa Bekalan

Usaha KPM untuk melengkapkan semua sekolah rendah di seluruh negara dengan bekalan elektrik menunjukkan perkembangan positif apabila peratus sekolah rendah dengan kemudahan bekalan elektrik telah meningkat daripada 99.96 peratus pada tahun 2011 kepada 100 peratus pada tahun 2020 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.7.

Rajah 7.7
Peratus Sekolah Rendah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Tempoh Masa Bekalan



Rajah 7.7 menunjukkan peratusan sekolah rendah yang menerima bekalan elektrik 24 jam telah meningkat daripada 95.98 peratus kepada 98.19 peratus atau pertambahan sebanyak 235 buah sekolah bagi tempoh 10 tahun. Perkembangan yang ditunjukkan ini adalah penting kerana kemudahan asas yang mencukupi dapat mewujudkan suasana PdP yang lebih selesa dan membantu kelancaran pengurusan sekolah.




7.5.2 Kemudahan Bekalan Elektrik di Sekolah Menengah Mengikut Tempoh Masa Bekalan

Dalam tempoh 10 tahun, perkembangan kemudahan bekalan elektrik bagi sekolah menengah adalah sangat memberangsangkan apabila semua sekolah telah menerima bekalan elektrik 24 atau kurang 24 jam semenjak tahun 2011. Rajah 7.8 menunjukkan trend peratus sekolah menengah dengan kemudahan bekalan elektrik mengikut tempoh masa bekalan dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 7.8

Peratus Sekolah Menengah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Tempoh Masa Bekalan



Berdasarkan Rajah 7.8, peratusan sekolah menengah yang menerima bekalan elektrik 24 jam didapati menunjukkan trend peningkatan yang konsisten sepanjang tempoh 10 tahun, iaitu mencapai 99.26 peratus atau 2,422 buah sekolah pada tahun 2020. Peratus sekolah menengah yang menerima bekalan elektrik kurang 24 jam pula telah berkurang sebanyak 0.4 peratus kepada hanya 18 buah sekolah pada tahun 2020. Bekalan elektrik tanpa gangguan dapat mewujudkan persekitaran yang selesa kepada warga sekolah.


7.5.3 Kemudahan Bekalan Elektrik di Sekolah Mengikut Sumber Bekalan

Selain kemudahan bekalan elektrik berdasarkan tempoh masa bekalan, sekolah turut dibekalkan dengan tenaga elektrik dari sumber berbeza. Sumber bekalan elektrik yang dimaksudkan merangkumi sistem bekalan tunggal (1 fasa), sistem 3 fasa, jana kuasa, hibrid solar, solar dan lain-lain. Merujuk perkara 7.5, kepelbagaian jenis bekalan elektrik adalah disebabkan oleh faktor lokasi sekolah yang menyukarkan akses bagi bekalan asas disalurkan terutama bagi sekolah yang terletak di kawasan pedalaman.

Selain itu, faktor pembangunan secara keseluruhan di daerah atau kawasan yang menempatkan sesebuah sekolah turut mempengaruhi jenis sumber bekalan elektrik yang dapat disalurkan. Rajah 7.9 menunjukkan trend bilangan sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dengan kemudahan bekalan elektrik mengikut sumber bekalan dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 7.9

Bilangan Sekolah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Sumber Bekalan



Berdasarkan Rajah 7.9, kebanyakan sekolah menerima jenis sumber bekalan elektrik daripada sistem 3 fasa, diikuti sistem 1 fasa, jana kuasa, sumber hibrid solar dan solar sepenuhnya. Situasi ini menunjukkan usaha KPM untuk membekalkan kemudahan elektrik yang lebih cekap dan stabil telah membuahkan hasil. Sebagai contoh, bilangan sekolah yang telah menerima bekalan elektrik 3 fasa meningkat daripada 6,345 buah sekolah pada tahun 2011 kepada 7,148 buah sekolah pada tahun 2020. Pertambahan ini sekali gus berkadar terus dengan pengurangan pergantungan kepada sumber bekalan elektrik lain seperti sistem 1 fasa, jana kuasa dan solar yang kurang stabil dan berkuasa rendah. Seajar dengan proses naik taraf infrastruktur fizikal sekolah serta penggunaan pelbagai peralatan dan peranti elektrik yang amat diperlukan dalam menjayakan pembelajaran abad ke-21, KPM sentiasa berusaha agar kapasiti bekalan elektrik di sekolah mampu menampung penggunaan elektrik bagi peralatan tersebut dan pada masa yang sama selamat kepada warga sekolah.

7.6 KEMUDAHAN BEKALAN AIR DI SEKOLAH

Selain bekalan elektrik, kemudahan bekalan air merupakan salah satu daripada infrastruktur asas dalam memastikan sekolah dapat beroperasi dengan baik. PPPM 2013-2025 turut menekankan tentang kepentingan sesebuah sekolah mempunyai bekalan air terawat yang selamat untuk diminum. Oleh sebab itu, kemudahan bekalan air awam sebagai sumber air utama perlu disediakan dan dibekalkan ke semua sekolah. Bekalan air awam merujuk kepada bekalan air yang dirawat secara berterusan yang dibekalkan oleh jabatan, lembaga atau syarikat pengurusan air. Terdapat juga sumber bekalan air lain yang dibekalkan ke sekolah seperti air perigi, pancur graviti, perigi tiub dan sebagainya. Rajah 7.10 menunjukkan trend peratus keseluruhan sekolah rendah dan menengah dengan kemudahan bekalan air awam dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 7.10

Peratus Sekolah dengan Kemudahan Bekalan Air Awam



Trend 10 tahun menunjukkan peratusan sekolah yang memiliki kemudahan bekalan air awam telah meningkat daripada 85.49 peratus pada tahun 2011 kepada 88.37 peratus sekolah pada tahun 2020. Walaupun masih terdapat sekolah yang belum dilengkapi dengan kemudahan bekalan air awam, namun peratusannya adalah di bawah 15 peratus dan semakin berkurangan setiap tahun. Secara keseluruhannya, kemudahan asas dalam bentuk bekalan air awam di sekolah adalah semakin baik. Perkembangan ini dilihat sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan hasrat PPPM 2013-2025 untuk memastikan semua sekolah dilengkapi dengan infrastruktur asas yang mempunyai standard termasuklah bekalan air yang bersih dan terawat.

7.6.1 Kemudahan Bekalan Air di Sekolah Rendah

Setiap tahun, kemudahan bekalan air awam semakin ditambah baik di semua sekolah rendah di Malaysia. Rajah 7.11 menunjukkan trend peratus sekolah rendah dengan kemudahan bekalan air awam sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 7.11

Peratus Sekolah Rendah dengan Kemudahan Bekalan Air Awam



Berdasarkan Rajah 7.11, peratusan sekolah rendah yang menerima kemudahan bekalan air awam adalah dalam julat 82.02 peratus hingga 85.24 peratus. Trend ini menunjukkan peningkatan setiap tahun bermula dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Peningkatan tersebut menjadikan peratusan sekolah rendah yang tiada bekalan air awam semakin berkurangan, iaitu daripada 28.08 peratus pada tahun 2011 kepada 20.93 peratus pada tahun 2020. Faktor lokasi sekolah yang terletak di kawasan luar bandar dan pedalaman menyebabkan bekalan air awam tidak dapat disalurkan. Berdasarkan data bulan Mei 2021, terdapat 3,673 buah sekolah rendah berada di kawasan luar bandar dan 645 buah daripadanya terletak di pedalaman yang menyukarkan proses pembekalan air terawat ke kawasan tersebut. Oleh yang demikian, kawasan pedalaman sama ada di pulau atau daratan kebiasaannya menggunakan sumber bekalan air alternatif seperti perigi tiub, takungan air dan sebagainya untuk kegunaan harian.

7.6.2 Kemudahan Bekalan Air di Sekolah Menengah

Secara umumnya, peratusan sekolah menengah yang menerima kemudahan bekalan air awam adalah lebih tinggi berbanding sekolah rendah. Rajah 7.12 menunjukkan trend peratus sekolah menengah dengan kemudahan bekalan air awam dalam tempoh 10 tahun.

Rajah 7.12*Peratus Sekolah Menengah dengan Kemudahan Bekalan Air Awam*

Berdasarkan Rajah 7.12, peratusan sekolah menengah yang menerima kemudahan bekalan air awam adalah dalam julat antara 97.24 peratus hingga 98.32 peratus sepanjang tempoh 10 tahun. Peratusan yang tinggi ini disebabkan oleh bilangan sekolah menengah yang terletak di kawasan pedalaman adalah kurang berbanding sekolah rendah serta lokasi sekolah menengah yang kebiasaannya terletak di kawasan yang mempunyai bekalan air awam. Peratus sekolah menengah yang tiada bekalan air awam pula telah berkurangan sebanyak 1.08 peratus dalam tempoh 10 tahun kepada hanya 1.68 peratus pada tahun 2020. Sekolah menengah yang tiada bekalan air awam menggunakan sumber air alternatif seperti yang dinyatakan dalam perkara 7.6.


7.7 KEMUDAHAN KOMPUTER PDP DI SEKOLAH

Menyedari kepentingan akses terhadap infrastruktur ICT adalah amat penting dalam menjayakan pembelajaran abad ke-21, KPM berusaha untuk memastikan semua sekolah dilengkapi dengan peranti dan perkakasan teknologi terutama komputer. Komputer yang dibekalkan ke semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara adalah untuk kegunaan pentadbiran serta PdP. Komputer yang ditempatkan di blok pentadbiran seperti pejabat dan bilik guru adalah untuk kegunaan pentadbiran manakala komputer untuk PdP ditempatkan di makmal komputer dan bilik-bilik khas. Walau bagaimanapun, bagi melihat trend indikator pendidikan dari tahun 2011 hingga tahun 2020, analisis difokuskan kepada trend bilangan sekolah rendah dan menengah yang mempunyai komputer untuk PdP serta jumlah komputer tersebut.

7.7.1 Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Rendah

Penggunaan peranti teknologi dalam pembelajaran telah didedahkan kepada semua murid bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Sehubungan dengan itu, sekolah rendah perlu dilengkapi dengan komputer untuk kegunaan PdP agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid. Rajah 7.13 menunjukkan trend kemudahan komputer PdP di sekolah rendah merangkumi bilangan sekolah yang mempunyai komputer PdP dan jumlah komputer tersebut bagi tempoh 5 tahun.

Rajah 7.13
Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Rendah




Berdasarkan Rajah 7.13, didapati bahawa kedua-dua trend bilangan sekolah rendah yang mempunyai kemudahan komputer untuk PdP dan jumlah komputer tersebut adalah tidak konsisten dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 5 tahun, bilangan sekolah rendah yang menerima peranti tersebut telah meningkat sebanyak 1,010 buah sekolah, iaitu kepada 6,497 buah sekolah pada tahun 2020 berbanding hanya 5,487 buah sekolah pada tahun 2016. Dalam aspek bilangan komputer pula, terdapat peningkatan daripada 93,983 buah pada tahun 2016 kepada 115,394 buah pada tahun 2020. Pertambahan sebanyak 21,411 buah komputer ini menunjukkan bahawa akses murid kepada peranti teknologi adalah semakin baik dan menjadi sebahagian daripada keperluan pembelajaran pada era revolusi industri 4.0 (IR 4.0) masa kini.

Walaupun begitu, pengurangan jumlah komputer PdP yang terdapat di sekolah rendah pada tahun 2018 dan 2019 adalah disebabkan oleh faktor pelupusan aset yang telah usang atau tidak dapat dibaik pulih. Oleh hal yang demikian, aspek penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) perlu dititikberatkan agar kerosakan lebih serius dapat dielakkan dan perbelanjaan pembaikan dapat diijimatkan. Selain itu, sistem pelaporan yang tepat dan sistematik membolehkan semua pihak yang terlibat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan infrastruktur pendidikan berfungsi dengan baik dan dinaik taraf mengikut keperluan.

7.7.2 Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Menengah

Secara umumnya, literasi digital dalam kalangan murid perlu dipupuk dan dikembangkan semasa mereka berada dalam alam persekolahan. Pengenalan mata pelajaran baru melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) seperti Asas Sains Komputer (ASK) dan Reka Bentuk Teknologi (RBT) menjadikan akses kepada peranti teknologi seperti komputer sebagai satu keperluan mendesak dalam kalangan guru dan murid. Bilangan komputer yang mencukupi dapat membantu kelancaran proses PdP serta memberi peluang kepada murid untuk meneroka ilmu daripada pelbagai sumber dengan lebih pantas. Rajah 7.14 menunjukkan trend kemudahan komputer PdP di sekolah menengah merangkumi bilangan sekolah yang mempunyai komputer PdP dan jumlah komputer tersebut dalam tempoh 5 tahun.

Rajah 7.14
Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Menengah




Berdasarkan Rajah 7.14, didapati trend bilangan sekolah menengah yang mempunyai kemudahan komputer untuk PdP semakin meningkat setiap tahun. Jumlah sekolah menengah yang menerima peranti tersebut pada tahun 2020 adalah sebanyak 2,106 buah sekolah berbanding 1,616 buah sekolah pada tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 490 buah sekolah. Dalam aspek bilangan komputer pula, jumlah komputer untuk PdP di sekolah menengah adalah lebih kecil berbanding jumlah komputer di sekolah rendah memandangkan bilangan sekolah rendah dan enrolmennya adalah jauh lebih tinggi. Berdasarkan Rajah 7.14 juga, didapati terdapat pertambahan jumlah komputer sebanyak 18,281 buah kepada 73,566 buah pada tahun 2020 berbanding tahun 2016. Pertambahan peranti ini dapat menyokong keperluan pembelajaran murid di sekolah menengah, bukan hanya untuk mata pelajaran berkaitan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), malah untuk menggalakkan aktiviti pembelajaran abad ke-21 bagi mata pelajaran lain.

7.8 KEMUDAHAN UNTUK MBK DI SEKOLAH

Kemudahan untuk MBK merupakan salah satu keperluan yang telah diambil kira dalam mereka bentuk sesebuah bangunan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Garis panduan ini turut merangkumi kriteria dan panduan bagi perancangan bangunan pendidikan seperti sekolah. Terdapat empat kemudahan MBK yang perlu disediakan di sekolah iaitu parkir, tandas, susur landai (*ramp*) dan susur tangan (*handrails*) bagi memastikan persekitaran sekolah bersifat mesra MBK. Berdasarkan kemudahan yang telah dinyatakan, Rajah 7.15 menunjukkan trend bilangan sekolah mengikut jumlah kemudahan MBK yang terdapat di sekolah tersebut dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Rajah 7.15
Bilangan Sekolah dengan Kemudahan Bagi Murid Berkeperluan Khas



Merujuk Rajah 7.15, trend 10 tahun menunjukkan peningkatan bilangan sekolah bagi semua kategori berdasarkan jumlah kemudahan MBK. Pada tahun 2011, terdapat hanya 339 buah sekolah rendah dan menengah yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 kemudahan untuk MBK dan jumlah ini meningkat lebih lima kali ganda pada tahun 2020 dengan jumlah sebanyak 1,822 buah sekolah.

Pada tahun 2020, terdapat 10 buah sekolah yang memiliki keempat-empat kemudahan untuk MBK seperti yang telah dinyatakan. Walaupun bilangan ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya, hakikatnya angka tersebut masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah sekolah rendah dan menengah yang terdapat di Malaysia. Sehubungan dengan itu, KPM giat berusaha untuk menyediakan infrastruktur bagi MBK di lebih banyak sekolah agar mereka turut berpeluang menjalani persekolahan dalam persekitaran yang kondusif dan selamat seperti murid lain. Selain itu, bagi mendokong aspirasi untuk mewujudkan akses, kualiti dan ekuiti dalam sistem pendidikan negara tanpa sebarang diskriminasi, PPPM 2013-2025 telah meletakkan sasaran agar setiap sekolah dinaik taraf dan dilengkapi dengan kemudahan MBK menjelang tahun 2020. Memasuki fasa akhir pelan tersebut, sewajarnya perancangan berkaitan penyediaan kemudahan untuk MBK diperhalusi dan ditambah baik agar dapat memenuhi keperluan murid-murid tersebut pada masa akan datang.

7.9 PENUTUP

Sekolah merupakan institusi pendidikan yang perlu diperkasakan agar kekal relevan sepanjang masa. Trend perkembangan institusi pendidikan setiap tahun menjadi cabaran besar buat KPM dalam merancang dan menyediakan infrastruktur ICT dan fizikal yang berkualiti dan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan. Menyedari kepentingan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat, maka pelbagai strategi dan pelan tindakan telah dirangka dalam PPPM 2013-2025 bagi meningkatkan kualiti prasarana pendidikan. Antara sasaran yang ditetapkan oleh KPM adalah untuk memastikan infrastruktur yang disediakan memenuhi standard dan spesifikasi yang bersesuaian serta selamat digunakan. Berdasarkan trend indikator pendidikan yang telah dibincangkan dalam bab ini, komitmen KPM untuk menjayakan transformasi pendidikan dari sudut penyediaan infrastruktur telah mula membuah hasil. Walau bagaimanapun, memasuki gelombang ketiga PPPM 2013-2025, masih terdapat pelbagai kekangan dan cabaran perlu diatasi dengan sebaik mungkin agar sasaran untuk menyediakan bukan sahaja infrastruktur asas, malah menilai keperluan untuk infrastruktur masa hadapan bagi semua institusi pendidikan KPM dapat direalisasikan menjelang tahun 2025.

JADUAL / DATA

Jadual 7.1
Bilangan Prasekolah KPM

Tahun	Bilangan Prasekolah
2011	5,781
2012	5,899
2013	5,961
2014	5,984
2015	6,031
2016	6,057
2017	6,096
2018	6,111
2019	6,158
2020	6,192

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 7.2
Bilangan dan Peratus Sekolah Rendah KPM

Tahun	SK		SJKC		SJKT		SABK		SPK		Sekolah Model Khas K9		Jumlah
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
2011	5,854	75.89	1,291	16.74	523	6.78	18	0.23	28	0.36	0	0.00	7,714
2012	5,851	75.77	1,294	16.76	523	6.77	26	0.34	28	0.36	0	0.00	7,722
2013	5,865	75.74	1,293	16.70	523	6.75	35	0.45	28	0.36	0	0.00	7,744
2014	5,867	75.64	1,295	16.70	523	6.74	36	0.46	28	0.36	7	0.09	7,756
2015	5,873	75.65	1,295	16.68	524	6.75	36	0.46	28	0.36	7	0.09	7,763
2016	5,879	75.64	1,298	16.70	524	6.74	36	0.46	28	0.36	7	0.09	7,772
2017	5,878	75.59	1,298	16.69	524	6.74	40	0.51	28	0.36	8	0.10	7,776
2018	5,874	75.56	1,298	16.70	525	6.75	41	0.53	28	0.36	8	0.10	7,774
2019	5,872	75.54	1,299	16.71	525	6.75	41	0.53	28	0.36	8	0.10	7,773
2020	5,875	75.51	1,299	16.70	527	6.77	43	0.55	28	0.36	8	0.10	7,780

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 7.3
Bilangan dan Peratus Sekolah Menengah KPM

Tahun	SMK		SBK		SMKA		SMT		KV		Kolej Tingkatan 6		SABK		Sekolah Model Khas		SPK		Sekolah Sukan		Sekolah Seni		SBJK		Jumlah
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
2011	1,916	83.96	61	2.67	56	2.45	34	1.49	54	2.37	0	0.00	142	6.22	11	0.48	4	0.18	2	0.09	2	0.09	0	0.00	2,282
2012	1,933	83.79	65	2.82	56	2.43	18	0.78	70	3.03	0	0.00	144	6.24	11	0.48	5	0.22	3	0.13	2	0.09	0	0.00	2,307
2013	1,950	83.08	67	2.85	57	2.43	18	0.77	70	2.98	0	0.00	163	6.95	11	0.47	5	0.21	4	0.17	2	0.09	0	0.00	2,347
2014	1,970	82.91	68	2.86	57	2.40	17	0.72	72	3.03	0	0.00	168	7.07	11	0.46	5	0.21	4	0.17	3	0.13	1	0.04	2,376
2015	1,977	82.48	69	2.88	57	2.38	9	0.38	80	3.34	0	0.00	181	7.55	11	0.46	5	0.21	4	0.17	3	0.13	1	0.04	2,397
2016	1,986	82.51	69	2.87	57	2.37	9	0.37	80	3.32	0	0.00	181	7.52	11	0.45	6	0.25	4	0.17	3	0.12	1	0.04	2,407
2017	1,992	82.45	69	2.86	58	2.40	9	0.37	82	3.39	0	0.00	180	7.45	11	0.46	6	0.25	5	0.21	3	0.12	1	0.04	2,416
2018	1,989	81.75	69	2.84	59	2.42	9	0.37	87	3.58	14	0.58	180	7.40	11	0.45	6	0.25	5	0.21	3	0.12	1	0.04	2,433
2019	1,986	81.43	69	2.83	60	2.46	9	0.37	88	3.61	21	0.86	180	7.38	11	0.45	6	0.25	4	0.16	4	0.16	1	0.04	2,439
2020	1,983	81.27	69	2.83	60	2.46	9	0.37	89	3.65	23	0.94	180	7.38	11	0.45	6	0.25	5	0.20	4	0.16	1	0.04	2,440

Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 7.4*Bilangan dan Peratus Sekolah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Tempoh Masa Bekalan*

Tahun	Tempoh Masa Bekalan Elektrik						Jumlah
	24 Jam		Kurang 24 Jam		Tiada bekalan elektrik		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
2011	9,660	96.64	333	3.33	3	0.03	9,996
2012	9,758	97.30	266	2.65	5	0.05	10,029
2013	9,852	97.63	237	2.35	2	0.02	10,091
2014	9,934	98.05	194	1.91	4	0.04	10,132
2015	9,981	98.24	176	1.73	3	0.03	10,160
2016	10,034	98.58	143	1.40	2	0.02	10,179
2017	10,054	98.65	137	1.34	1	0.01	10,192
2018	10,075	98.71	131	1.28	1	0.01	10,207
2019	10,047	98.38	164	1.61	1	0.01	10,212
2020	10,061	98.44	159	1.56	0	0.00	10,220

Sumber : EMIS

Jadual 7.4.1*Bilangan dan Peratus Sekolah Rendah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Tempoh Masa Bekalan*

Tahun	Tempoh Masa Bekalan Elektrik						Jumlah
	24 Jam		Kurang 24 Jam		Tiada bekalan elektrik		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
2011	7,404	95.98	307	3.98	3	0.04	7,714
2012	7,472	96.76	245	3.17	5	0.06	7,722
2013	7,526	97.18	216	2.79	2	0.03	7,744
2014	7,577	97.69	175	2.26	4	0.05	7,756
2015	7,603	97.94	157	2.02	3	0.04	7,763
2016	7,645	98.37	125	1.61	2	0.03	7,772
2017	7,660	98.51	115	1.48	1	0.01	7,776
2018	7,668	98.64	105	1.35	1	0.01	7,774
2019	7,627	98.12	145	1.87	1	0.01	7,773
2020	7,639	98.19	141	1.81	0	0.00	7,780

Sumber : EMIS

Jadual 7.4.2*Bilangan dan Peratus Sekolah Menengah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Tempoh Masa Bekalan*

Tahun	Tempoh Masa Bekalan Elektrik						Jumlah
	24 Jam		Kurang 24 Jam		Tiada bekalan elektrik		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
2011	2,256	98.86	26	1.14	0	0.00	2,282
2012	2,286	99.09	21	0.91	0	0.00	2,307
2013	2,326	99.11	21	0.89	0	0.00	2,347
2014	2,357	99.20	19	0.80	0	0.00	2,376
2015	2,378	99.21	19	0.79	0	0.00	2,397
2016	2,389	99.25	18	0.75	0	0.00	2,407
2017	2,398	99.25	18	0.75	0	0.00	2,416
2018	2,415	99.26	18	0.74	0	0.00	2,433
2019	2,420	99.22	19	0.78	0	0.00	2,439
2020	2,422	99.26	18	0.74	0	0.00	2,440

Sumber : EMIS

Jadual 7.4.3*Bilangan dan Peratus Sekolah dengan Kemudahan Bekalan Elektrik Mengikut Sumber Bekalan*

Tahun	Sumber Bekalan														Jumlah
	Elektrik 1 Fasa		Elektrik 3 Fasa		Jana Kuasa		Hibrid Solar		Solar		Lain-lain		Tiada Bekalan Elektrik		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
2011	3,027	30.28	6,345	63.48	504	5.04	86	0.86	25	0.25	6	0.06	3	0.03	9,996
2012	2,963	29.54	6,462	64.43	456	4.55	109	1.09	27	0.27	7	0.07	5	0.05	10,029
2013	2,935	29.09	6,563	65.04	434	4.30	119	1.18	32	0.32	6	0.06	2	0.02	10,091
2014	2,903	28.65	6,647	65.60	420	4.15	122	1.20	32	0.32	4	0.04	4	0.04	10,132
2015	2,863	28.18	6,720	66.14	412	4.06	141	1.39	20	0.20	1	0.01	3	0.03	10,160
2016	2,807	27.58	6,797	66.77	410	4.03	156	1.53	1	0.01	6	0.06	2	0.02	10,179
2017	2,779	27.27	6,841	67.12	410	4.02	154	1.51	2	0.02	5	0.05	1	0.01	10,192
2018	2,767	27.11	6,877	67.38	402	3.94	151	1.48	2	0.02	7	0.07	1	0.01	10,207
2019	2,552	24.99	7,121	69.73	395	3.87	136	1.33	2	0.02	5	0.05	1	0.01	10,212
2020	2,541	24.86	7,148	69.94	392	3.84	128	1.25	2	0.02	9	0.09	0	0.00	10,220

Sumber : EMIS

Jadual 7.5
Bilangan dan Peratus Sekolah dengan Kemudahan Bekalan Air Awam

Tahun	Bekalan Air Awam				Jumlah
	Ada		Tiada*		
	Bil	%	Bil	%	
2011	8,546	85.49	1,450	14.51	9,996
2012	8,596	85.71	1,433	14.29	10,029
2013	8,684	86.06	1,407	13.94	10,091
2014	8,753	86.39	1,379	13.61	10,132
2015	8,822	86.83	1,338	13.17	10,160
2016	8,873	87.17	1,306	12.83	10,179
2017	8,912	87.44	1,280	12.56	10,192
2018	8,971	87.89	1,236	12.11	10,207
2019	9,007	88.20	1,205	11.80	10,212
2020	9,031	88.37	1,189	11.63	10,220

Sumber : EMIS

Nota : *Termasuk air hujan, pancur graviti, perigi, sungai/ tali air dan tangki/ takungan air.

Jadual 7.5.1
Bilangan dan Peratus Sekolah Rendah dengan Kemudahan Bekalan Air Awam

Tahun	Bekalan Air Awam				Jumlah
	Ada		Tiada*		
	Bil	%	Bil	%	
2011	6,327	82.02	1,387	17.98	7,714
2012	6,351	82.25	1,371	17.75	7,722
2013	6,400	82.64	1,344	17.36	7,744
2014	6,436	82.98	1,320	17.02	7,756
2015	6,482	83.50	1,281	16.50	7,763
2016	6,521	83.90	1,251	16.10	7,772
2017	6,546	84.18	1,230	15.82	7,776
2018	6,588	84.74	1,186	15.26	7,774
2019	6,612	85.06	1,161	14.94	7,773
2020	6,632	85.24	1,148	14.76	7,780

Sumber : EMIS

Nota : *Termasuk air hujan, pancur graviti, perigi, sungai/ tali air dan tangki/ takungan air.

Jadual 7.5.2*Bilangan dan Peratus Sekolah Menengah dengan Kemudahan Bekalan Air Awam*

Tahun	Bekalan Air Awam				Jumlah
	Ada		Tiada*		
	Bil	%	Bil	%	
2011	2,219	97.24	63	2.76	2,282
2012	2,245	97.31	62	2.69	2,307
2013	2,284	97.32	63	2.68	2,347
2014	2,317	97.52	59	2.48	2,376
2015	2,340	97.62	57	2.38	2,397
2016	2,352	97.71	55	2.29	2,407
2017	2,366	97.93	50	2.07	2,416
2018	2,383	97.94	50	2.06	2,433
2019	2,395	98.20	44	1.80	2,439
2020	2,399	98.32	41	1.68	2,440

Sumber : EMIS

Nota : *Termasuk air hujan, pancur graviti, perigi, sungai/ tali air dan tangki/ takungan air.

Jadual 7.6.1*Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Rendah*

Tahun	Bil. Sekolah Rendah	Sekolah Rendah dengan Kemudahan Komputer PdP		Bil. Komputer PdP di Sekolah Rendah
		Bil	%	
2016	7,772	5,487	70.60	93,983
2017	7,776	6,218	79.96	114,500
2018	7,774	6,135	78.92	106,262
2019	7,773	6,115	78.67	106,812
2020	7,780	6,497	83.51	115,394

Sumber : EMIS

Jadual 7.6.2
Kemudahan Komputer PdP di Sekolah Menengah

Tahun	Bil. Sekolah Menengah	Sekolah Menengah dengan Kemudahan Komputer PdP		Bil. Komputer PdP di Sekolah Menengah
		Bil	%	
2016	2,407	1,616	67.14	55,285
2017	2,416	1,927	79.76	66,803
2018	2,433	1,940	79.74	66,164
2019	2,439	1,949	79.91	66,107
2020	2,440	2,106	86.31	73,566

Sumber : EMIS

Jadual 7.7
Bilangan dan Peratus Sekolah dengan Kemudahan untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Tahun	Sekolah tanpa kemudahan MBK		Sekolah dengan satu kemudahan MBK		Sekolah dengan dua kemudahan MBK		Sekolah dengan tiga kemudahan MBK		Sekolah dengan empat kemudahan MBK		Jumlah sekolah dengan sekurang-kurangnya satu kemudahan MBK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
2011	9,657	96.61	310	3.10	26	0.26	3	0.03	0	0.00	339	0.03
2012	9,501	94.74	488	4.87	36	0.36	3	0.03	1	0.01	528	0.05
2013	9,367	92.83	662	6.56	53	0.53	8	0.08	1	0.01	724	0.07
2014	9,147	90.28	887	8.75	75	0.74	20	0.20	3	0.03	985	0.10
2015	8,980	88.39	1,044	10.28	95	0.94	38	0.37	3	0.03	1,180	0.12
2016	8,808	86.53	1,204	11.83	119	1.17	45	0.44	3	0.03	1,371	0.13
2017	8,748	85.83	1,267	12.43	129	1.27	45	0.44	3	0.03	1,444	0.14
2018	8,658	84.82	1,357	13.29	140	1.37	49	0.48	3	0.03	1,549	0.15
2019	8,508	83.31	1,457	14.27	172	1.68	66	0.65	9	0.09	1,704	0.17
2020	8,398	82.17	1,500	14.68	215	2.10	97	0.95	10	0.10	1,822	0.18

Sumber : EMIS

Nota : Kemudahan MBK merujuk kepada penyediaan susur masuk (*ramp*), pemegang (*handrails*), lif dan tandas MBK.

BAB 8

**INDIKATOR
PENDIDIKAN
DUNIA**



8.1 PENGENALAN

Penandaarasan dan perbandingan indikator pendidikan pada peringkat antarabangsa penting dalam perancangan, penggubalan dasar dan membuat keputusan berpandukan data (*data-driven decision making*). Hal ini bertujuan untuk memberi akses kepada pendidikan berkualiti, meningkatkan prospek sosial dan ekonomi serta menghasilkan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Malaysia adalah antara negara terawal yang terlibat dalam projek indikator *World Education Indicator* (WEI) yang dianjurkan oleh UIS bermula dari tahun 1997 hingga kini.

Bermula 1 Januari 2016, kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia telah meratifikasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2030. SDG merupakan kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Millennium (MDG) dan dikenali sebagai agenda tindakan untuk manusia, dunia dan kemakmuran yang merangkumi semua isu pembangunan lestari. Bagi pendidikan, tumpuan adalah kepada Sasaran ke-4 (SDG4), iaitu untuk memastikan pendidikan berkualiti, inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Perkembangan ini telah merangsang pembangunan dan pengubahsuaian 11 indikator pendidikan global dan 32 indikator tematik bagi tujuan pemantauan dan pengesanan untuk memastikan 10 sasaran dalam SDG4 Agenda *Education* 2030 tercapai.

Indikator pendidikan terpilih sering digunakan dalam penilaian daya saing negara pada peringkat antarabangsa seperti UN *E-Government Survey*, *Global Innovation Index*, *The Global Competitiveness Report*, *World Competitiveness Yearbook* dan *The Future of Jobs Report*. Penandaarasan dan perbandingan indikator pendidikan juga dilihat selaras dengan hasrat kerajaan dalam PPPM 2013-2025, iaitu memastikan pendidikan yang berkualiti dinikmati oleh setiap murid di Malaysia. Hal ini penting untuk menghasilkan modal insan yang berupaya menyumbangkan ilmu dan kemahiran, serta berdaya saing pada peringkat global.

Bab ini membincangkan mengenai indikator pendidikan Malaysia berbanding negara yang terpilih. Negara yang dipilih dalam kalangan negara ASEAN ialah Thailand, manakala perbandingan dengan negara Chile dibuat kerana negara ini mencatatkan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang hampir sama dengan Malaysia. Bagi negara maju, pencapaian Malaysia ditanda aras berbanding negara Korea Selatan. Negara Finland pula dipilih kerana pencapaiannya dalam pentaksiran antarabangsa dan kedudukan daya saingnya dalam menegenahkan pendidikan berkualiti tinggi. Bab ini menganalisis indikator pendidikan utama mengikut tema akses, kualiti, ekuiti dan kecekapan. Bagi tema kualiti, kekangan ketersediaan data mengakibatkan perbandingan dibuat dalam kalangan negara ASEAN sahaja.


8.2 AKSES DAN PENYERTAAN

8.2.1 Pendidikan Wajib dan Percuma

Kewujudan perundangan negara yang menjamin hak untuk mendapat pendidikan pada peringkat umur atau peringkat pendidikan tertentu menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan kanak-kanak dapat mengikuti persekolahan secara konsisten. Semakin tinggi bilangan tahun pendidikan wajib dan percuma, semakin tinggi peluang kanak-kanak untuk kekal bersekolah. Rajah 8.1 menunjukkan perbandingan bilangan tahun pendidikan percuma dan wajib di Malaysia dengan negara lain dan purata global.

Rajah 8.1

Perbandingan Bilangan Tahun Pendidikan Percuma dan Wajib di Malaysia dengan Negara Lain dan Purata Global



Malaysia menawarkan pendidikan percuma bagi tempoh 11 tahun, iaitu daripada sekolah rendah hingga tamat Tingkatan 5. Begitu juga dengan negara lain, pendidikan percuma diberikan kepada semua murid peringkat rendah dan menengah, iaitu 12 tahun di negara Finland, Thailand dan Chile. Korea Selatan menawarkan pendidikan percuma bagi tempoh paling pendek, iaitu 9 tahun sahaja daripada peringkat rendah hingga ke menengah rendah. Pendidikan menengah atas di Korea tidak wajib dan tidak percuma kerana negara tersebut menyediakan pilihan pendidikan peringkat menengah atas yang pelbagai dan lebih berautonomi dengan kos yang lebih tinggi.

Bagi pendidikan wajib, kebanyakan negara termasuk Thailand, Korea Selatan dan Finland menyediakan pendidikan wajib bermula pada peringkat rendah hingga tamat peringkat menengah rendah. Chile menyediakan pendidikan wajib bagi tempoh terpanjang, iaitu selama 12 tahun. Walaupun Malaysia ketika ini menetapkan pendidikan wajib selama 6 tahun, tetapi KPM telahpun menyediakan draf Rang Undang-Undang Pendidikan bagi melanjutkan tempoh pendidikan wajib dari peringkat rendah sahaja kepada 11 tahun, iaitu hingga tamat peringkat menengah.


8.2.2 Kadar Penyertaan

Indikator kadar penyertaan pada peringkat antarabangsa turut dikira dari peringkat prasekolah hingga pendidikan tertiar. Pendidikan prasekolah dan penjagaan awal kanak-kanak berperanan besar dalam perkembangan kognitif, emosi, pembelajaran dan kesejahteraan (*well-being*) diri kanak-kanak. Pendidikan asas yang bermula pada peringkat awal usia berupaya menyediakan individu yang lebih bersedia terutamanya bagi kanak-kanak daripada latar belakang status sosioekonomi yang rendah. Hal ini disebabkan kekurangan peluang untuk mengembangkan kebolehan dalam persekitaran pembelajaran di rumah yang kurang kondusif. Sasaran 4.2 dalam SDG4 telah menyasarkan bahawa menjelang tahun 2030, semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti supaya mereka lebih bersedia untuk pendidikan peringkat rendah.

Terdapat dua indikator berkaitan prasekolah, iaitu kadar penyertaan murid prasekolah secara keseluruhan dan kumpulan umur kanak-kanak setahun sebelum pendidikan rendah sebagai persediaan penting memasuki Tahun 1. Nilai indikator yang tinggi atau menghampiri 100 peratus menunjukkan bahawa semua atau kebanyakan kanak-kanak mengambil bahagian dalam pembelajaran yang sistematik sebelum umur rasmi persekolahan pada peringkat rendah. Rajah 8.2(a) menunjukkan perbandingan kadar penyertaan murid pada peringkat prasekolah di Malaysia dengan negara lain dan purata global, manakala Rajah 8.2(b) menunjukkan perbandingan kadar penyertaan murid setahun sebelum pendidikan rendah di Malaysia dengan negara lain dan purata global.

Rajah 8.2

Perbandingan Kadar Penyertaan Murid pada Peringkat Prasekolah di Malaysia dengan Negara Lain dan Purata Global




Berdasarkan Rajah 8.2(a), Malaysia menunjukkan kadar penyertaan bagi peringkat prasekolah, iaitu 98.06 peratus. Kadar ini belum dapat menandingi negara Finland dengan kadar penyertaan prasekolah melebihi 100 peratus. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan Malaysia adalah lebih baik berbanding negara Korea Selatan dan Chile, serta jauh melepasi purata global. Negara Thailand pula menunjukkan kadar penyertaan prasekolah terendah, iaitu 78.60 peratus.

Rajah 8.2(b) menunjukkan kadar penyertaan murid setahun sebelum pendidikan rendah di Malaysia, iaitu 99.25 peratus, yang merupakan kadar tertinggi berbanding negara Finland (98.84), Thailand (98.73) dan Chile (95.27), manakala Korea Selatan mencatatkan peratus terendah, iaitu 89.34 peratus.

Pada peringkat dunia, purata kadar penyertaan murid bagi peringkat rendah telah mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus daripada populasi. Situasi ini menunjukkan liputan pendidikan asas yang hampir sejagat. Rajah 8.3 menunjukkan perbandingan kadar penyertaan peringkat rendah hingga tertiar di Malaysia dengan negara lain dan purata global.

Rajah 8.3

Perbandingan Kadar Penyertaan Peringkat Rendah hingga Tertiar di Malaysia dengan Negara Lain dan Purata Global



Bagi peringkat pendidikan rendah, Malaysia mencatatkan peratus tertinggi, diikuti oleh Chile, Thailand dan Korea Selatan serta purata global, yang kesemuanya menunjukkan kadar penyertaan melebihi 100 peratus. Walau bagaimanapun, Finland menunjukkan kadar penyertaan terendah pada peringkat rendah dengan 99.92 peratus.

Seterusnya, pada peringkat menengah, Finland mencatatkan kadar penyertaan tertinggi sebanyak 145.32 peratus, diikuti oleh Thailand (115.15), Chile (103.67) dan Korea Selatan (95.87). Malaysia menunjukkan kadar penyertaan terendah pada peringkat menengah kerana pelaporan antarabangsa bagi menengah atas turut mengambil kira pelajar peringkat lepas menengah, seperti Prauniversiti, Matrikulasi dan juga pelajar Tahun 1 peringkat sijil dan diploma. Walaupun begitu, kadar penyertaan Malaysia bagi peringkat menengah telah melebihi nilai purata global.

Pada peringkat tertiar, Korea Selatan menunjukkan kadar penyertaan tertinggi, iaitu pada 98.45 peratus diikuti Chile (93.10) dan Finland (92.96). Kedua-dua negara Malaysia dan Thailand mencatatkan kadar penyertaan peringkat tertiar sekitar 40 peratus sahaja, namun melebihi purata global, iaitu 39.41 peratus. Bagi Malaysia terutamanya, kadar penyertaan dilihat mengalami penurunan yang ketara mengikut peringkat pendidikan. Penurunan kadar ini dapat dilihat daripada peringkat rendah yang melebihi 100 peratus hingga peringkat tertiar dengan hanya mencatatkan kadar penyertaan pada 43.06 peratus. Hal ini disebabkan murid mula menunjukkan transisi kepada dunia pekerjaan.


Secara keseluruhan, bagi kadar penyertaan peringkat rendah hingga tertiar, Finland menduduki tangga teratas dengan 115.65 peratus, diikuti oleh Chile (99.93), Korea Selatan (98.40) dan Thailand (90.87). Malaysia pula mencatatkan peratus terendah, iaitu 77.61 peratus, namun masih melebihi purata global. Pelbagai usaha kerajaan seperti memperkukuh pendidikan teknik dan vokasional serta menjadikan peningkatan enrolmen sebagai tumpuan utama dalam PPPM 2013-2025 untuk meningkatkan kadar penyertaan pada semua peringkat pendidikan.

8.2.3 Purata Tahun Persekolahan

Purata tahun persekolahan ialah purata bilangan tahun tamat pendidikan bagi populasi penduduk negara yang berumur 25 tahun ke atas, tidak termasuk bilangan tahun yang dihabiskan bagi seseorang murid untuk mengulang gred. Indikator ini diambil kira dalam laporan UN *E-Government Survey* dan *The Global Competitiveness Report* kerana taburan pencapaian pendidikan sesebuah negara dinyatakan hanya melalui satu nilai. Purata tahun persekolahan turut digunakan dalam model ekonomi dan alam sekitar sebagai indikator utama yang menggambarkan pencapaian pendidikan dan modal insan. Indikator ini dianalisis daripada data yang dikumpul melalui banci dan tinjauan dalam negara. Rajah 8.4 menunjukkan perbandingan purata tahun persekolahan di Malaysia dengan negara lain.

Rajah 8.4

Perbandingan Purata Tahun Persekolahan di Malaysia dengan Negara Lain




Purata tahun persekolahan di Malaysia ialah 10.65 tahun dan nilai ini melebihi purata bagi Chile, iaitu 10.59 tahun dan Thailand, iaitu 8.70 tahun. Walau bagaimanapun, purata tersebut belum dapat mengatasi Korea Selatan dan Finland, yang telah melepasi purata 12 tahun persekolahan. Peningkatan nilai ini dijangka dapat dicapai apabila pendidikan bukan formal diiktiraf dan sistem pengumpulan data ditambah baik.

8.2.4 Tempoh Jangkaan Pendidikan (*School Life Expectancy*)

Tempoh jangkaan pendidikan merujuk kepada jangkaan tahun seorang kanak-kanak yang mencapai umur persekolahan akan mendapat pendidikan sepanjang hayatnya. Semakin panjang tempoh ini, menunjukkan semakin tinggi peluang yang tersedia bagi kanak-kanak memperoleh pendidikan yang lebih tinggi. Rajah 8.5 menunjukkan perbandingan tempoh jangkaan pendidikan di Malaysia dengan negara lain dan purata global.

Rajah 8.5

Perbandingan Tempoh Jangkaan Pendidikan di Malaysia dengan Negara Lain dan Purata Global



Pada masa kini, tempoh jangkaan pendidikan bagi Malaysia adalah 13.49 tahun. Tempoh ini adalah lebih pendek jika dibandingkan dengan Finland (19.05 tahun), Korea Selatan (16.52 tahun), Chile (16.73 tahun) dan Thailand (15.42 tahun). Tempoh jangkaan pendidikan yang pendek bagi Malaysia selari dengan kadar penyertaan murid, yang memilih untuk tidak melanjutkan pelajaran mereka selepas tamat Tingkatan 5. Nilai tempoh jangkaan pendidikan ini dapat ditingkatkan dengan menggalakkan lebih ramai murid menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

KPM juga telah menyediakan beberapa alternatif dalam pendidikan aliran perdana dengan melaksanakan Pelan TPV bagi tujuan memartabatkan pendidikan TVET. TPV telah mengubah landskap pendidikan TVET dalam menghasilkan graduan KV KPM yang berkualiti serta mempunyai kebolehpasaran yang tinggi untuk memenuhi keperluan IR 4.0.

8.3 KUALITI


Dalam PPPM 2013-2025, peningkatan kualiti pendidikan difokuskan dengan memberi peluang kepada semua murid untuk mendapat pendidikan berkualiti berdasarkan keunikan sistem pendidikan Malaysia yang setanding dengan sistem pendidikan antarabangsa. Antara aspirasi sistem pendidikan negara adalah untuk meletakkan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA). Kualiti pendidikan juga dapat ditentukan oleh beberapa aspek berkaitan guru terlatih dan berkelayakan serta infrastruktur sekolah. Nisbah murid guru merupakan indikator yang dapat mengukur beban tugas guru. Nisbah yang lebih rendah dijangka boleh mewujudkan kualiti pendidikan yang lebih baik kerana guru dapat memberi perhatian kepada keperluan murid secara individu dan kawalan kelas yang lebih baik semasa proses PdP.

8.3.1 Nisbah Murid kepada Guru Terlatih Mengikut Peringkat Pendidikan

Guru memainkan peranan utama dalam memastikan penyampaian pendidikan yang berkualiti. Sehubungan itu, semua guru seharusnya menerima latihan pedagogi yang mencukupi, sesuai dan relevan untuk pengajaran pada setiap peringkat pendidikan. Indikator ini disarankan dalam mencapai matlamat SDG4 kerana bukan sahaja mengukur nisbah murid kepada guru, tetapi turut mengambil kira tenaga pengajar yang mempunyai latihan keguruan atau ikhtisas. Rajah 8.6 menunjukkan perbandingan nisbah murid kepada guru terlatih mengikut peringkat pendidikan di Malaysia dengan negara lain.

Rajah 8.6

Perbandingan Nisbah Murid kepada Guru Terlatih Mengikut Peringkat Pendidikan di Malaysia dengan Negara Lain




Bagi peringkat prasekolah, Vietnam mempunyai nisbah murid kepada guru terlatih terkecil iaitu 16.13, diikuti oleh Malaysia (18.75), Brunei (30.25) dan Filipina (33.12). Bagi peringkat rendah pula, Brunei dan Thailand masing-masing mencatatkan nisbah kurang daripada 12, diikuti oleh Malaysia (12.33), Singapura (14.51), Vietnam, (21.87) dan Filipina (25.66). Bagi peringkat menengah, Brunei mempunyai nisbah murid kepada guru terlatih paling kecil, iaitu 9.05, diikuti oleh Singapura (11.57) dan Malaysia (12.68). Negara lain seperti Thailand dan Filipina mempunyai nisbah melebihi 20. Secara keseluruhan, Filipina mencatatkan nisbah murid kepada guru terlatih tertinggi berbanding negara lain bagi ketiga-tiga peringkat pendidikan. Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai nisbah murid kepada guru terlatih yang kecil dan agak baik bagi kesemua peringkat pendidikan selaras dengan hasrat aspirasi sistem dalam PPPM 2013-2025.

8.3.2 Nisbah Murid kepada Guru Berkelayakan

Selain nisbah murid kepada guru terlatih, nisbah murid kepada guru berkelayakan juga adalah ukuran yang lebih spesifik dalam mengambil kira tenaga pengajar berkelayakan dari segi akademik bagi mata pelajaran yang diajar. Rajah 8.7 menunjukkan perbandingan nisbah murid kepada guru berkelayakan mengikut peringkat pendidikan di Malaysia dengan negara lain.

Rajah 8.7

Perbandingan Nisbah Murid kepada Guru Berkelayakan Mengikut Peringkat Pendidikan di Malaysia dengan Negara Lain




Pada peringkat prasekolah, Brunei dan Malaysia mencatatkan nisbah terbaik, iaitu kurang daripada 17 murid bagi seorang guru berkelayakan berbanding Indonesia, dengan nisbah 21.07 dan Filipina, iaitu 33.39. Pada peringkat rendah, Brunei turut mempunyai nisbah terkecil, iaitu 9.77, diikuti dengan Malaysia (12.23) dan Thailand (12.96), berbanding negara yang mempunyai nisbah murid kepada guru berkelayakan yang lebih tinggi seperti Singapura (14.20), Indonesia (17.82) dan Filipina (25.78). Bagi peringkat menengah pula, Brunei masih mencatatkan nisbah paling kecil, iaitu 8.85, diikuti Singapura (11.33), Malaysia (11.78) dan Indonesia (16.76). Filipina, seperti peringkat prasekolah dan rendah, mempunyai nisbah murid kepada guru berkelayakan yang tinggi, dengan nisbah 25.19, diikuti dengan Thailand, iaitu 26.25. Secara keseluruhannya, nisbah murid kepada guru berkelayakan bagi Malaysia adalah antara yang terbaik berbanding dengan negara serantau yang lain.

8.3.3 Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Bacaan

Pentaksiran untuk domain Bacaan bagi murid pada akhir peringkat rendah diukur melalui pentaksiran *South East Asia-Primary Learning Metrics* (SEA-PLM), manakala bagi peringkat akhir menengah rendah, data diperoleh daripada PISA yang diduduki oleh murid Tingkatan 2. Tahap profisiensi minimum bagi SEA-PLM merujuk kepada murid yang mencapai sekurang-kurangnya *Band 6*, manakala tahap profisiensi minimum bagi PISA adalah sekurang-kurangnya Aras 2 dan ke atas. Indikator ini mengukur keupayaan murid untuk membaca teks naratif dan ekspositori yang mudah dan pendek dengan sendiri serta lancar. Indikator ini juga mengukur keupayaan murid mencari maklumat secara eksplisit di samping dapat mentafsir dan memberi penjelasan berkaitan idea utama dalam teks. Mereka juga boleh memberikan pendapat atau pertimbangan peribadi yang ringkas tentang maklumat, peristiwa dan watak dalam teks. Rajah 8.8 menunjukkan perbandingan pencapaian sekurang-kurangnya tahap profisiensi minimum dalam Bacaan bagi kedua-dua pentaksiran antara murid di Malaysia dengan negara lain.

Rajah 8.8

Perbandingan Pencapaian Sekurang-Kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Bacaan antara Murid di Malaysia dengan Negara Lain



Bagi akhir peringkat rendah, pencapaian Malaysia ditanda aras dengan dua negara ASEAN yang lain, iaitu Filipina dan Vietnam. Vietnam menduduki tangga tertinggi dengan 82.00 peratus, diikuti Malaysia, dengan 58.00 peratus dan pencapaian terendah adalah negara Filipina dengan hanya 10 peratus murid yang melepasi tahap profisiensi minimum tersebut.


Bagi akhir peringkat menengah rendah, murid Vietnam menunjukkan peratus tertinggi, iaitu sebanyak 86.16 peratus, diikuti Malaysia (54.17), Brunei (48.20), Thailand (40.46) dan Indonesia (30.09). Negara yang mencatatkan peratus terendah bagi murid yang mencapai sekurang-kurangnya tahap profisiensi minimum dalam Bacaan adalah Filipina, dengan 19.38 peratus.

8.3.4 Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Matematik

Seperti domain Bacaan, peratus murid mencapai sekurang-kurangnya tahap profisiensi minimum bagi domain Matematik SEA-PLM adalah pencapaian sekurang-kurangnya *Band* 6 dan ke atas, manakala bagi akhir peringkat menengah rendah, tahap profisiensi minimum adalah sekurang-kurangnya Aras 2 dan ke atas dalam pentaksiran PISA. Secara keseluruhan, pencapaian Matematik bagi Malaysia adalah lebih baik berbanding Bacaan pada kedua-dua peringkat pendidikan. Rajah 8.9 menunjukkan perbandingan pencapaian sekurang-kurangnya tahap profisiensi minimum dalam Matematik antara murid di Malaysia dengan negara lain.

Rajah 8.9

Perbandingan Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Matematik antara Murid di Malaysia dengan Negara Lain




Pada akhir peringkat rendah, Malaysia memperoleh 64.00 peratus, iaitu purata yang jauh lebih baik daripada Filipina, dengan 17.00 peratus. Walau bagaimanapun, pencapaian Malaysia berbeza sebanyak 28 peratus dengan pencapaian Vietnam. Bagi akhir peringkat menengah rendah pula, pencapaian dalam Matematik bagi Malaysia adalah 54.17 peratus, mendahului negara lain seperti Brunei (52.13), Thailand (47.30) dan Indonesia (31.35). Walau bagaimanapun, Vietnam masih mendahului Malaysia dengan 80.90 peratus bagi domain Matematik.

8.4 EKUITI

8.4.1 Indeks Pariti Jantina (GPI)

GPI ialah indeks sosioekonomi yang dibangunkan oleh UNESCO bagi mengukur perbandingan antara lelaki dan perempuan. Pengiraan GPI melibatkan kadar penyertaan murid perempuan dibahagikan dengan kadar penyertaan murid lelaki pada peringkat pendidikan tertentu. Nilai GPI 1 menandakan kesaksamaan atau ekuiti antara lelaki dan perempuan. Nilai kurang daripada 1 merupakan petunjuk bahawa pariti jantina memihak kepada lelaki, manakala nilai lebih tinggi daripada 1 menunjukkan pariti jantina yang memihak kepada perempuan. Semakin hampir GPI dengan nilai 1, maka kesaksamaan akses pendidikan murid lelaki dan perempuan sesebuah negara semakin hampir tercapai. Rajah 8.10 menunjukkan perbandingan indeks pariti jantina bagi penyertaan peringkat rendah hingga tertiar di Malaysia dengan negara lain dan purata global.

Rajah 8.10
Perbandingan Indeks Pariti Jantina bagi Penyertaan Peringkat Rendah hingga Tertiar di Malaysia dengan Negara Lain dan Purata Global




Berdasarkan Rajah 8.10, Malaysia mencatatkan nilai GPI 1.08, iaitu lebih baik berbanding Finland, dengan kadar penyertaan murid perempuan lebih tinggi berbanding murid lelaki. Selain Malaysia dan Finland, Thailand, Chile serta purata GPI global lebih memihak kepada perempuan, manakala Korea Selatan mencatatkan nilai GPI 0.93, yang menunjukkan bahawa kadar penyertaan murid bagi peringkat rendah hingga tertiar di negara tersebut lebih memihak kepada lelaki.

8.4.2 Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Bacaan dan Jurang Lokasi, Status Sosioekonomi (SES) dan Jantina

Pemahaman mengenai ekuiti peluang pendidikan mengikut lokasi, SES dan jantina akan memberikan gambaran tentang pencapaian murid secara lebih menyeluruh dan memahami faktor ketidaksaksamaan agar penambahbaikan dapat dilakukan. KPM berusaha untuk mewujudkan dan mengekalkan peluang pembelajaran yang saksama bagi mengimbangi kesan ketidaksaksamaan sosial. Walau bagaimanapun, usaha tersebut adalah cabaran yang besar dan kritikal bagi semua negara. Rajah 8.11 menunjukkan perbandingan pencapaian sekurang-kurangnya tahap profisiensi minimum dalam Bacaan dan jurang lokasi, SES serta jantina antara murid di Malaysia dengan negara lain.

Rajah 8.11

Perbandingan Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Bacaan dan Jurang Lokasi, SES dan Jantina antara Murid di Malaysia dengan Negara Lain



Malaysia mencatatkan jurang perbezaan pencapaian tahap profisiensi minimum murid bandar dan luar bandar yang paling kecil bagi domain Bacaan, iaitu 5.13 peratus, manakala Indonesia pula mencatatkan jurang pencapaian mengikut lokasi yang paling besar, iaitu 36.26 peratus. Selain Indonesia, negara Thailand juga menunjukkan jurang lokasi yang besar. Tidak terdapat data pencapaian mengikut lokasi bagi negara Vietnam.

Bagi pencapaian tahap profisiensi mengikut SES, Malaysia mencatatkan jurang pencapaian SES, iaitu 42.98 peratus, yang lebih kecil daripada Brunei, tetapi lebih besar berbanding negara lain. Bagi pencapaian tahap profisiensi minimum mengikut jantina pula, Malaysia menunjukkan jurang jantina yang lebih kecil berbanding Thailand dan Vietnam, iaitu 14.11, tetapi lebih besar berbanding negara lain.


KPM berhasrat untuk merapatkan lagi jurang pencapaian antara murid yang berbeza tahap sosioekonomi menjelang tahun 2025 melalui pelbagai program seperti Program Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi serta Program Transformasi Daerah (DTP).

8.4.3 Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Matematik dan Jurang Lokasi, SES dan Jantina

Sistem pendidikan Malaysia bermatlamat agar semua kanak-kanak warganegara dilengkapi dengan keperluan pembelajaran yang saksama demi masa depan mereka. Namun, pencapaian pendidikan masih dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti latar belakang SES murid, lokasi dan jantina. Pencapaian murid dalam kalangan SES tinggi dan dari bandar cenderung mengatasi rakan sebaya mereka dari latar belakang SES yang lebih rendah dan dari kawasan luar bandar. Hal ini disebabkan oleh faktor seperti ketiadaan sumber rujukan di rumah, sokongan kewangan dan persekitaran kondusif yang dapat menggalakkan perkembangan kognitif murid. Selain itu, pencapaian murid juga sering dikaitkan dengan faktor jantina. Rajah 8.12 menunjukkan perbandingan pencapaian sekurang-kurangnya tahap profisiensi minimum dalam Matematik dan jurang lokasi, SES serta jantina antara murid di Malaysia dengan negara lain.

Rajah 8.12

Perbandingan Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profisiensi Minimum dalam Matematik dan Jurang Lokasi, SES dan Jantina antara Murid di Malaysia dengan Negara Lain



Malaysia mencatatkan jurang perbezaan pencapaian tahap profisiensi minimum murid bagi lokasi bandar dan luar bandar bagi domain Matematik, iaitu 13.42 peratus, yang lebih besar berbanding Brunei, tetapi lebih kecil berbanding negara lain. Bagi pencapaian tahap profisiensi minimum mengikut SES, Malaysia menunjukkan jurang pencapaian yang paling besar, iaitu 41.84 peratus, diikuti oleh Brunei (39.83), Thailand (31.54) dan Indonesia (28.15). Bagi pencapaian tahap profisiensi minimum mengikut jantina pula, Malaysia menunjukkan jurang jantina yang lebih kecil berbanding Thailand, iaitu 4.01, tetapi lebih besar berbanding negara lain.

8.5 KECEKAPAN DAN PELABURAN DALAM PENDIDIKAN


KPM berhasrat untuk meningkatkan kecekapan dan keupayaan dalam menyediakan pelbagai sokongan kewangan bagi pembangunan sekolah dan modal insan. Pelaburan dalam pendidikan dapat menjana perkembangan seseorang individu dan seterusnya dapat membangunkan sumber manusia bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan sosial sesebuah negara.

8.5.1 Perbelanjaan Pendidikan Berbanding KDNK Mengikut Peringkat Pendidikan (2019)

Perbelanjaan pendidikan berbanding KDNK bagi sesebuah negara menggambarkan sejauh mana kekayaan negara diperuntukkan kepada sektor pendidikan. Deklarasi Incheon yang diisytiharkan pada 21 Mei 2015 semasa Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Incheon, Korea Selatan telah menggesa negara dunia untuk menetapkan peruntukan sekurang-kurangnya 4 peratus daripada KDNK kepada bidang pendidikan bagi menambah baik kualiti bidang tersebut. Rajah 8.13 menunjukkan perbandingan perbelanjaan pendidikan berbanding KDNK mengikut peringkat pendidikan bagi Malaysia dan negara lain.

Rajah 8.13

Perbandingan Peratus Perbelanjaan Pendidikan Berbanding KDNK Mengikut Peringkat Pendidikan Bagi Malaysia dan Negara Lain



Bagi peringkat prasekolah, Malaysia mencatatkan peratus perbelanjaan pendidikan berbanding KDNK terendah, iaitu 0.14 peratus berbanding Korea Selatan (0.38) dan kedua-dua negara Chile dan Finland (0.74). Nilai ini masih jauh lebih kecil dan memberi gambaran bahawa perbelanjaan bagi pendidikan prasekolah di Malaysia masih belum setanding dengan negara lain.

Pada peringkat rendah pula, Malaysia mencatatkan perbelanjaan 1.52 peratus berbanding KDNK, iaitu melebihi negara lain seperti Korea Selatan (1.46) dan Finland (1.35). Peratus perbelanjaan pendidikan berbanding KDNK Malaysia bagi peringkat menengah menunjukkan nilai 1.85 peratus, iaitu lebih tinggi daripada Korea Selatan (1.74) dan Chile (1.54). Walau bagaimanapun, Finland mencatatkan peratus perbelanjaan lebih tinggi, iaitu 2.31 peratus. Bagi peringkat tertuari, Malaysia memperuntukkan perbelanjaan bagi pendidikan yang lebih tinggi berbanding Korea Selatan, iaitu 0.95 peratus, Walau bagaimanapun, jumlah tersebut masih rendah berbanding negara lain.


Kesimpulannya, keempat-empat negara termasuk Malaysia telah mencapai komitmen Deklarasi Incheon untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya 4 peratus daripada jumlah KDNK negara terhadap perbelanjaan pendidikan.

8.5.2 Kos Pembiayaan Permulaan Kerajaan Bagi Setiap Murid Berbanding KDNK Per Kapita

Kos purata murid dalam analisis ini adalah dalam mata wang Amerika Syarikat (USD) yang dikira berasaskan *purchasing power parity* (PPP). PPP menggambarkan kuasa beli yang sama terhadap barangan dan perkhidmatan di semua negara. Indikator ini menggambarkan jumlah pembiayaan yang dilaburkan secara purata bagi seorang murid, melangkaui sumber kerajaan supaya kos unit sebenar boleh dikira. Indikator tersebut juga boleh digunakan sama ada sebagai peratusan KDNK per kapita, atau dalam PPP, juga membolehkan perbandingan dibuat antara negara. Rajah 8.14 menunjukkan perbandingan peratus kos pembiayaan permulaan kerajaan bagi setiap murid berbanding KDNK per kapita bagi Malaysia dan negara lain.

Rajah 8.14

Perbandingan Peratus Kos Pembiayaan Permulaan Kerajaan Bagi Setiap Murid Berbanding KDNK Per Kapita Bagi Malaysia dan Negara Lain




Secara umumnya, kos pembiayaan permulaan bagi setiap murid berbanding KDNK per kapita di Malaysia meningkat pada peringkat yang lebih tinggi. Pada peringkat prasekolah, Malaysia mencatatkan peratus terkecil bagi kos tersebut, iaitu 4.53 peratus berbanding negara Korea Selatan (15.75), Finland (22.10) dan Chile (22.35). Terdapat peningkatan yang besar bagi Malaysia pada peringkat rendah, iaitu 15.67 peratus, diikuti Chile (18.48), Finland (20.11) dan Korea Selatan (31.03). Pada peringkat menengah pula, kos pembiayaan per murid berbanding KDNK per kapita bagi Malaysia adalah sebanyak 22.53 peratus dan dapat mengatasi Chile (18.93) serta hampir menandingi Finland (22.78), manakala Korea Selatan membiayai muridnya dengan peratus kos paling tinggi, iaitu sebanyak 31.03 peratus. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa kos pembiayaan negara untuk seorang murid masih lagi rendah berbanding negara lain dan memerlukan penambakan pada masa akan datang.

8.5.3 Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Jumlah Perbelanjaan Kerajaan

Deklarasi Incheon menuntut komitmen setiap negara untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya 16 peratus daripada jumlah perbelanjaan kerajaan terhadap bidang pendidikan. Indikator ini digunakan untuk melihat keutamaan yang diberikan oleh kerajaan terhadap sektor pendidikan berbanding perbelanjaan bagi sektor lain mengikut suatu tempoh masa tertentu atau sebagai perbandingan dengan negara lain. Rajah 8.15 menunjukkan perbandingan peratus perbelanjaan pendidikan berbanding jumlah perbelanjaan kerajaan bagi Malaysia dan negara lain.

Rajah 8.15

Perbandingan Peratus Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Jumlah Perbelanjaan Kerajaan Bagi Malaysia dan Negara Lain



Peratus perbelanjaan pendidikan berbanding jumlah perbelanjaan kerajaan Malaysia adalah antara yang tertinggi berbanding negara lain, iaitu 17.69 peratus. Chile yang memperuntukkan perbelanjaan pendidikan sebanyak 21.38 peratus, iaitu mengatasi Malaysia sebanyak 3.69 peratus. Negara lain pula memperuntukkan perbelanjaan pendidikan yang jauh lebih rendah seperti Thailand (14.49) dan Finland (11.75). Kedua-dua negara ini juga tidak mencapai nilai yang ditetapkan menerusi Deklarasi Incheon berkaitan peruntukan perbelanjaan untuk pendidikan berbanding jumlah perbelanjaan kerajaan.

8.6 PENUTUP

Indikator yang dibincangkan dalam bab ini memberi gambaran tentang kedudukan Malaysia berbanding dengan negara lain dalam aspek kemampuan serta keupayaan sistem pendidikan memenuhi permintaan, pelaburan dan pencapaian negara dalam bidang pendidikan serta kualiti dan persekitaran kerja guru. Kesemua indikator ini menjadi input dan asas pertimbangan dalam merancang strategi dan membuat keputusan dasar ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara agar setanding dengan negara maju.



JADUAL / DATA

Jadual 8.1

Bilangan Tahun bagi Pendidikan Percuma dan Pendidikan Wajib

Kategori	Tahun					
	Malaysia	Thailand	Chile	Purata Global	Korea Selatan	Finland
Pendidikan Percuma	11	12	12	-	9	12
Pendidikan Wajib	6	9	12	9	9	9

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics*

Jadual 8.2

Kadar Penyertaan Peringkat Prasekolah (2019)

Peringkat	Kadar Penyertaan (%)					
	Malaysia	Thailand	Chile	Purata Global	Korea Selatan	Finland
Prasekolah	98.06	78.60	84.80	60.84	92.24	105.88
Prasekolah (5+ tahun)	99.25	98.73	95.27	75.35	89.34	98.84

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics*

Jadual 8.3

Kadar Penyertaan Peringkat Rendah hingga Tertiar (2019)

Peringkat	Kadar Penyertaan (%)					
	Malaysia	Thailand	Chile	Purata Global	Korea Selatan	Finland
Rendah	104.38	101.05	102.37	101.71	100.99	99.92
Menengah	83.75	115.15	103.67	76.19	95.87	145.32
Tertiar	43.06	49.29	93.10	39.41	98.45	92.96
Rendah ke Tertiar	77.61	90.87	99.93	75.26	98.40	115.65

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics*

Jadual 8.4

Tempoh Jangkaan Pendidikan Peringkat Rendah ke Tertiar (2020)

Negara	Malaysia	Thailand	Chile	Purata Global	Korea Selatan	Finland
Tempoh Jangkaan Pendidikan (Tahun)	13.49	15.42	16.73	12.39	16.52	19.05

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics*

Jadual 8.5*Purata Bilangan Tahun Persekolahan*

Negara	Malaysia	Thailand	Chile	Purata Global	Korea Selatan	Finland
Purata Bilangan Tahun Persekolahan	10.65	8.70	10.59	-	12.12	12.87

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics***Jadual 8.6***Nisbah Murid kepada Guru Terlatih Mengikut Peringkat Pendidikan (2019)*

Peringkat Pendidikan	Nisbah Murid kepada Guru Terlatih Mengikut Peringkat Pendidikan					
	Malaysia	Brunei	Thailand	Filipina	Vietnam	Singapura
Prasekolah	18.75	30.25	-	33.12	16.13	-
Rendah	12.33	11.28	11.83	25.66	21.87	14.51
Menengah	12.68	9.05	23.59	25.17	-	11.57

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics***Jadual 8.7***Nisbah Murid kepada Guru Berkelayakan Mengikut Peringkat Pendidikan (2019)*

Peringkat Pendidikan	Nisbah Murid kepada Guru Berkelayakan Mengikut Peringkat Pendidikan					
	Malaysia	Brunei	Thailand	Filipina	Indonesia	Singapura
Prasekolah	16.23	15.20	-	33.39	21.07	-
Rendah	12.23	9.77	12.96	25.78	17.82	14.20
Menengah	11.78	8.85	26.25	25.19	16.76	11.33

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics***Jadual 8.8***Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Bacaan*

Peringkat Pendidikan	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Bacaan					
	Malaysia	Brunei	Thailand	Filipina	Indonesia	Vietnam
Akhir peringkat rendah	58.00	-	-	10.00	-	82.00
Akhir menengah rendah	54.17	48.2	40.46	19.38	30.09	86.16

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics*

Jadual 8.9*Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Matematik*

Peringkat Pendidikan	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Matematik					
	Malaysia	Brunei	Thailand	Filipina	Indonesia	Vietnam
Akhir peringkat rendah	64.00	-	-	17.00	-	92.00
Akhir menengah rendah	54.17	52.13	47.30	-	31.35	80.90

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics***Jadual 8.10***Indeks Pariti Jantina bagi Penyertaan Peringkat Rendah hingga Tertiar*

Indeks	Malaysia	Thailand	Chile	Purata Global	Korea Selatan	Finland
Kadar Penyertaan	0.78	0.91	1.00	0.75	0.98	1.16
Pariti Jantina	1.08	1.06	1.03	1.01	0.93	1.09

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics***Jadual 8.11***Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Bacaan dan Jurang Lokasi, SES dan Jantina*

Aspek	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum (%)					
	Malaysia	Brunei	Thailand	Filipina	Indonesia	Vietnam
Pencapaian Bacaan	54.17	48.2	40.46	19.38	30.09	86.16
Jurang lokasi	5.13	8.42	30.93	19.86	36.26	-
Jurang SES	42.98	43.39	37.67	37.21	29.09	16.44
Jurang jantina	14.11	12.52	18.64	7.93	11.21	14.66

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics***Jadual 8.12***Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum dalam Matematik dan Jurang Lokasi, SES dan Jantina*

Aspek	Pencapaian Sekurang-kurangnya Tahap Profesiensi Minimum (%)					
	Malaysia	Brunei	Thailand	Indonesia	Vietnam	
Pencapaian Matematik	54.17	52.13	47.3	31.35	80.90	
Jurang lokasi	13.42	12.73	22.21	39.54	-	
Jurang SES	41.84	39.83	31.54	28.15	20.07	
Jurang jantina	4.01	3.68	8.01	3.97	3.30	

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics*

Jadual 8.13*Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Mengikut Peringkat Pendidikan*

Peringkat Pendidikan	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Mengikut Peringkat Pendidikan (%)			
	Malaysia	Chile	Korea Selatan	Finland
Prasekolah	0.14	0.74	0.38	0.74
Rendah	1.52	1.52	1.46	1.35
Menengah	1.85	1.54	1.74	2.31
Tertiari	0.95	1.37	0.87	1.54

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics***Jadual 8.14***Kos Pembiayaan Permulaan Bagi Setiap Murid Berbanding KDNK Per Kapita*

Peringkat Pendidikan	Kos Pembiayaan Permulaan Bagi Setiap Murid Berbanding KDNK Per Kapita (%)			
	Malaysia	Chile	Korea Selatan	Finland
Prasekolah	4.53	22.35	15.75	22.10
Rendah	15.67	18.48	27.77	20.11
Menengah	22.53	18.93	31.03	22.78

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics***Jadual 8.15***Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Jumlah Perbelanjaan Kerajaan (2019)*

Negara	Malaysia	Thailand	Chile	Finland
Perbelanjaan Pendidikan Berbanding Jumlah Perbelanjaan Kerajaan (%)	17.69	14.49	21.38	11.75

Sumber : UNESCO *Institute for Statistics*



Sekalung
Penghargaan
atas sumbangan...

KPM

Lembaga Peperiksaan (LP)
Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal
Vokasional (BPLTV)
Bahagian Kewangan
Unit Komunikasi Korporat

AGENSI LAIN

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA